

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 133

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

Sebagaimana pada 31 Disember 2019

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

Tarikh Perkenan Diraja … … … 5 Jun 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … 13 Jun 1974

Kali terakhir dipinda
oleh Akta A1588 yang
mula berkuat kuasa pada … … 27 Disember 2019

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama *1997*

Cetakan Semula Yang Kedua *2000*

Cetakan Semula Yang Ketiga *2006*

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 133

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa
2. Kecualian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

JALAN

4. Menyenggara dan membaiki jalan awam
5. Kuasa bagi membuat dan memperelokkan jalan
6. Kuasa bagi mengambil tanah yang berdekatan dengan jalan baharu bagi maksud bangunan
7. Kuasa bagi mengambil hendaklah mengikut undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa
8. Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi jalan baharu atau kos bagi melebar, membuka, dsb., jalan awam
9. Orang persendirian membuat jalan baharu
10. Kelulusan pelan hendaklah tamat
11. Menurap, dsb., jalan persendirian
12. Pengisytiharan jalan awam
13. Jalan persendirian boleh diisytiharkan sebagai jalan awam

Seksyen

14. Melebarkan jalan

15. Membaiki jalan persendirian

16. Notis ke atas orang yang menyebabkan jalan persendirian berada dalam keadaan berbahaya atau cacat

17. Bayaran hendaklah dibuat sebelum didirikan bangunan mengenai kerja jalan

18. Menentukan amaun untuk dideposit dan tarikh siap

19. Pihak berkuasa tempatan boleh melaksanakan dan mengarahkan supaya dijalankan dengan sepatutnya kerja jalan

20. Pulangan balik deposit bila kerja jalan telah siap

21. Pulangan balik deposit apabila kerja bangunan tidak dimulakan

22. Penyediaan skim bagi bangunan

23. Garis aturan jalan boleh ditetapkan

24. Pihak berkuasa tempatan boleh dalam hal tertentu mengambil milik tanah dalam kawasan garis aturan jalan

25. Mengadakan siar kaki, dsb.

26. Pihak berkuasa tempatan boleh memasang tiang lampu dan lampu

27. Kedudukan paip air, dsb., hendaklah diubah atas belanja pihak berkuasa tempatan

28. Jika jalan rosak oleh sebab korokan pihak berkuasa tempatan boleh membaiki dan menuntut belanja

29. Nama jalan

30. Kedudukan pili bomba

31. Nombor rumah

32. Pintu tidak boleh membuka ke arah luar

33. Unjuran dari rumah tidak dibenarkan

34. Beranda yang mengunjur, dsb., boleh dibuat di jalan yang tidak kurang daripada 40 kaki lebarnya

35. Tanda langit

36. Pagar tumbuhan dan pokok yang bersempadanan dengan jalan hendaklah dipangkas

37. Mencegah kebakaran rumput

38. Pokok tidak boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada jalan

39. Mengambil tempat turap

Seksyen

40. Larangan memasang susur, paip, dsb., di sepanjang jalan

41. Langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan. Pengadang hendaklah didirikan melintang jalan semasa pembaikan dijalankan dan lampu dipasang pada waktu malam

42. Bahan tidak boleh diletakkan tanpa kebenaran

43. Tempat berbahaya hendaklah dibaiki atau dikepung

44. Kewajipan pemunya atau penduduk untuk menjaga kebersihan jalan

45. Membasahkan jalan

46. Halangan

47. Meletakkan debu atas jalan, dsb.

48. Tafsiran seksyen 46 dan 47

BAHAGIAN III

PARIT

49. (*Dipotong*)

50. Pihak berkuasa tempatan hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air

51. Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi memperelok dan membuat parit, dsb.

52. Larangan terhadap bangunan melainkan jika peruntukan dibuat untuk parit, dsb., dan pematuhan notis atau perintah

53. Pihak berkuasa tempatan hendaklah membaiki dan mengubah dan boleh meninggalkan parit air permukaan dan parit hujan lebat, dsb.

54. Membersih dan mengosongkan parit air permukaan dan parit hujan lebat, dsb.

55. Penalti kerana menjadikan parit sebagai alur atau anak sungai tanpa kebenaran

56. Paip air hujan tidak boleh digunakan sebagai paip kotoran

57. Paip air, dsb., tidak boleh digunakan sebagai lubang pengganti udara

58. Tafsiran

59. Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki tempat buang air kecil dipindahkan atau diubah

60. (*Dipotong*)

Seksyen

61. Paip pengganti udara bagi betung

62-64. (*Dipotong*)

BAHAGIAN IV

LORONG BELAKANG

65. Pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tanah untuk sebahagian lorong belakang

66. Pihak Berkuasa Negeri boleh memerintahkan lorong belakang disusun atur

67. Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos pengambilan bagi dan menyusun atur atau membina lorong belakang

68. Pengisytiharan lorong belakang sebagai jalan awam

69. Peruntukan am berkenaan dengan lorong belakang

BAHAGIAN V

BANGUNAN

70. Notis mengenai bangunan baharu

70A. Kerja tanah

70B. Perintah untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan semasa pendirian bangunan

70C. Pembatalan kelulusan apa-apa pelan, penentuan dan kebenaran

70D. Pemeriksaan pendirian bangunan pada mana-mana peringkat dan pengambilan sampel bagi penganalisisan

71. Penalti kerana bangunan atau kerja tanah gagal

72. Meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan

73. Penalti kerana menyewakan dan menjual bangunan yang tidak dibenarkan

74. Mengubah suai atau mengenepikan undang-undang kecil

75. Tanah hendaklah diasingkan untuk lorong belakang

76. Bangunan dilarang didirikan atas tanah yang tidak bersih

77. Bangunan di atas betung awam, dsb., tidak boleh didirikan tanpa persetujuan pihak berkuasa tempatan

Seksyen

78. Memindahkan bumbung dan dinding yang dibuat daripada bahan yang mudah terbakar

79. Membina petak, galeri, loteng, dsb., dalam bangunan

80. Bangsal alih tidak boleh didirikan tanpa kebenaran

81. Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya parit dibuat bagi premis yang tidak disalirkan dengan sepatutnya

82. Dinding adang hendaklah didirikan dalam masa kerja bangunan dijalankan

83. Kuasa mengenai bangunan yang berada dalam keadaan hampir runtuh dan berbahaya

84. Kuasa menutup dan menjamin keselamatan bangunan yang ditinggalkan

85. Bangunan yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah bersih

85A. Pemeriksaan bangunan dan cerun secara berkala

86. Kacau ganggu yang boleh diambil tindakan secara terus mengenainya di bawah Akta ini

87. Notis menghendaki kacau ganggu diberhentikan

88. Apabila notis tidak dipatuhi, perintah kacau ganggu hendaklah dibuat

89. Perintah untuk meruntuhkan rumah yang tidak layak untuk kediaman

90. Melaksanakan perintah peruntuhan

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

91. Perintah mandatori

92. Peruntukan mengenai rayuan terhadap perintah

93. Langkah pembicaraan jika pemunya tidak diketahui

94. Perintah *ex-parte* boleh dibuat dalam sesuatu hal yang memerlukan tindakan segera

95. Perlindungan bagi Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai daripada tanggungan sendiri

96. Tanggung rugi oleh pihak berkuasa tempatan

97. Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud Akta ini

98. Kuasa sesuatu pihak berkuasa untuk memasuki tanah yang bersebelahan dengan kerja

Seksyen

99. Sesuatu pihak berkuasa tempatan pada melaksanakan kerja hendaklah mengadakan jalan, dsb., jika jalan yang sedia ada terbencana

100. Penalti kerana menghalang sesuatu pihak berkuasa dalam kewajipannya

101. Pampasan, ganti rosak dan kos hendaklah diputuskan oleh mahkamah

102. Penduduk boleh melaksanakan kerja jika pemunya tidak melaksanakannya

103. Pengecualian bagi ejen yang tiada wang dalam tangan

104. Menuntut belanja dan kos yang kena dibayar oleh pemunya

105. Mendapatkan bayaran belanja dan kos secara beransur-ansur

106. Tindakan bagi mendapatkan bayaran tunggakan

107. Tahanan

108. Penggunaan hasil jualan

109. Hakmilik diberi melalui pembelian pada jualan di bawah seksyen 106

110. Kos tindakan bagi mendapatkan bayaran tunggakan

111. Kuasa untuk menahan jualan

112. Permohonan kepada mahkamah

113. Sekuriti hendaklah diberi

114. Tanggungan pemindah hakmilik

115. Tindakan jika seseorang penduduk membantah kerja dijalankan

116. Melupuskan benda dan barangan yang dipindahkan oleh pihak berkuasa tempatan

117. Lesen hendaklah mengikut budi bicara

118. Notis, dll.

119. Resit dan notis boleh diberi oleh pegawai yang diberi kuasa berkenaan dengannya

120. Menyampaikan notis

121. Kemungkiran mematuhi notis. Penalti am

122. Mahkamah bagi membicarakan kesalahan

123. Pihak berkuasa tempatan, dsb., boleh mengarahkan pendakwaan

124. Pekerja pihak berkuasa boleh meminta nama dan alamat dalam hal tertentu

125. Kuasa menangkap

126. Kecualian pendakwaan

127. Penalti am

Seksyen

128. Kerosakan kepada harta pihak berkuasa tempatan hendaklah dibaiki selain daripada penalti

129. Ketidaktepatan dalam dokumen

130. Keterangan

131. Peruntukan keterangan

132. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan

BAHAGIAN VII

UNDANG-UNDANG KECIL

133. Undang-undang kecil

BAHAGIAN VIII

PEMANSUHAN, PERUNTUKAN PERALIHAN, DSB.

134. Pemansuhan, peruntukan peralihan, dsb.

135. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan peralihan, dsb.

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 133

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

Suatu Akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia, dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[*Lihat Lampiran*]

BAHAWASANYA adalah dikehendaki diadakan dalam bentuk suatu Akta Parlimen suatu sistem yang sama berkenaan dengan jalan, parit dan bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia;

DAN BAHAWASANYA adalah mustahak sekarang ini diperbuat suatu undang-undang berkenaan dengan perkara kerajaan tempatan berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan hanya bagi maksud menentukan persamaan undang-undang dan dasar;

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan Fasal (4) Perkara 76 dalam Perlembagaan **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

(2) Akta ini hendaklah dipakai hanya di Semenanjung Malaysia.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan sesuatu Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini dan boleh menjalankan kuat kuasa semua atau mana-mana daripada peruntukan Akta ini sama ada di semua kawasan pihak berkuasa tempatan bagi sesuatu Negeri yang baginya dipakai pemberitahuan itu atau di mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan bagi Negeri itu sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana kawasan sesuatu pihak berkuasa tempatan yang baginya dipakai Akta ini daripada mana-mana atau semua peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(5) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(6) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* meluaskan mana-mana atau semua peruntukan Akta ini ke semua atau mana-mana bahagian sesuatu kawasan dalam Negeri itu yang bukan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan; dan boleh membuat apa-apa ubah

suaian, pindaan atau perubahan yang perlu kepada peruntukan itu bagi maksud dipakai bagi kawasan itu.

Kecualian

2. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh perjalanan kuat kuasa yang lepas bagi mana-mana undang-undang berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan, yang diluluskan sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini, atau apa-apa jua yang dibuat di bawah peruntukan undang-undang itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang sedia ada pada mula berkuat kuasanya Akta ini menurut mana-mana undang-undang itu hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ini, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata kemudian daripada ini.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"air kotor" termasuklah apa-apa cecair buangan rumahtangga yang mengalir dari sesuatu tempat mandi, pancuran, besen tandas, gegeluk lantai, dobi atau sink (yang bukan tangki bilas) tetapi tidak termasuk najis dan air kencing;

"arked" termasuk beranda;

"bangunan" termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi kediaman manusia atau selainnya, dan juga apa-apa tembok, pagar, pelantar, pementasan, pintu pagar, tiang, pilar, paling, bingkai, dinding adang, tempat lancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas mendarat atau jambatan, atau apa-apa binaan, tupang atau asas yang berkaitan dengan yang tersebut di atas;

"betung" mempunyai erti yang diberikan kepada "pembetung" di bawah *Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*];

"cerun" ertinya kecerunan permukaan tanah atau batu sama ada dibina atau wujud secara semula jadi termasuk apa-apa binaan yang melawan daya dan momen cerun itu;

"geoteknikal" ertinya bidang kejuruteraan berhubung dengan sifat tanah dan batuan yang termasuklah jenis, keadaan, profil, reka bentuk struktur, penstabilan cerun dan kerja-kerja pemantauan lain berkaitan dengan sifat tanah dan batuan itu;

"jalan" termasuklah sesuatu jalan, medan, siar kaki atau jalan lalu, jalan susur, sama ada jalan-tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar kaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak; dan semua saluran, parit, longkang, dan tanah rizab di sisi mana-mana jalan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada jalan itu;

"jalan awam" ertinya mana-mana jalan yang di atasnya orang ramai ada hak lalu yang biasanya dibaiki atau disenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini atau yang telah dipindahkan kepada atau yang telah terletak hak pada pihak berkuasa tempatan di bawah Akta ini atau dengan apa-apa cara lain;

"jalan persendirian" ertinya mana-mana jalan yang bukan suatu jalan awam;

"kacau ganggu" ertinya sesuatu perbuatan, ketinggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan,

---

**CATATAN*—Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*] telah dimansuhkan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] berkenaan dengan pemakaiannya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008—*lihat* subseksyen 185(1) Akta 655.

bau atau pendengaran, atau yang adalah atau mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta;

"kerja jalan" termasuklah kerja membetung, merata, melepa, menurap dengan logam atau papak, memasang bebendulnya, membuat saluran, membuat parit, memasang lampu, memasang perkhidmatan air, gas atau elektrik dan dengan cara lain membaiki sesuatu jalan atau sebahagian daripada sesuatu jalan;

"Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan" ertinya Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 132;

"orang" termasuklah suatu syarikat, perkongsian, kumpulan orang dan perbadanan tunggal;

"orang yang berkelayakan" ertinya seorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya;

"orang yang mengemukakan" ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu;

"orang utama yang mengemukakan" ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu;

"paip sambungan persendirian" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah *Akta Industri Perkhidmatan Air 2006;

"pelan bangunan" ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratin dan tampak sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

"pelan struktur" ertinya suatu pelan berhubungan dengan unsur struktur;

"pemaju" ertinya seseorang, sesuatu kumpulan orang, syarikat, firma atau pertubuhan yang mengambil bahagian dalam atau menjalankan atau mengusahakan perniagaan memajukan atau mengadakan wang bagi kemajuan atau membeli atau memajukan secara sebahagian dan mengadakan wang bagi membeli bangunan;

"pemunya" ertinya—

(a) tuan punya berdaftar bagi tanah;

(b) pemegang pajak bagi suatu pajakan termasuk seorang pemegang pajak kecil bagi tanah sama ada berdaftar atau tidak;

(c) ejen atau pemegang amanah bagi pemunya yang diperihalkan dalam perenggan *(a)* dan *(b)* tafsiran ini jika pada pendapat suatu pihak berkuasa tempatan mana-mana daripada orang itu tidak dapat dikesan atau, jika mana-mana daripada orang itu telah mati, wakilnya yang sah di sisi undang-undang;

(d) orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan sama ada

---

**CATATAN*—Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*] telah dimansuhkan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] berkenaan dengan pemakaiannya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008—*lihat* subseksyen 185(1) Akta 655.

bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu disewakan kepada seorang penyewa;

"pemunya bidang hadapan" ertinya pemunya premis yang berhadapan, bersampingan, bersempadanan atau (walaupun tidak sebenarnya berhadapan, bersampingan atau bersempadanan sedemikian) bersebelahan atau mempunyai tempat lalu ke suatu jalan, lorong belakang atau jika—

(a) pemunya premis itu dengan sendiri atau melalui penyewanya berhak menggunakan atau biasanya menggunakan jalan atau lorong belakang itu sebagai suatu cara akses kepada premis itu atau cara penyaliran dari premis itu; dan

(b) pada pendapat pihak berkuasa tempatan, penggunaan atau hak menggunakan itu adalah bagi kebaikan atau faedah tanah itu;

"penduduk" ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau bangunan yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap;

"perakuan siap dan pematuhan" ertinya perakuan yang diberi atau diluluskan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

"perakuan siap dan pematuhan sebahagian" ertinya perakuan yang diberi atau diluluskan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

"Pihak Berkuasa Negeri" mengenai—

(a) Negeri-negeri Malaysia ertinya Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri dan termasuklah di Negeri Sembilan

Yang di-Pertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya dan bagi pihak Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin; dan

(b) Wilayah Persekutuan ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan;

"pihak berkuasa tempatan" ertinya mana-mana majlis bandaraya, majlis perbandaran, majlis bandaran, lembaga bandaran, majlis tempatan, lembaga desa atau pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya yang ditubuhkan oleh undang-undang bertulis dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan

"pihak berkuasa tempatan" ertinya Pesuruhjaya Bandaraya Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

"premis" termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun;

"rumah" termasuklah rumah kediaman, gudang, pejabat, rumah pengiraan, kedai, sekolah, dan sesuatu bangunan lain dalam mana orang-orang bekerja;

"rumah kediaman" termasuklah sesuatu bangunan atau tenement yang digunakan kesemuanya atau sebahagian besarnya, yang dibina atau dipadankan untuk digunakan bagi kediaman manusia;

"siar kaki" termasuklah lorong kaki dan jalan kaki lima di sisi jalan;

"sistem pembetungan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah *Akta Industri Perkhidmatan Air 2006;

CATATAN—Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*] telah dimansuhkan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] berkenaan dengan pemakaiannya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008—*lihat* subseksyen 185(1) Akta 655.

"tanda langit" ertinya apa-apa binaan yang terdiri daripada suatu bingkai, dinding adang, papan, bar, pilar, tiang, dawai, atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu, atau sesuatu binaan yang serupa itu, atau apa-apa benda yang boleh dilihat dan yang terapung atau yang ditetapkan kedudukannya dengan ikatan dawai atau dengan alat lain yang boleh dilentur, yang ditunjukkan bagi maksud iklan perdagangan atau profesion dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit di atas paras am bumbung atau bangunan di sekitarnya dari mana-mana jalan atau tempat awam;

"tempat tumpuan awam" ertinya suatu bangunan atau suatu tempat yang ditentukan atau terkepung yang digunakan atau dibina atau dipadankan untuk digunakan sama ada lazimnya atau kadangkala sebagai suatu gereja, gereja kecil, masjid, rumah berhala atau tempat lain di mana sembahyang awam atau upacara agama dijalankan, yang bukan semata-mata suatu rumah kediaman yang digunakan sedemikian, atau sebagai suatu panggung wayang gambar, panggung, dewan awam, bilik sandiwara awam, dewan tarian awam, bilik syarahan awam atau bilik pameran awam, restoran, kelab malam, tempat perhentian atau arked beli-belah, atau sebagai suatu tempat perhimpunan awam bagi orang-orang yang dibenarkan masuk ke dalamnya dengan tiket atau dengan cara lain atau digunakan atau dibina atau dipadankan untuk digunakan sama ada lazimnya atau kadangkala bagi apa-apa lain maksud awam;

"unsur struktur" ertinya bahagian atau unsur sesuatu bangunan yang menahan daya dan momen dan termasuklah asas tapak, rasuk, tiang, teras ricih, papak, kekuda bumbung, tangga, dinding bawa beban dan segala unsur lain yang direka bentuk untuk menahan daya dan momen tetapi tidak termasuk pintu, tingkap dan dinding tidak bawa beban.

BAHAGIAN II

JALAN

Menyenggara dan membaiki jalan awam

4. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah, setakat mana kumpulan wangnya akan membenarkan, mengarahkan supaya semua jalan awam bersama dengan siar kakinya, sama ada ditutupi dengan arked atau tidak, disenggara dan dibaiki dan boleh—

(a) mengarahkan supaya semuanya itu dilepa, diturap dengan logam atau papak, diadakan salurannya, paritnya, bebendulnya, lampunya atau dengan cara lain diperelokkan dan permukaannya ditinggikan, direndahkan atau diubah sebagaimana yang difikirkannya patut;

(b) membuat dan menyenggara supaya berada dalam keadaan baik apa-apa siar kaki bagi kegunaan pejalan kaki di mana-mana jalan itu;

(c) memasang pada sisi siar kaki atau selainnya itu apa-apa pagar dan tiang yang diperlukan untuk melindungi pejalan kaki;

(d) mengadakan lampu jalan.

Batu sempadan

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh mendirikan atau memasang pada mana-mana premis yang bersempadanan dengan sesuatu jalan awam, batu sempadan atau tanda lain untuk menunjukkan panjang, lebar dan jajaran jalan itu.

Penalti

(3) Mana-mana orang yang memindahkan, mencacatkan atau merosakkan mana-mana batu sempadan atau tanda yang didirikan mengikut Akta ini boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

Pemunya atau penduduk hendaklah melindungi batu sempadan

(4) Pemunya dan penduduk bagi mana-mana premis yang dalamnya atau padanya batu atau tanda itu didirikan atau dipasang hendaklah melindungi batu atau tanda itu.

(5) Belanja bagi mengganti mana-mana batu atau tanda itu hendaklah dibayar oleh penduduk itu, atau jika premis itu tidak diduduki, oleh pemunyanya, dan boleh dituntut secara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Kuasa bagi membuat dan memperelokkan jalan

5. Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri—

(a) menyusun atur dan membuat jalan dan lorong belakang yang baharu;

(b) mendiri dan membina jambatan dan terowong;

(c) membelok, melencong, meninggalkan atau menutup mana-mana jalan awam; dan

(d) melebar, membuka, membesarkan atau dengan cara lain mengelokkan mana-mana jalan awam.

Kuasa bagi mengambil tanah yang berdekatan dengan jalan baharu bagi maksud bangunan

6. (1) Pada menyusun atur atau membuat sesuatu jalan baharu, atau pada melebar, membuka, membesar atau dengan cara lain memperelokkan mana-mana jalan awam, selain daripada tanah yang dikehendaki bagi jalan kereta dan siar kakinya itu, pihak berkuasa tempatan boleh meminta Pihak Berkuasa Negeri supaya mengambil tanah yang perlu bagi bangunan untuk membentuk jalan tersebut dan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri boleh—

(a) mendirikan apa-apa bangunan di atas tanah yang diambil sedemikian atau meminda mana-mana bangunan yang sedia ada di atasnya; dan

(b) menjual dan melupuskan tanah atau bangunan itu dengan apa-apa janji dan syarat yang difikirkannya patut tentang kelas dan jenis bangunan yang hendak didirikan di atas tanah itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), berkenaan dengan Wilayah Persekutuan sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

Kuasa bagi mengambil hendaklah mengikut undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa

7. (1) Jika mana-mana harta tak alih yang bukannya tanah Kerajaan Negeri dikehendaki untuk diambil bagi mana-mana daripada maksud di bawah seksyen 5 dan 6, harta itu boleh diambil mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah yang pada masa itu berkuat kuasa di Negeri di mana harta itu terletak.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) berkenaan dengan Wilayah Persekutuan sebutan mengenai tanah Kerajaan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tanah Persekutuan.

Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi jalan baharu atau kos bagi melebar, membuka, dsb., jalan awam

8. (1) Apabila pihak berkuasa tempatan telah membuat sesuatu jalan baharu atau telah melebar, membuka, membesarkan atau dengan cara lain memperelokkan sesuatu jalan awam, ia boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menuntut kos bagi mengambil tanah itu untuk, dan bagi—

(a) membina jalan baharu itu;

(b) melebar, membuka, membesarkan atau dengan cara lain memperelokkan jalan awam itu,

daripada pemaju yang berkenaan atau pemunya bidang hadapan atau kedua-keduanya.

(2) Jika jumlah wang itu kena dibayar oleh pemaju itu, jumlah wang itu boleh dituntut daripada pemaju itu dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Jika kos itu kena dibayar oleh pemunya bidang hadapan, orang yang menjadi pemunya bidang hadapan apabila kerja itu siap adalah bertanggungan membayarnya dan jumlah wang itu boleh dituntut secara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(4) Pada menentukan amaun yang masing-masing kena dibayar oleh pemunya bidang hadapan atau pemaju itu pihak berkuasa tempatan boleh memberi pertimbangan kepada mana-mana atau segala faktor berikut:

(a) bidang hadapan premis mereka masing-masing;

(b) luas premis mereka masing-masing;

(c) takat faedah yang akan didapati oleh premis itu dengan pembinaan jalan itu;

(d) jika mana-mana bahagian daripada jalan itu telah dibina terdahulu daripada itu, amaun dan nilai kerja jalan itu yang telah pun dilaksanakan oleh pemunya bidang hadapan itu;

(e) bayaran yang munasabah berkenaan dengan pengukuran dan pengawasan;

(f) kos bagi premis yang diserah balik oleh pemunya secara sukarela kepada pihak berkuasa tempatan itu; dan

(g) apa-apa perkara lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan itu adalah berkaitan dan patut ditimbangkan.

(5) Jika pemaju atau pemunya bidang hadapan itu tidak puas hati dengan pembahagian kos itu, dia boleh dalam masa satu bulan dari menerima notis pembahagian itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah undang-undang.

(6) Pihak berkuasa tempatan boleh mengecualikan mana-mana pemunya bidang hadapan atau kelas pemunya bidang hadapan daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada kos kerja jalan itu.

Orang persendirian membuat jalan baharu

9. (1) Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa jalan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

(2) Mana-mana orang yang bercadang hendak membuat sesuatu jalan baharu hendaklah memohon kepada pihak berkuasa tempatan, disertai dengan suatu pelan dalam dua salinan, menunjukkan aras dan pembinaan yang dicadangkan bagi jalan itu dan aras rumah yang akan dibina atas tanah yang bersempadanan dengannya dan cara pemaritannya yang dicadangkan dan juga dengan suatu pernyataan menyatakan bagi kegunaan apakah jalan itu dicadangkan:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh meluluskan pelan jelas bagi mana-mana jalan baharu melainkan penggunaan tanah itu bagi maksud ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang layak di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa.

(3) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan sesuatu pelan untuk suatu jalan baharu berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir yang berikut:

(a) pematuhan Akta ini dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya;

(b) garis jalan baharu itu, bagi memastikan supaya ia menjadi suatu jalan yang terus menerus dengan mana-mana jalan yang sedia ada atau mana-mana jalan baharu yang dicadangkan;

(c) aras, bahan dan pembinaan jalan baharu itu;

(d) mengadakan lorong kaki dan besarnya, penentuan dan cerun lorong kaki itu;

(e) mengadakan di sepanjang jalan baharu itu jalan silang atau lorong belakang silang;

(f) lebar jalan baharu itu;

(g) lebar mana-mana jalan atau lorong belakang silang, yang mana hendaklah selebar yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan;

(h) cerun, aras dan cara pemaritan jalan baharu itu dan mana-mana jalan atau lorong belakang silang;

(i) membulatkan penjuru jalan baharu itu;

(j) mengadakan pembetung dan besarnya, penentuan, dan cerun bagi pembetung itu; dan

(k) mengadakan lampu jalan, dan orang yang kepadanya arahan bertulis itu diberi hendaklah meminda pelan itu dengan sewajarnya.

(4) Orang yang pelannya telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan tiap-tiap pengganti dalam hak milik bagi orang itu, setakat mana jalan itu terletak di tanah yang diambilnya itu, hendaklah menyusun atur jalan baharu itu dan menandakan sempadannya dengan batu sempadan atau tanda lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menunjukkan panjang, lebar dan jajaran jalan itu.

(5) Jika jalan baharu itu belum disusun atur dan ditandakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh pelan itu mula diluluskan atau dalam tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan boleh memasuki tanah itu dan menyusun atur jalan baharu itu dan menandakan sempadannya atas belanja orang yang pelannya telah diluluskan itu atau atas belanja penggantinya dalam hak milik.

(6) Orang yang pelannya telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan penggantinya dalam hak milik, setakat mana jalan itu terletak di tanah yang diambilnya itu hendaklah, jika dia membina jalan baharu itu, membina jalan baharu itu mengikut pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan dalam kelulusan itu:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu boleh membaharui kelulusan itu untuk sesuatu tempoh yang difikirkannya perlu.

(7) Mana-mana orang yang—

(a) membina sesuatu jalan baharu dengan apa-apa cara melainkan dengan mengikut pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen ini;

(b) tanpa kebenaran secara bertulis daripada pihak berkuasa tempatan menanam apa-apa pagar tumbuhan dengan cara supaya mana-mana bahagiannya adalah mengikut mana-mana arah kurang daripada dua puluh kaki daripada tengah jalan kereta bagi mana-mana jalan, yang bukan jalan awam, atau kurang daripada empat puluh kaki daripada sisi seberang jalan bagi mana-mana jalan atau lorong yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai cara akses kepada dua buah rumah atau lebih tidak termasuk lebar mana-mana siar kaki yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan; atau

(c) membina apa-apa pembetung atau jambatan atas garis parit jalan baharu itu dengan apa-apa cara melainkan dengan mengikut pelan dan penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit, dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, membuat suatu perintah mandatori terhadap pesalah itu menghendakinya melaksanakan mana-mana satu atau lebih daripada kerja-kerja yang berikut:

(i) mengubah jalan itu;

(ii) membuang apa-apa pagar tumbuhan yang ditanam sedemikian;

(iii) mengubah atau mengalih mana-mana pembetung atau jambatan yang dibina sedemikian; atau

(iv) mematuhi pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

(8) Jika sesuatu jalan baharu adalah dinyatakan sebagai dicadang untuk pejalan kaki, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan supaya jalan baharu itu tidak digunakan oleh kereta atau kelas kereta.

(9) Mana-mana orang yang membuka atau menggunakan jalan itu dengan melanggar syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (8) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan suatu notis menghendaki supaya diberhentikan pelanggaran itu.

(10) Tiada seorang pun yang boleh mendirikan atau menyenggara atau membenar didirikan atau disenggara apa-apa halangan di mana-mana jalan, dan pihak berkuasa tempatan boleh, di mana-mana halangan itu berada meruntuhkan dan membuang halangan itu dan kos dan belanja bagi membuat sedemikian boleh dituntut daripada orang yang mendirikan, menyenggara atau membenarkan halangan itu didirikan atau disenggara dan boleh dituntut dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(11) Bagi maksud seksyen ini, menyambung sesuatu jalan yang sedia ada atau melebarkan atau mengubah sesuatu jalan yang sedia ada atau memadankan bagi lalu lintas pengangkutan sesuatu jalan yang dibuat untuk lalu lintas lain hendaklah disifatkan sebagai membuat suatu jalan baharu mengenai seluruh jalan itu.

(12) Jika orang yang memohon di bawah subseksyen (2) tidak berpuas hati dengan sesuatu suruhan atau penolakan pihak berkuasa tempatan, dia boleh, dalam masa tujuh hari dari tarikh menerima suruhan atau penolakan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu adalah muktamad.

(13) Jika dalam masa dua bulan daripada tarikh menerima permohonan dan pelan di bawah seksyen ini pihak berkuasa tempatan tidak meluluskan, tidak menolak atau tidak membuat suruhan bertulis berkenaan dengannya, pemohon itu boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri dan kuasa yang terletak hak pada pihak berkuasa tempatan itu di bawah seksyen ini hendaklah kemudiannya terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri.

Kelulusan pelan hendaklah tamat

10. Semua pelan untuk membuat sesuatu jalan baharu yang telah diluluskan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah tamat apabila berakhir satu tahun daripada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan boleh membenarkan sesuatu pembaharuan bagi kelulusan itu selama sesuatu tempoh yang ditentukannya, tetapi tiap-tiap satu pembaharuan itu tidak boleh, pada jumlahnya, lebih daripada dua belas bulan.

Menurap, dsb., jalan persendirian

11. (1) Jika pada pendapat pihak berkuasa tempatan mana-mana jalan persendirian atau mana-mana bahagian daripada suatu jalan persendirian memerlukan kerja jalan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengarahkan supaya disediakan pelan dan penentuan bagi kerja jalan itu dan juga suatu anggaran kosnya dan suatu pembahagian sementara belanja yang dianggarkan itu antara pemunya bidang hadapan atau pemaju atau kedua-duanya dan hendaklah menyampaikan suatu notis keputusan itu kepada setiap seorang pemunya bidang hadapan atau pemaju menghendaki mereka melaksanakan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan dan mengikut arahan bertulis dari pihak berkuasa tempatan kerja jalan itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

Pembahagian kos

(2) Pada membahagikan kosnya yang dianggarkan antara pemunya bidang hadapan atau pemaju, pihak berkuasa tempatan boleh memberi pertimbangan kepada mana-mana atau segala faktor berikut:

(a) bidang hadapan premis mereka masing-masing;

(b) luas premis mereka masing-masing;

(c) takat faedah yang akan didapati oleh premis itu dengan pembinaan kerja jalan itu;

(d) amaun dan nilai kerja jalan yang telah pun dilaksanakan oleh mana-mana pemunya bidang hadapan atau pemaju;

(e) bayaran yang munasabah mengenai pengukuran, pengawasan dan penyiaran dan penyampaian notis-notis; dan

(f) apa-apa perkara lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan adalah berkaitan dan patut dipertimbangkan.

Pelan, dsb., hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh atau bagi pihak sesiapa jua yang telah disampaikan notis

(3) Dalam masa satu bulan daripada tarikh dikeluarkan untuk penyampaian notis yang tersebut dalam subseksyen (1), pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara tersebut hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh atau bagi pihak sesiapa yang telah disampaikan notis itu dan oleh atau bagi pihak pemunya mana-mana bangunan atau pegangan yang disenaraikan di pejabat pihak berkuasa tempatan; dan notis itu hendaklah menyatakan—

(a) bahawa pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara itu adalah terbuka sedemikian untuk diperiksa seperti tersebut di atas semasa waktu pejabat biasa sehingga suatu hari (tidak kurang daripada satu bulan daripada tarikh dikeluarkan untuk penyampaian notis itu) bila pihak berkuasa tempatan akan menimbangkan apa-apa bantahan terhadap kerja jalan yang dicadangkan itu atau terhadap pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara atau apa-apa pindaannya; dan

(b) bahawa jika sekiranya tidak dipatuhi kehendak pihak berkuasa tempatan sebagaimana dinyatakan dalam notis itu, pihak berkuasa tempatan sendiri akan mengarahkan supaya kerja jalan itu dilaksanakan.

Pihak berkuasa tempatan boleh meminda pelan, dsb., bagi mana-mana kerja jalan

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa meminda pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara bagi mana-mana kerja jalan, tetapi jika oleh sebab sesuatu pindaan itu anggaran mengenai mana-mana jalan persendirian atau mana-mana bahagiannya ditambah atau pembahagian sementara kos kerja jalan itu atas mana-mana premis ditambah, notis yang telah disampaikan dahulunya hendaklah ditarik balik oleh pihak berkuasa tempatan itu dan notis baharu berasaskan pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara yang dipinda atau mana-mana daripadanya hendaklah disampaikan oleh pihak berkuasa tempatan itu mengikut peruntukan subseksyen (1) dan pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara yang dipinda itu hendaklah terbuka sedemikian itu juga untuk diperiksa.

Pemunya bidang hadapan boleh membantah pelaksanaan kerja jalan yang dicadangkan dan juga pelan, dsb.

(5) Dalam masa satu bulan yang tersebut dalam subseksyen (3) pemunya bidang hadapan atau pemaju yang ditunjukkan dalam pembahagian sementara itu atau pembahagian sementara yang dipinda itu sebagai bertanggungan membayar apa-apa bahagian daripada belanja melaksanakan kerja jalan itu boleh, dengan notis secara bertulis yang disampaikan dengan sempurna kepada pihak berkuasa tempatan, membantah terhadap kerja jalan yang dicadangkan itu dan terhadap pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara atau terhadap mana-mana satu atau lebih daripadanya atau terhadap mana-mana pindaannya menurut subseksyen (4) atas mana-mana satu atau lebih daripada alasan yang berikut:

(a) bahawa jalan persendirian atau bahagiannya yang dikatakan itu bukanlah atau tidaklah menjadi sebahagian daripada sesuatu jalan dalam erti Akta ini;

(b) bahawa jalan persendirian atau bahagiannya yang dikatakan itu adalah (kesemua atau sebahagiannya) suatu jalan awam;

(c) bahawa ada sesuatu perkara material yang tidak mengikut peraturan, sesuatu kecacatan atau kesilapan dalam, atau mengenai, keputusan, notis, pelan, penentuan, anggaran atau pembahagian sementara atau pindaannya;

(d) bahawa kerja jalan yang dicadangkan itu adalah tidak mencukupi atau tidak munasabah atau bahawa belanja sebagaimana dianggarkan itu adalah berlebihan;

(e) bahawa sesuatu premis patut dikecualikan daripada pembahagian sementara itu atau disenaraikan dalamnya;

(f) bahawa pembahagian sementara itu atau pembahagian sementara yang dipinda itu adalah tidak betul mengenai sesuatu perkara fakta yang akan dinyatakan dalam bantahan itu atau (jika pembahagian sementara itu adalah dibuat berhubungan dengan pertimbangan lain yang lain daripada bidang hadapan sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen ini) mengenai takat faedah yang didapati oleh mana-mana orang atau amaun dan nilai mana-mana kerja jalan yang telah pun dilaksanakan oleh pemunya atau penduduk sesuatu premis.

Bantahan

(6) Selepas bantahan yang dibuat dengan sempurna di bawah subseksyen (5) disiasat dan selepas orang yang membuatnya diberi peluang untuk didengar, pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, mengesahkan atau meminda pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara itu.

(7) Pelan, penentuan, anggaran dan pembahagian sementara yang disahkan atau dipinda sedemikian hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh orang yang disebutkan dalam subseksyen (3) atau (4) dalam masa

waktu biasa pejabat di pejabat pihak berkuasa tempatan dan suatu notis menyatakan bahawa ia adalah terbuka untuk diperiksa hendaklah disiarkan dengan apa-apa cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

(8) Tiada apa-apa bantahan boleh dibuat terhadap suruhan, anggaran atau pembahagian yang dipinda itu.

Bila pihak berkuasa tempatan boleh melaksanakan kerja

(9) Jika kerja jalan itu—

(a) tidak dimulakan dalam tempoh yang ditentukan dalam notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1);

(b) tidak dimulakan dalam masa tiga puluh hari daripada tarikh pengesahan atau pindaan itu di bawah subseksyen (6); atau

(c) setelah dimulakan, kemudiannya digantung atau tidak siap dalam tempoh yang ditentukan dalam notis di bawah subseksyen (1) atau dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh pengesahan atau pindaan di bawah subseksyen (6), mengikut mana-mana yang berkenaan,

pihak berkuasa tempatan boleh, jika difikirkan patut, mengarahkan supaya kerja jalan itu dilaksanakan dan disiapkan.

Pembahagian akhir apabila siap kerja

(10) Apabila kerja jalan telah disiapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan kosnya ditentukan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengarahkan supaya suatu pembahagian akhir bagi kos kerja jalan itu dibuat dengan membahagikan belanja itu mengikut kadar yang sama seperti kadar dengan mana belanja yang dianggarkan telah dibahagi dalam pembahagian sementara atau dalam pembahagian sementara yang dipinda itu (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan pembahagian akhir itu hendaklah menjadi muktamad bagi semua

maksud dan notis pembahagian akhir itu hendaklah disampaikan kepada orang yang mana adalah pemunya bidang hadapan pada masa siapnya kerja yang terlibat olehnya atau pemaju atau kedua-duanya, dan jumlah wang yang dengan demikian itu dibahagikan boleh dituntut dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Takat tanggungan pemunya apabila belanja dilebihi

(11) Jika belanja yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan pada melaksanakan kerja jalan sebagaimana ditunjukkan dalam pembahagian akhir itu melebihi belanja yang dianggarkan sebagaimana ditunjukkan dalam pembahagian sementara atau pembahagian sementara yang dipinda (mengikut mana-mana yang berkenaan) pemunya bidang hadapan atau pemaju yang terlibat tidaklah bertanggungan membayar bahagian belanja sebagaimana yang ditunjukkan dalam pembahagian akhir itu yang lebih daripada suatu jumlah yang sama banyaknya dengan anggaran yang ditunjukkan dalam pembahagian sementara tersebut campur sepuluh peratus daripadanya.

(12) *(a)* Pihak berkuasa tempatan boleh, daripada mengenakan bayaran ke atas pemunya bidang hadapan atau pemaju, membayar kesemua atau sebahagian daripada kos kerja jalan itu dan boleh mengecualikan mana-mana premis atau kelas premis daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada kos yang dibahagikan kepada premis atau kelas premis itu.

(b) Jika pihak berkuasa tempatan mengecualikan mana-mana premis atau kelas premis daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada kos yang dibahagikan itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar jumlah wang yang dibahagikan kepada premis atau kelas premis itu seolah-olah ia adalah pemunya premis atau kelas premis itu.

(13) Bagi maksud seksyen ini "pemaju" ertinya pemaju bagi tanah kepunyaan orang yang akan menjadi pemunya bidang hadapan.

Pengisytiharan jalan awam

12. (1) Jika kerja jalan telah dilaksanakan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan di bawah Bahagian ini mengenai suatu jalan persendirian atau sebahagian daripada suatu jalan persendirian, yang tidak kurang daripada empat puluh kaki lebarnya, atas permintaan—

(a) mengenai kerja jalan yang dilaksanakan di bawah seksyen 11 daripada beberapa orang pemunya bidang hadapan yang disenaraikan dalam pembahagian akhir yang bersesama mempunyai suatu nilai tahunan lebih daripada lima puluh peratus dari jumlah nilai tahunan premis yang disenaraikan sedemikian; atau

(b) mengenai kerja jalan yang lain daripada beberapa orang pemunya bidang hadapan bagi jalan persendirian atau sebahagian daripada jalan persendirian yang bersesama mempunyai suatu nilai tahunan lebih daripada lima puluh peratus dari jumlah nilai tahunan premis yang berhadapan, bersampingan, bersempadanan dengan atau (walaupun tidak sebenarnya berhadapan, bersampingan atau bersempadanan sedemikian) bersebelahan atau mempunyai tempat lalu ke sesuatu jalan persendirian itu atau ke sebahagian daripada jalan persendirian itu mengikut mana-mana yang berkenaan,

menghendaki supaya jalan persendirian itu atau sebahagian daripada jalan persendirian itu diisytiharkan sebagai suatu jalan awam, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengisytiharkan jalan itu sebagai suatu jalan awam dan jalan itu hendaklah dengan itu menjadi suatu jalan awam dan disenggara selama-lamanya selepas itu oleh pihak berkuasa tempatan.

(2) Perisytiharan itu hendaklah disiarkan mengikut cara yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan.

Jalan persendirian boleh diisytiharkan sebagai jalan awam

13. (1) Jika sesuatu jalan, yang bukannya suatu jalan awam, dirata, diadakan salurannya dan paritnya, dan sama ada dilepa, diturap dengan logam atau papak dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, ia boleh sama ada atas permintaan pemunya bidang hadapan atau lain-lain, jika difikirkannya patut, mengisytiharkan bahawa jalan itu hendaklah menjadi suatu jalan awam apabila tamat satu bulan daripada tarikh pengisytiharan itu.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemunya bidang hadapan mengadakan lampu bagi jalan itu dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan sebagai suatu syarat terdahulu daripada pengisytiharan di bawah subseksyen (1).

(3) Suatu salinan tujuan hendak mengisytiharkan jalan itu sebagai suatu jalan awam hendaklah ditampalkan dengan segera di sesuatu bahagian jalan itu yang mudah dilihat.

(4) Apabila tamat tempoh tersebut, melainkan jika pemunya bidang hadapan atau beberapa orang pemunya bidang hadapan yang mempunyai sebahagian lebih besar dari segi nilai tahunan telah membantah terhadapnya melalui notis kepada pihak berkuasa tempatan secara bertulis di bawah tandatangan mereka maka jalan tersebut hendaklah menjadi suatu jalan awam dan disenggara selamalamanya selepas itu oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Selepas menimbangkan bantahan itu atau jika tiada bantahan selepas tamat tempoh tersebut pihak berkuasa tempatan itu hendaklah mengisytiharkan jalan itu sebagai jalan awam dengan cara yang difikirkannya patut.

Melebarkan jalan

14. (1) Apabila pihak berkuasa tempatan membuat keputusan bahawa adalah perlu untuk melebarkan, membuka, membesar atau dengan cara lain memperelokkan sesuatu jalan persendirian atau mana-

mana bahagian sesuatu jalan persendirian, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyediakan suatu pelan menunjukkan premis yang akan diambil bagi maksud menjalankan kerja melebar, membuka, membesar atau dengan cara lain memperelokkan jalan itu:

Dengan syarat bahawa sesuatu pengambilan premis hendaklah mengikut undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah.

Pengambilan kesemua bangunan jika sebahagian menjadi tidak berguna

(2) Jika mana-mana bahagian sesuatu bangunan yang terletak atas sesuatu pegangan adalah diambil di bawah seksyen ini dan dengan hal yang demikian bahagian bangunan yang selebihnya itu menjadi tidak berguna lagi, maka Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu iaitu bahagian yang darinya bangunan itu menjadi sebahagian.

Pengambilan kesemua pegangan dalam hal tertentu

(3) Jika mana-mana bahagian sesuatu pegangan yang tiada apa-apa bangunan terletak atas bahagian itu atau atas bahagian pegangan yang selebihnya itu diambil di bawah seksyen ini dan dengan hal yang demikian, bahagian pegangan yang selebihnya itu menjadi tidak berguna lagi sebagai tapak bangunan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu.

(4) Kos pengambilan di bawah seksyen ini boleh dituntut daripada pemaju atau pemunya bidang hadapan atau kedua-duanya.

Pemunya membayar balik kepada pihak berkuasa tempatan kos pengambilan

(5) Jika kos itu hendak dituntut daripada pemunya bidang hadapan, kos itu hendaklah dibahagikan antara orang-orang yang mana adalah pemunya-pemunya bidang hadapan bagi jalan itu pada masa siapnya kerja melebarkan, membuka, membesar atau kerja lain memperelokkan dan jumlah wang yang dibahagikan itu boleh sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini dituntut daripada orang-orang itu oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Faktor yang hendak ditimbangkan apabila membuat pembahagian

(6) Pada membahagi-bahagikan kosnya antara pemunya di bidang hadapan, atau pemaju pihak berkuasa tempatan boleh menimbangkan mana-mana atau kesemua faktor yang berikut:

(a) bidang hadapan premis mereka masing-masing;

(b) luas premis mereka masing-masing;

(c) takat faedah yang akan didapati oleh premis itu dengan melebarkan jalan itu;

(d) amaun dan nilai kerja jalan yang telah dilaksanakan oleh mana-mana pemunya bidang hadapan atau pemaju;

(e) kos premis yang diserahkan secara sukarela oleh pemunya kepada pihak berkuasa tempatan; dan

(f) apa-apa perkara lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan adalah berkaitan dan patut dipertimbangkan.

(7) Pemunya bidang hadapan atau pemaju yang terlibat oleh pembahagian itu boleh dalam masa satu bulan selepas menerima notis supaya membayar amaun itu merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu adalah muktamad.

(8) Sementara menunggu keputusan Pihak Berkuasa Negeri, pemunya bidang hadapan atau pemaju adalah terikat untuk membayar jumlah wang itu dahulu dan jika keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah bagi faedah pihak merayu, pihak berkuasa tempatan hendaklah meremit jumlah wang itu atau sebahagian jumlah wang itu mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9) Bagi maksud subseksyen (1), (2) dan (3) berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

(10) Bagi maksud seksyen ini "pemaju" ertinya pemaju bagi tanah kepunyaan orang yang akan menjadi pemunya bidang hadapan.

Membaiki jalan persendirian

15. (1) Jika sesuatu jalan persendirian atau mana-mana bahagiannya adalah dalam keadaan berbahaya atau cacat, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki—

(a) pemaju;

(b) pemunya bidang hadapan bagi suatu jalan itu; atau

(c) mana-mana orang lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab menyebabkan jalan itu berada dalam keadaan berbahaya atau cacat,

mengarahkan supaya jalan itu dibaiki dan dipinda dengan sepatutnya dalam masa yang ditetapkan dalam notis itu dan boleh menentukan dalam notis itu tarikh yang sebelumnya kerja itu hendak dimulakan.

(2) Jika mana-mana pemunya bidang hadapan atau pemaju atau mana-mana orang lain tidak mematuhi kehendak notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh sendirinya menyebabkan supaya kerja itu dibuat dan pemunya bidang hadapan, pemaju atau orang lain itu hendaklah membayar kepada pihak berkuasa tempatan kos dan

belanjanya sebagaimana yang dibahagikan oleh pihak berkuasa tempatan itu:

Dengan syarat bahawa jika pemunya bidang hadapan atau pemaju atau orang lain itu tidak memulakan kerja itu sebelum tarikh yang ditentukan di bawah subseksyen (1), pihak berkuasa tempatan itu boleh, menurut budi bicaranya, walaupun tempoh yang dinyatakan dalam notis untuk menyiapkan kerja itu belum lagi tamat, sendirinya menyebabkan supaya kerja itu dibuat dan boleh menuntut kos dan belanjanya dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada itu.

(3) Jika mana-mana pemunya bidang hadapan atau pemaju atau mana-mana orang lain tidak berpuas hati dengan pembahagian kos itu, dia boleh dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu diterima merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri mengenainya adalah muktamad dan tidaklah tertakluk kepada apa-apa rayuan dalam mana-mana Mahkamah.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan (2), pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, dan setakat mana kumpulan wang yang boleh digunakan olehnya akan membenarkan, melaksanakan atas belanjanya sendiri kerja jalan atas mana-mana jalan persendirian atau sesuatu bahagiannya sebagaimana yang difikirkan perlu atau berfaedah bagi keselamatan, kesihatan, kesenangan atau keselesaan awam:

Dengan syarat bahawa pelaksanaan kerja jalan itu atas belanja pihak berkuasa tempatan tidak boleh menyentuh tanggungan pemunya bidang hadapan atau pemaju atau mana-mana orang lain itu di bawah subseksyen (1) dan (2).

(5) Suatu perakuan daripada pihak berkuasa tempatan menyatakan bahawa ia berpendapat bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan itu adalah bertanggungjawab menyebabkan sesuatu jalan persendirian atau sebahagiannya berada dalam keadaan berbahaya atau cacat adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta itu bagi maksud apa-apa pembicaraan untuk mendapatkan kos dan belanja bagi membaiki jalan persendirian itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini "pemaju" ertinya pemaju bagi tanah kepunyaan orang yang akan menjadi pemunya bidang hadapan.

Notis ke atas orang yang menyebabkan jalan persendirian berada dalam keadaan berbahaya atau cacat

16. (1) Jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa mana-mana pemunya bidang hadapan atau mana-mana orang lain adalah bertanggungjawab menyebabkan suatu jalan persendirian atau mana-mana bahagiannya berada dalam keadaan berbahaya atau cacat pihak berkuasa tempatan itu boleh, dengan notis, menghendaki orang itu supaya jangan menggunakan lagi jalan persendirian itu bagi maksud mengangkut apa-apa barang, bahan atau benda, atau melarang jalan itu digunakan oleh kereta dari kelas yang ditentukan sehingga orang itu mendepositkan dengan pihak berkuasa tempatan itu sejumlah wang sebanyak yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(2) Pihak berkuasa tempatan hendaklah pada menentukan jumlah wang yang hendak didepositkan dengan pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (1) memberi perhatian kepada kos dan belanja yang mungkin dilakukan jika sekiranya ia mengarahkan supaya kerja pembaikan itu dilakukan.

(3) Mana-mana pemunya bidang hadapan, pemaju atau seseorang lain yang tidak mematuhi notis itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh hingga dua belas bulan atau kedua-duanya.

(4) Perakuan pihak berkuasa tempatan menyatakan bahawa pada pendapatnya pemunya bidang hadapan, pemaju itu atau orang lain itu yang dinamakan dalam perakuan itu adalah bertanggungjawab menyebabkan sesuatu jalan persendirian atau sebahagian daripadanya berada dalam keadaan berbahaya atau cacat adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta itu bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah seksyen ini.

Bayaran hendaklah dibuat sebelum didirikan bangunan mengenai kerja jalan

17. (1) Tertakluk kepada seksyen ini—

(a) jika sesuatu bangunan yang hendak didirikan akan mempunyai bidang hadapan pada suatu jalan persendirian yang mengenainya pihak berkuasa tempatan boleh menjalankan kuasanya di bawah peruntukan seksyen 11 bagi menghendaki supaya kerja jalan dilaksanakan atau bagi melaksanakan kerja jalan dengan sendirinya; atau

(b) bagi sesuatu hal dalam mana permohonan adalah dikehendaki, di bawah peruntukan seksyen 9 bagi membuat suatu jalan baharu,

tiada apa-apa kerja boleh dimulakan atau dilakukan bagi maksud mendirikan bangunan itu, melainkan jika—

(aa) orang yang mendirikan bangunan itu telah mendepositkan dengan pihak berkuasa tempatan sejumlah wang, jika ada, sebanyak yang dikehendaki didepositkan mengikut suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 18; atau

(bb) deposit mengenai pendirian bangunan itu atau kelas bangunan itu telah dikecualikan di bawah sesuatu perintah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (8):

Dengan syarat bahawa orang itu boleh, jika pihak berkuasa tempatan bersetuju, daripada mendepositkan sejumlah wang, memberi suatu sekuriti dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

(2) Jika apa-apa kerja bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu dimulakan bersalahan dengan subseksyen (1), pihak berkuasa tempatan hendaklah menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada orang yang, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, adalah bertanggungjawab memulakan mana-mana kerja itu, atau menampalkan suatu notis di tapak bangunan baharu itu didirikan,

menghendaki orang itu atau mana-mana orang lain supaya menghentikan kerja pembinaan dengan segera dan kerja pembinaan itu tidak boleh disambung semula melainkan jika kehendak di bawah subseksyen (1) telah dipatuhi.

(3) Jika orang yang disampaikan notis kepadanya di bawah subseksyen (2) menyatakan bahawa dia bukannya orang yang bertanggungjawab memulakan mana-mana kerja itu, dia hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepadanya, menyerahkan surat kepada pihak berkuasa tempatan menafikan tanggungjawab itu.

(4) Jika sesuatu kerja bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu dimulakan bersalahan dengan subseksyen (1) orang yang bertanggungjawab memulakan kerja itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu notis di bawah subseksyen (2) boleh, selain daripada sesuatu denda yang dikenakan di bawah subseksyen (4), didenda tambahan tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari notis itu tidak dipatuhi.

(6) Jika mana-mana orang telah disabitkan suatu kesalahan di bawah subseksyen (4) atau (5) atau kedua-duanya dan bangunan itu telah siap didirikan, mahkamah di mana orang itu telah disabitkan boleh, selain daripada denda atau penjara yang boleh dikenakan olehnya di bawah subseksyen (4) atau (5) atau kedua-duanya, memerintahkannya supaya mendepositkan apa-apa amaun yang dia dikehendaki mendepositkan di bawah seksyen 18, dan amaun itu boleh dituntut mengikut undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa bagi mendapatkan bayaran denda.

(7) Sesuatu perakuan pihak berkuasa tempatan menyatakan bahawa ia berpendapat—

(a) bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan itu adalah bertanggungjawab memulakan sesuatu kerja bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu; atau

(b) bahawa sesuatu bangunan baharu yang mengenainya suatu pendakwaan telah dibawa berkenaan dengan apa-apa kerja yang telah dimulakan, kerana melanggar peruntukan subseksyen (1) telah siap,

adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta itu bagi maksud sesuatu pendakwaan di bawah seksyen ini.

(8) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan perintah secara bertulis mengecualikan sesuatu bangunan atau kelas bangunan daripada peruntukan subseksyen (1).

Menentukan amaun untuk dideposit dan tarikh siap

18. (1) Mana-mana orang yang bercadang hendak memulakan apa-apa kerja bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu hendaklah, melainkan jika dikecualikan, memohon kepada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan suatu perintah daripada pihak berkuasa tempatan menentukan amaun yang dikehendaki didepositkan bagi kerja jalan dan tarikh yang pada atau sebelumnya kerja jalan itu hendak disiapkan.

(2) Orang yang memohon suatu perintah itu hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepadanya mendepositkan dengan pihak berkuasa tempatan jumlah wang yang dinyatakan dalam perintah itu atau memberi sekuriti.

(3) Pada membuat perintah itu pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi perhatian kepada amaun yang akan dibelanjakan olehnya jika ia melaksanakan kerja jalan itu di bawah Akta ini.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan perintah itu hendaklah, dalam masa sepuluh hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepadanya, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri mengenainya adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan dalam mana-mana mahkamah.

Pihak berkuasa tempatan boleh melaksanakan dan mengarahkan supaya dijalankan dengan sepatutnya kerja jalan

19. (1) Jika kerja jalan tidak dimulakan selepas kerja bangunan dimulakan atau tidak dilaksanakan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, bagi sesuatu hal dalam mana sesuatu deposit telah dibuat atau sekuriti diberi di bawah subseksyen 18(2), pihak berkuasa tempatan boleh, pada bila-bila masa selepas memberi notis mengenai cadangannya hendak berbuat demikian melaksanakan atau mengarahkan supaya kerja jalan itu dijalankan dengan sepatutnya.

(2) Kos bagi melaksanakan kerja jalan itu atau bagi mengarahkan supaya kerja jalan itu dijalankan dengan sepatutnya oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah didapatkan dari deposit yang dibuat atau sekuriti yang diberi di bawah subseksyen 18(2).

Pulangan balik deposit bila kerja jalan telah siap

20. (1) Jika suatu deposit telah dibuat atau sekuriti diberi di bawah subseksyen 18(2) dan kerja jalan telah dijalankan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan hendaklah memulangkan balik kepada orang yang telah membuat deposit itu atau telah memberi sekuriti itu kesemua atau sebahagian dari deposit atau sekuriti itu.

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh menyimpan deposit atau sekuriti itu atau mana-mana bahagian deposit atau sekuriti itu, jika ia berpendapat bahawa—

(a) kerja jalan itu belum dilaksanakan dengan sepatutnya; atau

(b) kerja bangunan, berkenaan dengan mendirikan mana-mana bangunan yang belum dimulakan atau disiapkan, akan memerlukan kerja selanjutnya dilaksanakan; atau

(c) deposit atau sekuriti itu adalah dikehendaki bagi sesuatu tempoh penyenggaraan, dan tempoh itu tidak boleh melebihi dua belas bulan.

(3) Dalam seksyen ini dan dalam seksyen 19 "kerja bangunan" ertinya kerja yang dijalankan bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu termasuk kerja yang berupa persediaan bagi mendirikan bangunan baharu itu.

Pulangan balik deposit apabila kerja bangunan tidak dimulakan

21. (1) Mana-mana orang yang telah membuat sesuatu deposit atau memberi sesuatu sekuriti di bawah subseksyen 18(2) dan yang kemudiannya membuat keputusan tidak akan meneruskan pendirian apa-apa bangunan, dengan tidak memulakan apa-apa kerja bangunan, hendaklah menyampaikan notis kepada pihak berkuasa tempatan mengenai cadangannya tidak akan meneruskan pendirian bangunan itu.

(2) Pihak berkuasa tempatan hendaklah, apabila menerima notis itu, membatalkan kelulusan pelan dan penentuan berkenaan dengan bangunan yang dicadangkan itu.

(3) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memulangkan balik deposit itu atau sebahagian daripadanya atau memulangkan sekuriti itu atau sebahagian daripadanya sebagaimana yang ditetapkannya.

Penyediaan skim bagi bangunan

22. (1) Jika pihak berkuasa tempatan ada sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana tanah mungkin digunakan bagi maksud bangunan, ia boleh menyediakan suatu skim yang sesuai dengan sesuatu pelan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa, menunjukkan jalan, lorong belakang dan kawasan terbuka yang difikirkannya perlu untuk menjamin keadaan kebersihan, kemudahan dan kesenangan yang sepatutnya berkaitan dengan menyusun atur dan menggunakan tanah itu dan mana-mana tanah yang berhampiran.

(2) Selepas sahaja skim itu disediakan pihak berkuasa tempatan hendaklah menyiarkan suatu notis awam berkenaan dengan

penyediaan skim itu dalam *Warta* dan dalam mana-mana akhbar atau akhbar-akhbar tempatan yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan, dengan memberi butir-butir tempat di mana salinan skim itu boleh diperiksa, mempelawa bantahan secara bertulis daripada sesiapa jua berkenaan dengan skim itu dan menyatakan tempoh (yang tidak boleh kurang daripada satu bulan) bantahan itu boleh dibuat.

(3) Jika tiada apa-apa bantahan diterima dalam tempoh bantahan boleh dibuat pihak berkuasa tempatan hendaklah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan suatu perintah supaya skim itu disahkan.

(4) Jika ada sesuatu bantahan pihak berkuasa tempatan hendaklah, selepas tamat tempoh bantahan itu boleh diterima, menimbangkan bantahan itu dan berkenaan dengan ini ia boleh mendengar sesiapa jua yang pada memfailkan bantahan itu telah meminta supaya didengar.

(5) Selepas menimbangkan bantahan itu pihak berkuasa tempatan hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri skimnya sama ada diubah suai atau tidak dan boleh mencatatkan sebab ia enggan mengubah suai atau sebab ia mengubah suai secara yang dilakukan olehnya itu.

Perintah boleh dibuat dengan syarat

(6) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan perintah mengesahkan skim yang dikemukakan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (3) atau (5) dan boleh, pada mengesahkan skim itu, mengubah suai skim itu atau mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah suai skim

(7) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa selepas apa-apa skim disahkan di bawah subseksyen (6) mengubah suai skim itu atau mana-mana bahagiannya atas permohonan sama ada oleh pemunya tanah yang terlibat atau oleh pihak berkuasa tempatan tetapi

hanya selepas memberi tiap-tiap pemunya atau pemunya yang diketahui mana-mana harta yang pada pendapatnya adalah terlibat dengan ubah suaian itu dan selepas memberi pihak berkuasa tempatan suatu peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam.

Kesan pelan yang menjadi sebahagian daripada skim

(8) Sesuatu pelan yang menjadi sebahagian daripada sesuatu skim yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, bagi maksud seksyen 70 mempunyai kesan yang sama seperti suatu pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen ini:

Dengan syarat bahawa kewajipan yang ditanggungkan oleh skim itu tidak boleh terikat kepada mana-mana orang melainkan jika dan sehingga orang itu mengemukakan suatu pelan untuk mendirikan suatu bangunan atas sesuatu bahagian daripada tanah yang terkandung dalam pelan di bawah seksyen 70.

Garis aturan jalan boleh ditetapkan

23. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan izin Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan suatu garis pada tiap-tiap satu sisi jalan awam dalam mana tiada apa-apa bahagian sesuatu bangunan yang bersempadanan dengan jalan tersebut itu boleh dibina selepas garis itu ditetapkan, kecuali di bawah seksyen 34.

(2) Sesuatu garis yang ditetapkan sedemikian adalah disebut "garis aturan jalan".

Pihak berkuasa tempatan boleh dalam hal tertentu mengambil milik tanah dalam kawasan garis aturan jalan

24. (1) Apabila sesuatu bangunan atau mana-mana bahagian sesuatu bangunan yang terletak dalam kawasan garis aturan jalan runtuh atau terbakar atau diruntuhkan maka pihak berkuasa tempatan boleh mengambil milik bahagian tanah dalam kawasan garis aturan jalan itu

yang diduduki oleh bangunan tersebut dan, jika perlu, melapangkannya.

(2) Jika mana-mana tanah, sama ada terbuka atau terkepung, terletak dalam kawasan garis aturan jalan dan tidak diduduki oleh sesuatu rumah, atau jika sesuatu pelantar, beranda, anak tanggaatau sesuatu binaan lain di luar sesuatu rumah yang bersempadanan dengan sesuatu jalan awam atau sebahagian sesuatu pelantar, beranda, anak tangga atau binaan lain seperti itu berada dalam kawasan garis aturan jalan itu, pihak berkuasa tempatan boleh, selepas memberi kepada pemunya tanah atau pemunya bangunan itu notis secara bertulis tidak kurang daripada tujuh hari genap akan maksudnya hendak berbuat demikian, mengambil milik tanah itu serta dengan tembok, pagar tumbuhan atau pagar yang mengepungnya, jika ada, atau pelantar, beranda, anak tangga atau binaan lain itu, dan jika perlu, melapangkannya.

Tanah yang diambil menjadi sebahagian daripada jalan

(3) Tanah yang diambil milik sedemikian di bawah seksyen ini hendaklah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri atas permintaan pihak berkuasa tempatan mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah dan apabila diambil tanah itu hendaklah disifatkan sebagai suatu bahagian daripada jalan awam itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

Mengadakan siar kaki, dsb.

25. (1) Jika ada suatu bidang hadapan kepada jalan awam dan bidang hadapan itu tidak ada rumah di atasnya hingga selanjar empat kaki atau lebih, dan bidang hadapan itu terletak antara arked atau siar kaki awam atau antara bangunan itu dengan suatu jalan lain, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki pemunya

atau pemunya-pemunya bagi bidang hadapan yang kosong itu atau pemunya-pemunya bagi beberapa bidang hadapan yang menjadi bidang hadapan itu membenarkan dengan segera tanpa pampasan supaya suatu siar kaki selebar tujuh kaki atau selebar yang sama dengan lanjar bidang hadapan yang kosong itu mengikut mana yang kurang, dibuat bagi kegunaan orang ramai di sepanjang bidang hadapan itu, dan, jika perlu bagi maksud ini, menganjak ke belakang mana-mana tembok, pagar, paling, pagar tumbuhan atau binaan lain yang seumpamanya yang memisahkan tanahnya atau tanah mereka daripada jalan awam itu hingga ke suatu jarak tidak lebih daripada tujuh kaki daripada pinggir jalan itu dalam masa tiga bulan dari tarikh notis itu.

(2) Kos bagi membina dan menyenggara sesuatu siar kaki yang dicadang hendak dibuat di bawah kuasa yang diberi dalam seksyen ini, serta juga kos bagi menganjak ke belakang mana-mana binaan yang tersebut di atas, hendaklah ditanggung oleh pihak berkuasa tempatan dan notis yang dikehendaki diberi itu hendaklah mengandungi suatu penentuan mengenai kerja yang dikehendaki dibuat dan bahan yang hendak digunakan dan juga sesuatu tawaran oleh pihak berkuasa tempatan untuk membayar apa-apa jumlah wang yang dinyatakan di dalamnya sebagai kos menjalankan kerja itu.

Siapakah hendak menjalankan kerja

(3) Apabila menerima notis itu pemunya atau pemunya-pemunya boleh sama ada menjalankan kerja itu berkenaan dengan bidang hadapan mereka masing-masing atau menghendaki pihak berkuasa tempatan menjalankannya dan, jika mana-mana pemunya yang menjalankan kerja itu tidak menyiapkan kerja itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh memasuki tanahnya dan menjalankan kerja itu.

Pelan hendaklah diserahkan

(4) Bagi tiap-tiap hal dalam mana suatu siar kaki dibuat di bawah seksyen ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyerahkan kepada

tiap-tiap orang pemunya tanah itu suatu pelan menunjukkan tanah yang diambil untuk siar kaki itu dan suatu pernyataan yang bermaksud bahawa tanah itu telah diambil di bawah seksyen ini untuk digunakan sebagai suatu siar kaki awam, tertakluk bagaimana pun kepada hak tiap-tiap seorang pemunya dan penggantinya dalam hakmilik pada bila-bila masa untuk membina sesuatu dengan apa-apa cara dan hingga apa-apa takat sebagaimana yang ia berhak membinanya jika tanah itu tidak diambil untuk digunakan sebagai suatu siar kaki awam.

Pihak berkuasa tempatan boleh memasang tiang lampu dan lampu

26. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya besi lampu, tiang lampu atau perkakas lampu lain dipasang atau dilekatkan di atas atau pada dinding atau pagar jerjak mana-mana bangunan atau kepungan, dengan melakukan seberapa sedikit kerosakan yang boleh kepadanya, atau supaya dipasang atau dirikan dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut olehnya dalam kawasan mana-mana jalan atau tempat dan boleh mengarahkan supaya beberapa buah lampu dari apa-apa saiz dan jenis yang perlu diadakan dan dipasang dan diletakkan atas besi lampu dan tiang lampu itu untuk menerangi kesemua atau mana-mana daripada jalan dan tempat itu dan juga mengarahkan supaya jalan dan tempat itu diterangi dengan lampu pada waktu sebagaimana yang perlu.

Palung dan paip hendaklah dipasang

(2) Pemunya tiap-tiap rumah dan bangunan hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas disampaikan notis daripada pihak berkuasa tempatan bagi maksud itu, memasang dan menyenggara dalam keadaan baik palung, salur dan paip bagi menerima dan membawa air dari bumbung dan bahagian lain rumah atau bangunan itu dan bagi mengalirkan air itu dengan apa-apa cara yang diarahkan oleh pihak berkuasa tempatan supaya air itu tidak menimpa orang yang lalu di jalan itu atau supaya air itu tidak memasuki mana-mana betung.

(3) Jika notis itu tidak dipatuhi maka pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa selepas tamatnya masa yang ditentukan itu mengarahkan supaya kerja itu dibuat dan kos dan belanja bagiberbuat demikian hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh pemunya yang mungkir itu.

Kedudukan paip air, dsb., hendaklah diubah atas belanja pihak berkuasa tempatan

27. (1) Jika bagi maksud Akta ini pihak berkuasa tempatan fikirkan perlu meninggikan, membenamkan, merendahkan atau secara lain mengubah kedudukan mana-mana paip air atau kerja air lain, kabel lampu elektrik atau dawai telegraf utama atau alat lampu elektrik lain atau alat telegraf yang ditanamkan dalam mana-mana jalan, ia boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki orang atau pihak berkuasa yang mempunyai atau mengawal mana-mana paip, kerja-kerja, kabel, sesalur atau alat-alat itu, supaya menyebabkan dengan segera atau dengan seberapa segera yang boleh supaya mana-mana paip, kerja, kabel, sesalur atau alat-alat itu ditinggikan, dibenamkan, direndahkan atau secara lain diubah kedudukannya dengan apa-apa cara yang diarahkan olehnya:

Dengan syarat bahawa pengubahan itu bukanlah sesuatu yang akan mendatangkan bencana selama-lamanya kepada kerja, kabel, sesalur atau alat itu atau menyekat air daripada mengalir dengan bebas dan mudah seperti dahulu.

(2) Belanja bagi menjalankan kerja untuk meninggikan, membenamkan, merendahkan atau mengubah itu, dan pampas an yang munasabah kerana kerosakan yang disebabkan oleh demikian, boleh dibayar oleh pihak berkuasa tempatan.

(3) Jika orang atau pihak berkuasa yang mempunyai atau yang mengawal mana-mana paip, kerja, sesalur, kabel atau alat-alat itu, tidak bertindak dengan segera atau dengan seberapa segera yang boleh selepas menerima sesuatu notis untuk menyebabkan supaya paip, kerja, sesalur, kabel atau alat-alat itu ditinggikan, dibenamkan, direndahkan atau diubah mengikut cara yang dikehendaki oleh notis

itu, sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, mengeluarkan suatu perintah mandatori menghendaki kerja yang perlu itu dijalankan.

Jika jalan rosak oleh sebab korokan pihak berkuasa tempatan boleh membaiki dan menuntut belanja

28. (1) Jika jalan lalu, parit atau jalan kaki lima di mana-mana jalan awam atau yang bersampingan dengan mana-mana jalan awam adalah rosak oleh sebab atau akibat sesuatu korokan di atas tanah yang bersampingan dengan jalan lalu, parit atau jalan kaki lima itu pihak berkuasa tempatan boleh membaiki dan membetulkan kerosakan yang dilakukan itu.

(2) Semua kos dan bayaran yang berbangkit daripadanya hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh pemunya tanah di atas mana korokan itu telah dilakukan.

Nama jalan

29. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan nama dengan mana sesuatu jalan hendak dikenali dan boleh mengubah nama mana-mana jalan atau mana-mana bahagian daripada suatu jalan.

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya nama mana-mana jalan dicat, atau dengan cara lain ditandakan, di sesuatu tempat yang mudah dilihat, pada sesuatu rumah, bangunan atau binaan pada atau dekat dengan jalan itu dan dari semasa ke semasa mengubah atau membaharui tulisan nama mana-mana jalan, jika nama jalan itu diubah atau tulisan itu menjadi tidak boleh dibaca.

(3) Mana-mana orang yang membinasakan, meruntuhkan, mencacatkan, menutup atau menyembunyikan mana-mana tulisan nama sesuatu jalan yang telah dipasang dengan sah di sisi undang-undang, atau memasang di mana-mana jalan apa-apa nama lain yang berlainan daripada nama yang telah diberi dengan sah di sisi undang-

undang kepada jalan itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

Kedudukan pili bomba

30. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya dilekatkan sesuatu plet pada sesuatu bahagian mana-mana rumah atau bangunan yang mudah dilihat menunjukkan kedudukan pili bomba yang dekat sekali dan boleh meletakkan penggera kebakaran, elektrik atau selainnya, di tempat-tempat yang sesuai di jalan itu.

Penalti kerana membinasakan

(2) Mana-mana orang yang membinasakan, meruntuhkan, mencacatkan, menutup atau menyembunyikan mana-mana plet itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

Nombor rumah

31. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah, menurut budi bicaranya, menguntukkan suatu nombor kepada sesuatu rumah atau bangunan dan boleh melekatkan suatu tanda menunjukkan nombor itu di suatu tempat yang mudah dilihat pada bahagian luar sesuatu rumah atau bangunan itu atau pada jalan masuk bagi kepungan bangunan itu berhadapan dengan jalan, dan boleh dari semasa ke semasa menukar nombor itu atau menggantikan atau melekatkan semula apa-apa tanda menunjukkan nombor itu.

Penalti kerana membinasakan

(2) Mana-mana orang yang membinasakan, meruntuhkan, mencacatkan, menutup atau menyembunyikan apa-apa tanda itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

Pemunya dan penduduk hendaklah memelihara nombor itu

(3) Pemunya dan penduduk rumah atau bangunan itu hendaklah memelihara nombor itu.

(4) Belanja bagi mengganti atau melekatkan semula mana-mana nombor itu yang telah dibinasakan, diruntuhkan atau dicacatkan, ditutup atau disembunyikan hendaklah dibayar oleh penduduk atau, jika bangunan itu tidak diduduki, oleh pemunyanya, dan boleh dituntut dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Pintu tidak boleh membuka ke arah luar

32. (1) Semua pintu, pintu pagar, palang atau tingkap tingkat tanah yang membuka ke atas mana-mana jalan hendaklah tergantung atau ditempatkan supaya tidak membuka ke arah luar melainkan jika pintu, pintu pagar, palang atau tingkap tingkat tanah itu digantung atau ditempatkan dengan cara yang, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, tidak menyebabkan apa-apa halangan di mana-mana jalan itu.

(2) Jika sesuatu pintu, pintu pagar, palang atau tingkap tergantung atau ditempatkan supaya membuka ke arah luar ke atas mana-mana jalan, pemunya premis yang kepadanya pintu, pintu pagar, palang atau tingkap itu terpasang hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas disampaikan notis daripada pihak berkuasa tempatan bagi maksud itu, mengarahkan supaya pintu, pintu pagar, palang atau tingkap itu diubah supaya tidak membuka ke arah luar.

Unjuran dari rumah tidak dibenarkan

33. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi notis secara bertulis kepada pemunya atau penduduk sesuatu rumah atau bangunan supaya memindahkan atau mengubah mana-mana unjuran, langgar sempadan atau halangan yang telah atau mungkin didirikan atau diletakkan pada atau di hadapan rumah atau bangunan itu, jika unjuran, langgar sempadan atau halangan itu mengunjur ke atas mana-mana jalan awam

atau menjulur ke dalam mana-mana jalan awam atau dengan apa cara jua mengunjur ke dalam mana-mana jalan awam atau melanggar sempadan mana-mana jalan awam atau adalah menjadi suatu halangan kepada keselamatan dan kesenangan lalu-lalang di sepanjang mana-mana jalan awam atau menghalang atau mengunjur ke dalam atau ke atas mana-mana akuadak, parit atau betung dalam jalan itu.

Unjuran dari rumah hendaklah dihapuskan

(2) Pemunya atau penduduk itu hendaklah, dalam masa empat belas hari atau dalam masa yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan, selepas disampaikan notis itu kepadanya, menghapuskan unjuran, langgar sempadan atau halangan itu atau mengubah unjuran, langgar sempadan atau halangan itu dengan cara sebagaimana yang diarahkan di dalam notis itu.

Pemunya boleh menuntut belanja daripada penduduk

(3) Jika sekiranya unjuran, langgar sempadan atau halangan itu telah dibuat atau dipasang oleh penduduk dan belanja bagi menghapuskan atau mengubahnya telah dibayar oleh pemunya, termasuk pembayaran oleh pemunya kepada pihak berkuasa tempatan jika kerja itu telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah kuasa yang diperuntukkan kemudian daripada ini, pemunya itu adalah berhak menuntut belanja yang munasabah daripada penduduk itu.

Penduduk boleh menuntut belanja daripada pemunya

(4) Jika sekiranya unjuran, langgar sempadan atau halangan itu tidak dibuat atau tidak dipasang oleh penduduk dan belanja bagi menghapuskan atau mengubahnya telah dibayar olehnya, termasuk pembayaran olehnya kepada pihak berkuasa tempatan jika kerja itu telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah kuasa yang diperuntukkan kemudian daripada ini, maka penduduk itu adalah

berhak memotong belanja yang munasabah daripada sewa yang kena dibayar olehnya kepada pemunya itu.

Pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar jika binaan sah di sisi undang-undang

(5) Jika unjuran, langgar sempadan atau halangan itu telah dibuat secara sah di sisi undang-undang, pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar belanja bagi menghapuskan atau mengubahnya dan memberi pampasan yang munasabah kepada tiap-tiap orang yang menanggung kerosakan oleh kerana penghapusan atau pengubahan itu dan, jika timbul apa-apa pertikaian mengenai amaun pampas an itu, ia hendaklah ditentukan dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Beranda yang mengunjur, dsb., boleh dibuat di jalan yang tidak kurang daripada 40 kaki lebarnya

34. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi kebenaran secara bertulis kepada pemunya rumah atau bangunan yang berhadapan, bersampingan atau bersempadanan dengan jalan awam yang lebarnya tidak kurang daripada empat puluh kaki untuk mengunjurkan beranda terbuka, langkan, pelindung matahari, bingkai cuaca dan papan tanda dan pada memberi kebenaran itu ia boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(2) Jika berlaku pelanggaran terhadap mana-mana syarat itu pihak berkuasa tempatan boleh memberi pemunya atau penduduk itu notis untuk mematuhi syarat itu dan, jika syarat itu tidak dipatuhi dalam masa tiga puluh hari, sesuatu Mahkamah Majistret boleh, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, membuat suatu perintah mandatori supaya unjuran itu dihapuskan.

Penalti

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas suatu notis untuk meremidi pelanggaran itu telah disampaikan kepada pemunya atau penduduk itu.

Tanda langit

35. (1) Tiada apa-apa tanda langit boleh didirikan di mana-mana tempat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi notis secara bertulis kepada pemunya atau penduduk mana-mana premis yang di atasnya apa-apa tanda langit telah didirikan sedemikian untuk menghapuskan tanda langit itu, dan pemunya atau penduduk itu hendaklah menghapuskan tanda langit itu dalam masa empat belas hari selepas notis itu disampaikan kepadanya.

Pagar tumbuhan dan pokok yang bersempadanan dengan jalan hendaklah dipangkas

36. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana tanah supaya memangkas atau menutuh pagar tumbuhan di atasnya yang bersempadanan dengan mana-mana jalan supaya pagar tumbuhan itu tidak lebih daripada tujuh kaki tingginya daripada aras jalan, dan, mengenai pagar tumbuhan dalam lingkungan lima belas ela dari sesuatu sudut, tidak lebih daripada empat kaki tingginya daripada aras jalan itu, dan supaya memotong dan memangkas semua pokok atau dahan yang terjuntai atas mana-mana jalan.

(2) Jika pemunya atau penduduk tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang ditentukan dalamnya, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Mencegah kebakaran rumput

37. (1) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa apa-apa rumput, atau tumbuh-tumbuhan lain sama ada tumbuh atau tidak adalah dalam keadaan yang mudah terbakar atau mungkin menjadi berbahaya kepada nyawa atau harta sekiranya ia terbakar, pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk tanah di mana rumput atau tumbuh-tumbuhan itu tumbuh atau terletak supaya membuangnya daripada tanah itu dalam suatu tempoh yang ditentukan oleh notis itu.

(2) Jika notis itu tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa selepas tamat tempoh yang ditentukan itu, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya kerja yang ditentukan dalam notis itu dilakukan, dan kos dan belanja bagi berbuat demikian hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh pemunya atau penduduk yang mungkir itu dan boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Jika berlaku apa-apa kebakaran atas mana-mana tanah yang mengenainya suatu notis di bawah subseksyen (1) telah diberi selepas masa yang dihadkan oleh notis itu dan sebelum notis itu dipatuhi dengan sepenuhnya, kos dan belanja bagi memadamkan api itu yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah dibayar kepadanya oleh pemunya atau penduduk yang mungkir itu dan boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini dan suatu perakuan berkenaan dengan amaun kos dan belanja itu yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan adalah menjadi keterangan muktamad bahawa amaun itu telah dilakukan sedemikian.

Pokok tidak boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada jalan

38. (1) Tiada apa-apa pokok boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada mana-mana jalan atau lorong belakang melainkan jika ianya adalah dari jenis yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

(2) Seseorang yang menanam apa-apa pokok bersalahan dengan seksyen ini boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan pokok itu boleh ditebang atau digali dengan perintah pihak berkuasa tempatan.

Pampasan dalam hal tertentu

(3) Mana-mana pokok yang ada dalam jarak dua belas kaki daripada mana-mana jalan atau lorong belakang atau yang terjuntai atas mana-mana jalan atau lorong belakang boleh ditebang atau digali dengan perintah pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa jika pokok itu adalah pokok buah-buahan dan ianya telah ditanam sebelum jalan atau lorong belakang itu disusun atur atau dicadang bagi suatu jalan atau lorong belakang, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi suatu pampasan sebanyak yang patut tidak melebihi lima puluh ringgit kepada pemunyanya.

Mengambil tempat turap

39. (1) Mana-mana orang yang mengalih ganti, mengambil tempat atau membuat apa-apa perubahan kepada turap, papak atau bahan lain mana-mana jalan awam atau kepada pagar atau tiang-tiang mana-mana jalan awam tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan atau tanpa kuasa lain yang sah di sisi undang-undang boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang merosakkan atau menyebab atau membenarkan apa-apa kerosakan dilakukan kepada mana-mana jalan, siar kaki, jalan kaki lima, kerja atau harta, atau mana-mana bahagiannya, kepunyaan pihak berkuasa tempatan atau yang di sepanjangnya orang ramai mempunyai hak lalu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), pihak berkuasa tempatan boleh memberi notis secara bertulis untuk mengarahkan orang itu untuk membetulkan pengalihan, mengambil tempat atau membuat apa-apa perubahan kepada turap, papak atau bahan lain jalan awam atau pagar atau tiang-tiang jalan awam itu atau melaksanakan apa-apa pembaikan bagi kerosakan yang dilakukan pada jalan, siar kaki, jalan kaki lima, kerja atau harta, atau mana-mana bahagiannya.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang disebut dalam subseksyen (3), pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa selepas habis tempoh masa yang dinyatakan dalam notis boleh dengan sendirinya menyebabkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya daripada orang itu.

Larangan memasang susur, paip, dsb., di sepanjang jalan

40. (1) Tiada seorang pun boleh memasang atau merentang apa-apa garis susur, sesalur, paip, konduit atau talian elektrik di sepanjang, menerusi, melintasi, di atas atau di bawah mana-mana jalan atau mana-mana tempat yang disusun atur atau dicadangkan untuk sesuatu jalan dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan kebenaran itu boleh diberi atau boleh tidak diberi, menurut budi bicara pihak berkuasa tempatan dan atas syarat yang difikirkannya patut.

Penalti

(2) Sesiapa jua yang melanggar subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan pihak berkuasa

tempatan boleh mengalih garis susur, sesalur, paip, conduit atau talian elektrik atas belanja orang itu.

Langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan. Pengadang hendaklah didirikan melintang jalan semasa pembaikan dijalankan dan lampu dipasang pada waktu malam

41. (1) Pihak berkuasa tempatan atau seseorang atau mana-mana pihak berkuasa lain hendaklah, semasa menjalankan pembinaan atau pembaikan mana-mana jalan, lorong belakang, betung atau parit mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya terhadap kemalangan dengan menumpang dan melindungi rumah yang bersampingan dan mengarahkan supaya apa-apa pengadang, rantai atau tiang yang difikirkannya patut dipasang melintang atau di mana-mana jalan itu untuk mencegah kenderaan, atau kereta lain daripada lalu, semasa kerja itu dijalankan dan mengarahkan supaya kerja itu diterangi dengan lampu dan dijaga dengan secukupnya pada waktu malam.

Penalti

(2) Mana-mana orang atau pihak berkuasa lain (tetapi bukan pihak berkuasa tempatan) yang tidak mematuhi peruntukan subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(3) Mana-mana orang yang merebahkan, mengubah atau memindahkan mana-mana pengadang, rantai atau tiang itu atau memadamkan mana-mana lampu itu tanpa kuasa atau persetujuan pihak berkuasa tempatan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Bahan tidak boleh diletakkan tanpa kebenaran

42. (1) Tiada seseorang pun boleh meletakkan apa-apa bahan bangunan atau membuat sesuatu lubang di mana-mana jalan atau

lorong belakang tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

Bahan-bahan pagar dan lampu atau lubang

(2) Apabila kebenaran itu diberi kepada seseorang, orang itu hendaklah mengarahkan supaya bahan itu atau lubang itu dipagar atau dikepung dengan secukupnya atas belanjanya sendiri dan hendaklah mengarahkan supaya kawasan itu diterangi dengan lampu dengan secukupnya di waktu malam sehingga bahan itu dipindahkan atau sehingga lubang itu ditimbus atau dengan cara lain dijadikan selamat dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

Penalti

(3) Mana-mana orang yang meletakkan bahan atau membuat sesuatu lubang tanpa kebenaran itu atau setelah diberi kebenaran, ianya tidak memagar atau tidak mengepung atau tidak menerangi bahan atau lubang itu dengan lampu atau ia tidak membuang bahan itu atau tidak menimbuskan lubang itu atau dengan cara lain tidak menjadikannya selamat dalam masa yang ditentukan dalam kebenaran itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas dua puluh empat jam menerima notis secara bertulis daripada pihak berkuasa tempatan untuk membuang bahan itu atau menimbus lubang itu.

(4) Pihak berkuasa tempatan sendiri boleh memagar, mengepung dan menerangi bahan atau lubang itu dengan lampu dan boleh membuang bahan itu atau menimbuskan lubang itu atau dengan cara lain menjadikan ia selamat dan segala kos dan belanja yang timbul daripadanya hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh orang yang mungkir itu.

Tempat berbahaya hendaklah dibaiki atau dikepung

43. (1) Jika, pada pendapat pihak berkuasa tempatan mana-mana tangki, telaga, lubang atau tempat lain adalah berbahaya kepada orang ramai oleh kerana ia tidak dibaiki, dilindungi atau dikepung dengan cukup atau oleh sebab apa-apa sebab lain, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemunyanya supaya membaiki, melindungi atau mengepungnya dengan segera untuk mencegah bahaya daripadanya.

(2) Mana-mana pemunya yang tidak mematuhi notis itu dengan tiada sebab yang munasabah boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan pihak berkuasa tempatan sendiri boleh membaiki, melindungi atau mengepung tangki, telaga, lubang atau tempat lain itu.

(3) Semua kos dan belanja yang timbul daripadanya hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh pemunya tangki, telaga, lubang atau tempat lain itu.

Kewajipan pemunya atau penduduk untuk menjaga kebersihan jalan

44. (1) Pemunya atau penduduk mana-mana premis yang bersempadanan dengan mana-mana jalan persendirian yang padanya ia ada akses atau hak akses dari premis itu hendaklah mengarahkan supaya bahagian jalan yang bersempadanan dengan premisnya itu hingga ke bahagian tengahnya termasuk siar kaki, disapu dan dibersihkan dengan sepatutnya setakat mana yang dengan munasabahnya praktik dan supaya abuk, debu, abu, sampah dan kotoran daripada tiap-tiap jenis yang terdapat atasnya dikumpulkan dan dibuang.

Notis kepada pemunya atau penduduk untuk menjaga kebersihan jalan

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang ke atasnya apa-apa tugas

ditanggungkan di bawah subseksyen (1) menyapu dan membersihkan jalan itu dan mengumpulkan dan membuang abuk, debu, abu, sampah dan kotoran yang terdapat atasnya pada masa atau masa-masa sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu.

Penalti kerana ketidakpatuhan

(3) Mana-mana orang yang diberi notis itu dan yang tidak mematuhinya boleh tanpa notis selanjutnya didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari ketidakpatuhan itu diteruskan dan pihak berkuasa tempatan sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan pemunya atau penduduk itu hendaklah membayar kepada pihak berkuasa tempatan kos dan belanja bagi kerja itu.

Pihak berkuasa tempatan boleh membuat kontrak bagi kerja

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh membuat kontrak dengan mana-mana pemunya atau penduduk yang tersebut di atas untuk menyapu dan membersihkan jalan itu dan untuk mengumpulkan dan membuang abuk, debu, abu dan sampah bagi sesuatu tempoh yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Amaun yang genap masanya dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh orang yang dengannya kontrak itu dibuat boleh dituntut dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Membasahkan jalan

45. Pihak berkuasa tempatan hendaklah, setakat yang difikirkannya perlu untuk kesenangan orang ramai, mengarahkan supaya mana-mana jalan dibasahkan, dan bagi maksud itu pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan apa-apa kerja, enjin dan perjawatan yang difikirkannya perlu.

Halangan

46. (1) Mana-mana orang yang—

(a) membina, menegakkan, mendirikan atau menyenggara atau membenarkan dibina, ditegakkan, didirikan, atau disenggara sesuatu tembok, pagar, susur, tiang atau apa-apa himpunan sesuatu benda, atau halangan lain, di mana-mana tempat awam;

(b) tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan menutup atau menghalang sesuatu parit terbuka atau akuadak di sisi mana-mana jalan;

(c) meletakkan atau menyebab diletakkan apa-apa kotak, karung atau bungkusan atau dagangan, periuk belanga, pinggan mangkuk, barang lain atau benda di mana-mana tempat awam selama tempoh yang lebih lama daripada yang perlu untuk memuat atau memunggah dagangan atau barangan itu;

(d) meletakkan atau menyebabkan diletak apa-apa barang atau benda yang digunakan untuk atau berhubungan dengan trednya di mana-mana tempat awam;

(e) meletakkan atau menyebabkan diletak kayu-kayan, besi sekerap, kereta buruk atau apa-apa bahagiannya, bahan buangan atau benda atau barang lain di mana-mana tempat awam;

(f) meletakkan atau menyebabkan diletak sampah kebun, sampah dapur atau sampah tred atau apa-apa benda atau barang lain di mana-mana tempat awam; atau

(g) menyebabkan atau membenarkan mana-mana kereta berhenti di mana-mana siar kaki,

adalah bersalah kerana menyebabkan suatu halangan dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-

mana pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu dan boleh dibawa ke hadapan sesuatu Mahkamah Majistret dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan mengenai sesuatu sabitan kali kedua atau kali kemudian didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Anggapan

(2) Jika dibuktikan dalam sesuatu hal bahawa apa-apa benda atau barang telah diletakkan di dalam atau di atas mana-mana tempat awam berdekatan dengan sesuatu bangunan atau tanah bersalahan dengan subseksyen (1) hendaklah dianggap melainkan jika dibuktikan sebaliknya bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk bangunan atau tanah itu.

Kuasa memindahkan halangan

(3) *(a)* Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya apa-apa halangan itu dipindahkan atau boleh sendiri melalui pekhidmatnya memindahkan halangan itu ke suatu tempat yang sesuai, supaya tinggal di situ atas risiko pemunyanya atau orang yang melakukan kesalahan itu dan boleh menahan halangan itu sehingga belanja bagi memindahkan dan menahannya dibayar.

(b) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memperakui belanja itu kepada pemunyanya atau orang yang melakukan kesalahan itu dan perakuan pihak berkuasa tempatan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.

(c) Jumlah wang itu boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Halangan sementara pada hari kebesaran, dsb.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan daripada membenarkan apa-apa binaan sementara di sesuatu tempat awam atau penggunaan sementara mana-mana bahagian sesuatu tempat awam pada hari kebesaran dan upacara.

Meletakkan debu atas jalan, dsb.

47. (1) Mana-mana orang yang—

(a) menempatkan, meletakkan atau membuang atau menyebab atau membenar ditempatkan, diletak atau dibuang apa-apa abuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau benda atau barang lain di sesuatu tempat awam;

(b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ia atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu tempat awam;

(c) menjemur apa-apa benda makanan atau benda atau barang lain di sesuatu tempat awam;

(d) membuang, menempat, menumpah atau menaburkan apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor atau benda lain yang mengganggu atau kotor dari sesuatu jenis dengan sesuatu cara supaya ia melurut atau masuk ke dalam sesuatu tempat awam;

(e) menjatuhkan, menumpah, atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, tanah liat, tanah gembur, batu, rumput, rumput kering, rautan, abuk kayu, abu, sampah kebun, sampah kandang, sampah tred, baja, sampah atau apa-apa barang lain atau benda di sesuatu tempat awam, sama ada dari sesuatu kereta yang bergerak atau berhenti atau dengan apa-apa cara lain;

(f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau benda lain dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke sesuatu tempat awam; atau

(g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain di sesuatu tempat awam,

adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu dan boleh dibawa ke hadapan suatu Mahkamah Majistret dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan mengenai sabitan kali kedua atau kali kemudian didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(2) Jika dalam masa sesuatu bangunan atau binaan dibina, diubah atau diruntuhkan atau pada bila-bila masa jua pun seseorang—

(a) meletakkan, menjatuhkan, meninggalkan atau menempatkan, atau membenarkan atau menyebabkan diletak, dijatuh, ditinggal atau ditempatkan dalam atau atas mana-mana tempat awam, apa-apa batu, simen, tanah, pasir, kayu atau bahan, barang atau benda bangunan lain; atau

(b) tidak mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya untuk mencegah bahaya kepada nyawa, kesihatan atau kesentosaan orang yang menggunakan mana-mana tempat awam atau mana-mana orang lain daripada abuk yang berterbangan atau serpihan yang jatuh atau daripada mana-mana bahan, barangan atau benda lain,

adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-

mana pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu dan boleh dibawa ke hadapan suatu Mahkamah Majistret dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan mengenai sabitan kali kedua atau kali kemudian didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(3) Bagi maksud perenggan (1)*(e)*—

(a) jika barang atau benda itu dijatuh, ditumpah atau ditaburkan dari suatu kereta atau jatuh atau tumpah daripadanya, pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kereta itu hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika kesalahan itu dilakukan oleh seseorang yang lain daripada pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kereta itu dan identiti orang yang melakukan kesalahan itu dapat dipastikan; dan

(b) jika pemandu sesuatu kereta motor dikatakan atau disyaki bersalah atas kesalahan itu—

(i) pemunya kereta motor itu hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh seseorang pegawai polis atau oleh seseorang pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan supaya diberi tentang identiti dan alamat orang yang memandu kereta motor yang tersebut itu pada atau lebih kurang pada masa kesalahan yang dikatakan itu dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh pegawai polis atau oleh pegawai atau pekerja pihak berkuasa itu, dan jika dia tidak berbuat demikian dalam masa tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini melainkan jika dia membuktikan, dengan memuaskan hati Mahkamah, bahawa dia tidak tahu dan tidak boleh dengan usaha yang

munasabah mendapatkan maklumat yang dikehendaki itu; dan

(ii) mana-mana orang lain yang telah atau yang sepatutnya telah menjaga atau mengawal kereta motor itu hendaklah, jika dikehendaki seperti tersebut di atas, memberi apa-apa maklumat yang mana adalah dalam kuasanya untuk memberi, dan yang boleh menyebabkan pemandu itu dikenali, dan jika, dalam masa tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia tidak berbuat demikian, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

Anggapan mengenai pesalah

(4) *(a)* Jika dalam sesuatu hal adalah dibuktikan bahawa apa-apa abuk atau benda lain yang disebutkan dalam seksyen ini telah diletakkan di mana-mana tempat bersalahan dengan seksyen ini berdekatan dengan mana-mana bangunan atau tanah atau bahawa apa-apa air atau apa-apa benda yang mengganggu telah melurut, mengalir atau dibuang atau diletakkan di atas atau ke dalam mana-mana jalan atau parit bersalahan dengan seksyen ini hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk bangunan atau tanah itu.

(b) Jika apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh seseorang ejen, pekhidmat atau pekerja dalam masa menjalankan kewajipannya sebagai demikian itu, dan perbuatan atau perkara itu menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen ini maka prinsipalnya, tuan atau majikannya bertanggungan atas kesalahan itu seolah-olah perbuatan atau perkara itu telah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan olehnya, melainkan jika dia boleh membuktikan bahawa perbuatan atau perkara itu telah dilakukan tanpa dipersetujui, dibiarkan atau diketahuinya dan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sepatutnya bagi mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

Tafsiran seksyen 46 dan 47

48. Bagi maksud seksyen 46 dan 47—

"kereta" ertinya apa-apa kereta sama ada digerakkan secara bersawat atau dengan cara lain;

"sampah kandang" ertinya tahi atau kencing kuda, lembu-kerbau, kambing biri-biri, kambing atau babi dan benda-benda sapuan atau sampah atau saliran dari mana-mana kandang, kandang lembukerbau atau tempat menyimpan kambing biri-biri, kambing, babi atau ayam itik;

"sampah kebun" ertinya sampah daripada kebun dan kendalian pertanian;

"sampah tred" ertinya sampah sesuatu tred, pembuatan atau perniagaan atau sampah daripada apa-apa kendalian bangunan;

"tempat awam" ertinya sesuatu jalan, taman, taman bunga, promened, air pancutan, pulau lalu-lintas atau bulatan, taman permainan, tebing sungai, sama ada di atas atau di bawah tikas air tinggi, tempat tumpuan awam atau mana-mana tempat di mana atau ke mana orang ramai boleh lalu atau masuk.

BAHAGIAN III

PARIT

49. (*Dipotong oleh Akta A867*).

Pihak berkuasa tempatan hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air

50. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya dibuat dan dibina dan disenggara parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air dan jika perlu pihak berkuasa tempatan

boleh meminta Pihak Berkuasa Negeri mengambil sesuatu harta mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah yang pada masa itu berkuat kuasa dalam Negeri di mana harta itu terletak atau boleh meneruskan melalui, melintasi atau di bawah mana-mana jalan atau mana-mana tempat yang disusun atur sebagai atau dicadangkan untuk sesuatu jalan atau mana-mana *cellar* atau *vault* yang ada di bawah mana-mana jalan dan, selepas memberi notis yang munasabah secara bertulis bagi maksud itu meneruskan dalam, melalui atau di bawah mana-mana tanah yang terkepung atau apa-apa jua tanah yang lain, dengan melakukan kerosakan seberapa sedikit yang boleh dan memberi pampasan penuh bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pampasan boleh dibayar bagi apa-apa kerugian perniagaan disebabkan oleh apa-apa kerja yang dilakukan di bawah seksyen ini.

(2) Jika timbul sesuatu pertikaian berkenaan dengan amaun atau pembahagian pampasan itu, pertikaian itu hendaklah diselesaikan mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi memperelok dan membuat parit, dsb.

51. (1) Jika pihak berkuasa tempatan telah membuat apa-apa sesalur atau telah membuat parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air itu, ia boleh menuntut kos bagi membina dan membuat parit air permukaan atau parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air itu, termasuk kos bagi mengambil mana-mana tanah atau kos apa-apa pampasan yang telah dibayar dalam masa menjalankan kerja itu.

(2) Kos itu hendaklah dibayar oleh orang yang menjadi pemunya bidang hadapan apabila kerja itu siap.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2) pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, jika berpuas hati bahawa parit air permukaan atau parit hujan lebat, pembetung, salur atau alur air yang sedia ada akan kena diperelok oleh kerana apa-apa pembangunan yang dicadangkan dalam sesuatu kawasan, menghendaki mana-mana pemaju dalam kawasan itu mendepositkan suatu jumlah wang sebagaimana yang dibahagikan oleh pihak berkuasa tempatan seolah-olah pemaju itu adalah seorang pemunya bidang hadapan sebelum bertindak memajukan kawasan itu:

Dengan syarat bahawa pemaju boleh, jika pihak berkuasa tempatan bersetuju, daripada mendepositkan sejumlah wang, memberi suatu sekuriti dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

(4) Pada menentukan amaun yang masing-masing kena dibayar oleh pemunya bidang hadapan atau pemaju, pihak berkuasa tempatan boleh menimbangkan—

(a) luas premis mereka masing-masing;

(b) untuk apakah premis mereka masing-masing akan digunakan;

(c) keadaan tanah, sebelum, semasa dan apabila kemajuan siap;

(d) takat faedah yang akan didapati oleh premis itu dengan pembinaan parit air permukaan atau parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air itu;

(e) jika mana-mana bahagian parit air permukaan atau parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air telah dibina dahulunya, amaun dan nilai kerja yang dilaksanakan oleh pemunya bidang hadapan atau pemaju itu;

(f) kos premis yang diserah balik oleh pemunya secara sukarela kepada pihak berkuasa tempatan; dan

(g) apa-apa perkara lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan adalah berkaitan dan patut dipertimbangkan.

(5) Jika pemunya bidang hadapan atau pemaju tidak berpuas hati dengan pembahagian kos itu, dia boleh dalam tempoh satu bulan dari tarikh menerima notis itu merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Larangan terhadap bangunan melainkan jika peruntukan dibuat untuk parit, dsb., dan pematuhan notis atau perintah

52. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan di atas mana-mana premis apa-apa bangunan, membina semula apa-apa bangunan yang telah diruntuhkan hingga tingkat tanah atau bawah tingkat tanah atau menduduki apa-apa bangunan yang baharu dibina atau baharu dibina semula sedemikian melainkan jika parit air permukaan atau parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air daripada apa-apa penentuan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan, diadakan atas premis itu untuk mengalirkan air lain daripada kumbahan.

(2) Jika didapati oleh pihak berkuasa tempatan bahawa sesuatu kumpulan atau blok premis, sama ada bersambung, bersampingan, berasingan atau berkembar sepatutnya disalirkan bersama-sama, pihak berkuasa tempatan boleh memerintahkan supaya air lain daripada kumbahan daripada kumpulan atau blok premis itu dialirkan dengan suatu kendalian bersama.

(3) Jika didapati oleh pihak berkuasa tempatan bahawa mana-mana parit, pembetung, salur dan alur air itu memerlukan perubahan, pembesaran, pembaikan, atau pembersihan, ia boleh dengan notis yang disampaikan kepada pemunya atau pemunya-pemunya premis itu menghendakinya atau mereka menjalankan kerja itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau yang tidak mematuhi kehendak mana-mana notis atau perintah boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan juga boleh

didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiaptiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(5) Jika mana-mana orang yang dikehendaki di bawah subseksyen di atas tidak mengadakan parit, salur, pembetung atau alur air atau tidak mematuhi mana-mana notis atau perintah di bawah seksyen ini, pihak berkuasa tempatan boleh memasuki premisnya dan melaksanakan kerja itu dan kos dan belanja bagi kerja itu boleh dituntut oleh pihak berkuasa tempatan sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini.

Pihak berkuasa tempatan hendaklah membaiki dan mengubah dan boleh meninggalkan parit air permukaan dan parit hujan lebat, dsb.

53. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah menyenggara dan memelihara, dan sebagaimana yang difikirkannya patut, membesarkan, mengubah, mengadakan lengkung di atas atau dengan cara lain memperelokkan semua atau mana-mana parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan dan boleh meninggalkan, menutup atau membinasakan mana-mana daripadanya yang difikirkannya tidak berguna atau tidak perlu:

Dengan syarat bahawa sebelum memasuki mana-mana harta persendirian bagi maksud menjalankan apa-apa kerja di bawah subseksyen ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis yang munasabah secara bertulis bagi maksud itu, dan hendaklah pada menjalankan kerja itu melakukan kerosakan seberapa sedikit yang boleh dan hendaklah memberi pampasan penuh bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan.

Tidak boleh menyebabkan kacau ganggu

(2) Peninggalan, penutupan atau pembinasaan mana-mana daripadanya hendaklah dilakukan dengan cara yang tidak mewujudkan kacau ganggu.

(3) Jika oleh sebab yang demikian itu atau oleh sebab apa-apa pengubahan yang disebutkan dahulu daripada ini seseorang tidak berpeluang lagi menggunakan mana-mana parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur atau alur air sebagaimana dia berhak di sisi undang-undang, pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan usaha yang sepatutnya mengadakan sesuatu yang lain yang sama kesannya dengan yang orang itu tidak berpeluang lagi menggunakan sebagaimana dia berhak di sisi undang-undang.

Membersih dan mengosongkan parit air permukaan dan parit hujan lebat, dsb.

54. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengarahkan supaya parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan dibina, disenggara dan dijaga supaya tidak menjadi suatu kacau ganggu atau bencana kepada kesihatan dan diterangkan, dibersihkan dan dikosongkan dengan sempurna dan, bagi maksud menyembur, mencuci, dan mengosongkannya pihak berkuasa tempatan boleh membina dan menempatkan sama ada di atas atau di dalam tanah, apa-apa kolam air, salur, enjin dan kerja lain yang perlu:

Dengan syarat bahawa sebelum memasuki mana-mana harta persendirian bagi maksud menjalankan apa-apa kerja di bawah subseksyen ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis yang munasabah secara bertulis bagi maksud itu, dan hendaklah pada menjalankan kerja itu melakukan kerosakan seberapa sedikit yang boleh dan hendaklah memberi pampasan yang penuh bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan.

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan izin Pihak Berkuasa Negeri, mengarahkan supaya semua atau mana-mana parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembetung, salur dan alur air dihubungkan dengan dan disalirkan ke dalam laut atau tempat lain yang sesuai, atau boleh mengarahkan supaya sampah daripadanya itu dihanyutkan melalui suatu saluran yang sepatutnya ke tempat yang paling sesuai untuknya berlonggok, dan boleh menjual atau dengan cara lain melupuskan sampah itu bagi apa-apa maksud pertanian atau

maksud lain yang difikirkan patut supaya ia tidak menjadi suatu kacau ganggu.

Penalti kerana menjadikan parit sebagai alur atau anak sungai tanpa kebenaran

55. (1) Mana-mana orang yang tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan—

(a) menjadikan atau menyebab dijadikan apa-apa parit sebagai sesuatu daripada parit atau sebagai sesuatu alur atau anak sungai di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan;

(b) menutup, menahan atau melencongkan mana-mana parit,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan membuat suatu perintah mandatori menghendaki pemunyanya meruntuh, mengubah, membuat semula atau dengan cara lain menguruskan parit itu mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Jamban pam dan cecair keluar tred tidak boleh dihubungkan dengan sungai, dsb., tanpa kelulusan

(2) Tiada sesuatu jamban pam atau tandas boleh dibenarkan dihubung dengan mana-mana sungai, alur, anak sungai, kolam, tasik, laut atau dengan mana-mana parit air permukaan atau parit hujan lebat awam tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab bagi parit itu atau dalam mana-mana hal lain tanpa mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Tiada apa-apa cecair keluar tred boleh dialirkan ke dalam atau dibenarkan dihubung dengan mana-mana sungai, alur, anak sungai, kolam, tasik, laut atau dengan mana-mana parit air permukaan atau parit hujan lebat awam tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih

dahulu daripada pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab bagi parit itu, atau dalam mana-mana hal lain, tanpa mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri dan pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan syarat ke atas kebenaran itu.

Penalti

(4) Mana-mana orang yang mengalirkan, menyebabkan atau membenarkan dibuang atau dialirkan ke dalam atau sepanjang mana-mana sungai, alur atau anak sungai, kolam, tasik, laut atau ke dalam atau sepanjang mana-mana parit air permukaan atau parit hujan lebat awam apa-apa najis atau benda tahi berlawanan dengan subseksyen (2) atau apa-apa cecair keluar tred berlawanan dengan subseksyen (3) atau berlawanan dengan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas kebenaran yang diberi itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap satu kesalahan dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah atas permohonan pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, membuat suatu perintah mandatori menghendaki pemunyanya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah untuk mencegah sesuatu perhubungan atau pengaliran itu.

Paip air hujan tidak boleh digunakan sebagai paip kotoran

56. (1) Tiada sesuatu paip yang digunakan untuk mengalirkan air hujan dari mana-mana bumbung boleh digunakan bagi maksud mengalirkan kotoran atau saliran daripada mana-mana tandas atau jamban pam atau bagi maksud mengalirkan apa-apa air kotor.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Paip air, dsb., tidak boleh digunakan sebagai lubang pengganti udara

57. (1) Tiada sesuatu paip air, paip cerobong atau paip turun yang digunakan untuk membawa air permukaan dari mana-mana premis boleh digunakan atau dibenarkan menjadi atau bertindak sebagai lubang pengganti udara kepada mana-mana parit atau betung.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Tafsiran

58. (1) Dalam seksyen ini, melainkan jika ada sesuatu yang bertentangan dalam perkara atau kandungan ayatnya—

"bekalan air dan betung yang cukup" ertinya suatu bekalan air dan betung yang cukup dan munasabah boleh didapati untuk digunakan bagi, atau berhubungan dengan menyimbur dan membersih dengan cekap dan membuang dengan cekap najis dan kencing daripada beberapa buah jamban pam dan tempat buang air kecil yang sempurna dan mencukupi yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya diadakan dalam sesuatu hal tertentu atau berhubungan dengan sesuatu sink atau bilik mandi, dan sesuatu betung hendaklah disifatkan sebagai munasabah dapat digunakan jika ia berada dalam lingkungan satu ratus kaki daripada sempadan premis dalam mana terletaknya rumah yang mengenainya tandas, sink, tempat buang air kecil atau bilik mandi itu hendak diadakan;

"jamban pam" dan "tempat buang air kecil" masing-masing ertinya ruang tandas dan ruang buang air kecil yang digunakan atau dipadankan atau yang dicadangkan untuk digunakan berhubungan dengan sistem saluran air dan mengandungi kemudahan untuk menyimbur bekas itu dengan menggunakan bekalan air bersih dan yang mempunyai hubungan yang sempurna dengan sesuatu betung;

"ruang bilik mandi" termasuklah tempat mandi atau bekas untuk air bersama dengan binaan atau bilik atau kepungan yang dipadankan atau digunakan bagi tempat mandi atau bersuci dan juga pasangan dan perkakas baginya atau dalamnya atau berhubungan dengannya;

"ruang tandas", "ruang sink" dan "ruang buang air kecil" masing-masing termasuklah suatu bekas untuk najis manusia, untuk kotoran atau buangan, sampah atau cecair rumahtangga dan suatu bekas untuk kencing, bersama, dalam tiap-tiap satunya, dengan binaan yang mengandungi bekas itu dan juga pasangan dan perkakas yang berkenaan dengannya;

"sink" dan "bilik mandi" masing-masing ertinya ruang sink dan ruang bilik mandi yang digunakan atau dipadankan atau yang dicadang untuk digunakan berhubungan dengan suatu bekalan air kekal dan yang mempunyai hubungan yang sempurna dengan sesuatu betung.

Bekalan air kepada jamban pam dan tempat buang air kecil

(2) Jika ada bekalan air dan betung yang cukup, pihak berkuasa tempatan boleh dengan arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan, menghendaki supaya rumah atau bangunan itu diadakan sebilangan jamban pam, tempat buang air kecil, sink dan bilik mandi yang sempurna dan mencukupi sebagaimana yang perlu pada pendapat pihak berkuasa tempatan dalam hal keadaan perkara itu dan jamban pam, tempat buang air kecil, sink dan bilik mandi itu hendaklah dihubungkan kepada betung.

(3) Jika ada bekalan air yang cukup tetapi betung tidak ada, pihak berkuasa tempatan boleh dengan arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan, menghendaki supaya rumah atau bangunan itu diadakan sama ada—

(a) sebilangan jamban pam, tempat buang air kecil, sink dan bilik mandi yang sempurna dan mencukupi bersama dengan suatu sistem untuk penapisan kumbahan sebagaimana dan daripada jenis yang perlu pada pendapat

pihak berkuasa tempatan dan yang mematuhi *Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dalam hal keadaan perkara itu; atau

(b) sebilangan tandas kimia daripada jenis yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana kehendak pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (2) dan (3) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Mengadakan ruang jamban, ruang sink, ruang bilik mandi, dsb., yang mencukupi

(5) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa ruang jamban, ruang sink, ruang tempat buang air kecil atau ruang bilik mandi tidak diadakan dengan mencukupi di sesuatu rumah atau bangunan atau berhubungan dengan sesuatu rumah atau bangunan, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan notis bertulis kepada pemunya atau pemunya-pemunya rumah atau bangunan itu, menghendaki supaya rumah atau bangunan itu diadakan ruang jamban, ruang sink, ruang tempat buang air kecil, dan ruang bilik mandi yang sempurna dan mencukupi mengikut sebagaimana yang perlu pada pendapat pihak berkuasa tempatan.

(6) Jika pemunya atau pemunya-pemunya rumah atau bangunan itu tidak mematuhi apa-apa kehendak pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (5) pihak berkuasa tempatan boleh, apabila tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu dan tempoh itu tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari selepas notis itu disampaikan, membuat kerja yang dikehendaki oleh notis itu dan boleh menuntut

---

**CATATAN*—Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*] telah dimansuhkan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] berkenaan dengan pemakaiannya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008—*lihat* subseksyen 185(1) Akta 655.

belanja yang dilakukan bagi membuat kerja itu daripada pemunya atau pemunya-pemunya itu.

Bila pemunya mesti mengadakan jamban pam, dsb.

(7) Jika ada bekalan air dan betung yang cukup pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis bertulis menghendaki pemunya atau pemunya-pemunya mana-mana rumah atau bangunan supaya mengadakan di dalam atau bersampingan dengan rumah atau bangunan itu jamban pam, sink, tempat buang air kecil dan bilik mandi mengikut sebagaimana yang perlu pada pendapat pihak berkuasa tempatan.

(8) Jika pemunya atau pemunya-pemunya rumah atau bangunan itu tidak mematuhi apa-apa kehendak pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (7) pihak berkuasa tempatan boleh, apabila tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu dan tempoh itu tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari selepas notis itu disampaikan, membuat kerja yang dikehendaki oleh notis itu dan boleh menuntut belanja yang dilakukan bagi membuat kerja itu daripada pemunya atau pemunya-pemunya itu.

(9) (*Dipotong oleh Akta A867*).

Paip air dipasang pada jamban pam, dsb., di rumah tertentu

(10) Dalam hal yang tersebut dalam subseksyen (5) dan (7) jika rumah atau bangunan yang berkenaan itu tidak diadakan bekalan air untuk maksud rumahtangga, pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan dan memasang pada atau untuk rumah atau bangunan itu, paip air daripada sesalur air awam ke jamban pam, tempat buang air kecil, sink dan bilik mandi dan mengadakan dan memasang pasangan air sebagaimana yang difikirkannya perlu dan belanja dan kos bagi berbuat demikian hendaklah kena dibayar oleh dan boleh dituntut daripada pemunya atau pemunya-pemunya rumah atau bangunan itu.

(11) Jika dalam sesuatu hal, mengikut subseksyen (10), pihak berkuasa tempatan telah mengadakan dan memasang paip air dan pasangan air pada atau bagi sesuatu rumah atau bangunan pihak berkuasa tempatan boleh membuat suatu kontrak dengan pihak berkuasa berkenaan yang menjaga bekalan air kepada rumah atau bangunan itu dan penduduk rumah atau bangunan itu hendaklah membayar kepada pihak berkuasa tempatan untuk air yang digunakan di situ mengikut kadar yang diperintahkan secara bertulis oleh pihak berkuasa tempatan menurut budi bicaranya dan perintah itu atau salinannya yang diperakui dengan sempurna sebagai suatu salinan yang sah bagi perintah itu hendaklah disampaikan kepada penduduk itu dalam masa satu bulan daripada tarikh perintah itu dibuat dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di atas penduduk itu hendaklah disifatkan sebagai pengguna berkenaan dengan bekalan air itu, dan perintah itu boleh menghendaki pemunya itu membayar suatu bayaran bulanan minimum sebanyak mana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan sama ada atau tidak pemunya itu menggunakan air yang diadakan sedemikian dalam sesuatu bulan.

Jamban pam hendaklah dipindah dan diganti atas belanja pemunya

(12) Pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa memberi notis secara bertulis kepada pemunya mana-mana rumah atau bangunan dalam mana sesuatu jamban pam atau apa-apa pasangan atau perkakas yang dihubungkan dengan mana-mana jamban pam telah diadakan di bawah subseksyen (2), (3), (5) atau (7) atau dengan cara lain menghendaki pemunya itu memindah mana-mana jamban pam atau pasangan atau perkakas yang dihubungkan dengannya itu dan menggantikannya dengan suatu jamban pam yang lain atau dengan pasangan atau perkakas yang lain atas belanja pemunya itu, dan jika pemunya rumah atau bangunan itu tidak mematuhi mana-mana kehendak pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen ini pihak berkuasa tempatan boleh, apabila tamat apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan tempoh itu tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan, membuat kerja yang dikehendaki oleh notis itu dan menuntut belanja yang dilakukan bagi membuat kerja itu daripada pemunya rumah atau bangunan itu.

Jamban pam, dsb., disenggara, dsb., atas belanja pemunya

(13) Semua jamban pam, tempat buang air kecil, sink atau pasangan air kotoran mandi termasuk yang diadakan di bawah subseksyen (2), (3), (5) atau (7) hendaklah disenggara, dibaiki dan dibaharui oleh pemunya rumah atau bangunan itu atas belanjanya:

Dengan syarat bahawa kos bagi apa-apa pembaikan atau pembaharuan yang diperlukan oleh sebab apa-apa kerosakan yang dilakukan dengan cuai atau dengan sengaja kepada mana-mana jamban pam, tempat buang air kecil, sink atau pasangan air kotoran mandi oleh penduduk rumah atau bangunan itu bolehlah dituntut oleh pemunya daripada penduduk itu.

Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki betung, parit, dsb., dibetulkan

(14) Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis menghendaki pemunya atau pemunya-pemunya bagi mana-mana bangunan atau tanah yang di atasnya terletak apa-apa parit, tempat buang air kecil, jamban pam, sink atau bilik mandi yang tidak disenggara atau dibaiki atau dibaharui dengan sempurna supaya ia dibaiki, dibaharui atau dijaga dengan sempurna dan jika pemunya atau pemunya-pemunya tidak mematuhi kehendak pihak berkuasa tempatan itu, pihak berkuasa tempatan boleh apabila tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu membuat kerja yang dikehendaki dalam notis itu dan boleh menuntut belanja yang dilakukan bagi membuat kerja itu daripada pemunya atau pemunya-pemunya itu.

Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki tempat buang air kecil dipindahkan atau diubah

59. (1) Jika sesuatu tempat buang air kecil atau kemudahan kebersihan yang lain yang membuka ke atas mana-mana jalan adalah ditempatkan atau dibina dengan sebegitu cara hingga menjadi suatu kacau ganggu atau tidak baik kepada kesopanan awam, pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya itu

supaya memindah atau mengubahnya dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tempat buang air kecil atau jamban pam hendaklah dipasang ke rumah tempat makan-minum, dsb.

(2) Jika mana-mana rumah awam, rumah makan, bilik makan minum, panggung, panggung wayang, tempat pameran atau tempat hiburan awam tidak ada sesuatu tempat buang air kecil atau jamban pam ataupun ada tempat buang air kecil atau jamban pam kepunyaannya atau dipasang padanya tetapi tidak mencukupi, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki pemunya premis itu supaya mengadakan dan menyenggara di situ satu atau lebih tempat buang air kecil atau jamban pam yang sesuai di suatu tempat yang sesuai.

(3) Mana-mana orang pemunya yang tidak mematuhi sesuatu notis di bawah seksyen ini dalam tempoh yang dinyatakan dalamnya boleh apabila disabitkan bagi tiap-tiap satu kesalahan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

60. (*Dipotong oleh Akta A867*).

Paip pengganti udara bagi betung

61. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh mendirikan atau memasang kepada mana-mana bangunan apa-apa paip yang perlu untuk penggantian udara yang sempurna bagi parit dan betung kepunyaannya.

(2) Paip itu hendaklah didirikan dengan tidak menyebabkan apa-apa kacau ganggu atau gangguan kepada bangunan itu atau mana-mana bangunan dalam kawasan sekitarnya.

62. (*Dipotong oleh Akta A867*).

63. (*Dipotong oleh Akta A867*).

64. (*Dipotong oleh Akta A867*).

BAHAGIAN IV

LORONG BELAKANG

Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki tanah untuk sebahagian lorong belakang

65. (1) Jika didapati dari suatu pelan mengenai suatu bangunan yang dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan bahawa tapak bangunan itu atau mana-mana tanah yang diasingkan oleh orang utama yang mengemukakan adalah bersempadanan dengan mana-mana tanah yang boleh menjadi sebahagian daripada suatu lorong belakang, pihak berkuasa tempatan boleh meminta Pihak Berkuasa Negeri, mengambil tanah yang akhir tersebut itu mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua tanah boleh diambil di bawah subseksyen ini jika hal yang demikian akan mengakibatkan tanah terpisah daripada tanah lain yang menjadi sebahagian daripada pegangan itu juga.

Hendaklah diambil kesemua bangunan jika sebahagiannya menjadi tidak berguna

(2) Jika mana-mana bahagian daripada suatu bangunan yang terlekat kepada sesuatu pegangan diambil di bawah seksyen ini dan hal yang demikian menjadikan bahagian bangunan yang selebihnya itu tidak berguna lagi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki

oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu iaitu bahagian yang darinya bangunan itu menjadi sebahagian.

Kesemua pegangan diambil dalam hal keadaan tertentu

(3) Jika mana-mana bahagian daripada suatu pegangan yang tidak mempunyai apa-apa bangunan terlekat kepada bahagian itu atau kepada bahagian pegangan yang selebihnya itu diambil di bawah seksyen ini dan hal yang demikian itu menjadikan bahagian pegangan yang selebihnya itu tidak berguna lagi sebagai tapak bangunan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu.

Pampasan di mana tanah yang diasingkan menyebabkan terputusnya dari tanah lain

(4) Dalam hal di mana tanah adalah diasingkan dan hal yang demikian menyebabkan tanah kepunyaan pemunya itu terputus dari tanah lain yang menjadi sebahagian daripada pegangan itu juga, jika bahagian lebih kecil tanah yang terputus itu telah menjadi tidak berguna lagi sebagai tapak bangunan oleh sebab terputusnya itu, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki oleh pemunyanya, mengambil bahagian yang lebih kecil itu.

Pihak Berkuasa Negeri boleh memerintahkan lorong belakang disusun atur

66. (1) Pihak berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa atas syor pihak berkuasa tempatan memerintahkan supaya suatu lorong belakang yang lebarnya tidak kurang daripada empat puluh kaki disusun atur melalui mana-mana tanah.

(2) Tanah-tanah yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) itu boleh diambil bagi maksud mengadakan lorong belakang itu dan pihak berkuasa tempatan boleh meminta Pihak

Berkuasa Negeri mengambil tanah itu menurut mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah.

Penentuan tanah tambahan dalam perintah

(3) Mana-mana tanah yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mungkin perlu diambil olehnya di bawah subseksyen (4) atau (5) atau yang bersempadanan atau berdekatan dengan tapak lorong belakang itu boleh dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) sebagai tambahan kepada tanah yang dikehendaki bagi tapak lorong belakang itu.

Hendaklah diambil kesemua bangunan jika sebahagiannya menjadi tidak berguna lagi

(4) Jika mana-mana bahagian daripada suatu bangunan yang terlekat kepada sesuatu pegangan diambil di bawah seksyen ini dan hal yang demikian menjadikan bahagian bangunan yang selebihnya itu tidak berguna lagi Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu iaitu bahagian yang darinya bangunan itu menjadi sebahagian.

Kesemua pegangan diambil dalam hal keadaan tertentu

(5) Jika mana-mana bahagian daripada suatu pegangan yang tiada apa-apa bangunan terletak kepada bahagian itu atau kepada bahagian pegangan yang selebihnya itu diambil di bawah seksyen ini dan hal yang demikian menjadikan bahagian pegangan yang selebihnya itu tidak berguna lagi sebagai tapak bangunan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika dikehendaki oleh pemunyanya, mengambil bahagian pegangan yang selebihnya itu.

Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos pengambilan bagi dan menyusun atur atau membina lorong belakang

67. (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri telah mengambil mana-mana tanah yang perlu dan pihak berkuasa tempatan telah menyusun atur atau membina suatu lorong belakang, pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi mengambil tanah itu dan bagi menyusun atur atau membina lorong belakang itu daripada pemunya bidang hadapan atau pemaju atau kedua-duanya.

(2) Jika kos itu kena dibayar oleh pemunya bidang hadapan kos itu hendaklah dibayar oleh orang yang menjadi pemunya bidang hadapan apabila kerja itu siap.

(3) Pada menentukan amaun yang masing-masing kena dibayar oleh pemunya bidang hadapan atau pemaju itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah menimbangkan—

(a) bidang hadapan premis mereka masing-masing ke lorong belakang itu;

(b) luas premis mereka masing-masing;

(c) takat faedah yang akan didapati oleh premis itu dengan menyusun atur atau membina lorong belakang itu;

(d) kos bagi premis yang diserah balik oleh pemunya secara sukarela kepada pihak berkuasa tempatan itu; dan

(e) apa-apa perkara lain yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan adalah berkaitan dan patut dipertimbangkan.

(4) Mana-mana lorong belakang yang disusun atur atau dibina oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah disenggara oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Bagi maksud subseksyen 65(2), (3), (4) dan (5), seksyen 66 dan seksyen ini, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan sebutan mengenai

Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

Pengisytiharan lorong belakang sebagai jalan awam

68. Walau apa pun peruntukan Bahagian ini, pihak berkuasa tempatan boleh mengisytiharkan mana-mana lorong belakang menjadi suatu jalan awam menurut tatacara yang ditetapkan di bawah seksyen 13.

Peruntukan am berkenaan dengan lorong belakang

69. (1) Dalam Akta ini dan dalam undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya pernyataan "lorong belakang" termasuklah tiap-tiap lorong belakang sama ada yang sedia ada atau yang akan ada kemudian daripada ini dan mana-mana bahagiannya dan apa-apa jalan masuk kepadanya dan semua tanah yang telah pun atau yang kemudian daripada ini diambil atau diasingkan untuk atau disusun atur sebagai lorong belakang dan semua alur, parit dan apa-apa yang berkaitan dengan suatu lorong belakang.

(2) Pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa, menurut budi bicaranya sendiri, menutup atau dengan cara lain menahan sesiapa atau apa-apa jua daripada masuk ke dalam, keluar dari atau masuk kembali ke dalam mana-mana lorong belakang yang dikawal olehnya atau mana-mana bahagiannya sama ada semua sekali atau dengan bersyarat.

Menghapuskan halangan

(3) Tiada seseorangpun boleh mendirikan atau menyenggara atau membenarkan didiri atau disenggara apa-apa halangan dalam atau atas mana-mana lorong belakang, dan pihak berkuasa tempatan boleh, di mana halangan itu terdapat, menurunkan dan menghapuskan halangan itu dan kos dan belanja bagi menurunkan atau menghapuskan halangan itu boleh dituntut daripada orang yang bertanggungjawab bagi mendirikan atau menyenggara halangan itu atau bagi membenarkan

halangan itu didirikan atau disenggara mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

BAHAGIAN V

BANGUNAN

Notis mengenai bangunan baharu

70. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

(2) Mana-mana orang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah menyebabkan untuk dikemukakan oleh utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan—

(a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

(b) kepada pihak berkuasa berkanun yang berkaitan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain; dan

(c) kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun berkaitan suatu laporan geoteknikal bagi binaan yang melibatkan cerun dengan kecerunan yang lebih daripada dua puluh lima darjah dan jumlah ketinggian menegak yang lebih daripada sepuluh meter yang laporan itu hendaklah ditentusahkan oleh Pemeriksa Bertauliah yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*].

(3) Tiada sesuatu pelan untuk mendirikan suatu bangunan boleh diluluskan—

(a) jika bangunan itu hendak didirikan di atas sesuatu pegangan yang bersempadanan dengan sesuatu jalan baharu atau sesuatu jalan baharu yang dicadangkan atau yang mempunyai akses kepadanya sehingga pelan bagi jalan baharu itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah peruntukan Akta ini;

(b) sebelum dibuat apa-apa deposit yang dikehendaki di bawah seksyen 18 atau melainkan jika bangunan atau kelas bangunan itu telah dikecualikan daripada subseksyen 17(1) oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan

(c) sebelum dipatuhi apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir berikut:

(a) pematuhan Akta ini atau mana-mana Akta lain atau mana-mana undang-undang kecil, perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya;

(b) tapak sesuatu bangunan dan ruang yang akan ditinggalkan lapang di keliling mana-mana bangunan untuk membolehkan cahaya matahari senang masuk dan udara senang beredar dan juga untuk memudahkan pembuangan sampah;

(c) aras takat mana asas tapak dan tingkat yang rendah sekali hendak disusun atur;

(d) meninggikan aras tapak supaya menjadi asas tapak yang stabil dan kukuh dan bahan yang hendak digunakan untuk meninggikan aras tapak itu;

(e) garis bidang hadapan dengan bangunan berdekatan, jika bangunan itu bersempadan dengan suatu jalan awam atau terletak dalam lingkungan lima puluh kaki dari suatu jalan awam;

(f) pelan tegak depan, dan jika pelan tegak rusuk bersempadanan dengan suatu jalan awam atau di dalam lingkungan lima puluh kaki daripada suatu jalan awam, pelan tegak rusuk itu;

(g) menganjak bangunan ke hadapan atau ke belakang ke garis aturan jalan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 23;

(h) kelas, reka bentuk dan rupa bangunan yang hendak didirikan di suatu daerah, tempat atau jalan di mana hanya bangunan daripada sesuatu kelas, reka bentuk atau rupa tertentu sahaja boleh didirikan;

(i) mengadakan bekalan air yang bersih dan mencukupi dalam jarak yang munasabah daripada bangunan itu;

(j) menganjak bangunan ke belakang ke mana-mana garis bangunan;

(k) mengadakan dan membina sesuatu arked atau siar kaki berturap bagi kegunaan pejalan kaki di sepanjang mana-mana bahagian lot bangunan yang bersempadanan dengan sesuatu jalan.

(5) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang telah diberi arahan bertulis hendaklah meminda pelan dan penentuan itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan dan penentuan yang dipinda itu dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan.

(6) Jika pelan yang dipinda itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang dinyatakan itu, atau dalam suatu tempoh yang dilanjutkan, maka pelan itu tidak boleh dipertimbangkan semula dan

hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi orang itu boleh mengemukakan pelan dan penentuan baharu.

Bangunan yang diarahkan supaya dianjak ke hadapan

(7) Jika arahan diberi supaya suatu bangunan dianjak ke hadapan ke garis aturan jalan, maka arahan itu adalah dipatuhi dengan secukupnya jika suatu tembok atau pagar daripada apa-apa bahan dan ukuran yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan didirikan pada suatu tempat yang cukup jauhnya dari garis itu untuk mengadakan sesuatu arked atau siar kaki yang mungkin dikehendaki di bawah Akta ini.

Pampasan jika arahan diberi supaya bangunan dianjak ke belakang

(8) Jika pihak berkuasa tempatan mengarahkan orang utama yang mengemukakan supaya menganjak bangunan itu ke belakang ke garis aturan jalan, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil milik tanah yang dalam kawasan garis aturan jalan itu dan tanah yang diambil milik sedemikian hendaklah diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri atas permintaan pihak berkuasa tempatan mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan pengambilan paksa tanah dan hendaklah kemudian daripada itu disifatkan sebagai suatu bahagian jalan awam itu.

Notis memulakan semula kerja bangunan

(9) Tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dalam sesuatu hal jika kerja mendirikan bangunan itu telah digantung bagi suatu tempoh terus-menerus lebih daripada tiga bulan melainkan jika—

(a) kerja itu dimulakan atau dimulakan semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa dua belas bulan

daripada tarikh pelan dan penentuan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan; dan

(b) dia telah memberi pihak berkuasa tempatan empat hari notis secara bertulis akan maksudnya hendak memulakan atau memulakan semula kerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9A) Walau apa pun subseksyen (9), tiada seorang pun boleh memulakan pendirian sesuatu bangunan melainkan jika suatu salinan pelan struktur yang terperinci bangunan itu bersama dengan suatu salinan kiraan strukturnya yang boleh dibaca dan apa-apa butir, dokumen atau laporan lain yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan telah dikemukakan.

(10) Bagi maksud perenggan (9)*(a)*, "pelan dan penentuan" ertinya pelan dan penentuan yang pada asalnya diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tetapi tidak termasuk sesuatu pelan atau penentuan yang meminda yang diluluskan kemudiannya oleh pihak berkuasa tempatan berhubungan dengannya.

(11) Mana-mana orang yang membuat apa-apa perubahan kepada mana-mana bangunan dengan apa-apa cara selain yang diperuntukkan dalam Akta ini atau dalam undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan itu, mengeluarkan suatu perintah mandatori untuk mengubah bangunan itu dengan apa-apa cara atau untuk meruntuhkannya.

(12) Mana-mana orang yang menggunakan sesuatu bangunan atau bahagian sesuatu bangunan bagi sesuatu maksud selain maksud yang baginya ia telah dibina pada asalnya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas suatu notis untuk

memberhentikan bangunan itu daripada digunakan bagi maksud lain itu telah disampaikan kepada orang itu.

(13) Mana-mana orang yang—

(a) memulakan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar subseksyen (9);

(aa) memulakan pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar subseksyen (9A);

(b) melencong daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan;

(c) mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau dengan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya; atau

(d) tidak mematuhi sesuatu perintah atau arahan bertulis yang sah di sisi undang-undang daripada pihak berkuasa tempatan atau sesuatu had atau syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan kepada apa-apa ubah suaian atau pengenepian apa-apa kehendak mana-mana undang-undang kecil,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(14) Dalam sesuatu hal di mana langkah pembicaraan tidak diambil terhadap mana-mana orang yang telah melanggar subseksyen (13) dengan sebab tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan orang itu hendaklah tatkala orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan mengemukakan pelan dan penentuan kepada pihak berkuasa tempatan mengikut Akta ini membayar kepada pihak berkuasa tempatan sejumlah wang yang

tidak boleh kurang daripada lima kali ganda tetapi tidak melebihi dua puluh kali ganda bayaran yang ditetapkan mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dan jika sekiranya pelan dan penentuan dikemukakan tanpa bayaran itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah enggan menerimanya.

(15) Mana-mana Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan atau seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis bagi maksud itu, membuat suatu perintah mandatori menghendaki mana-mana orang yang disabitkan suatu kesalahan di bawah subseksyen (13) mengubah dengan apa-apa cara atau meruntuhkan bangunan itu.

Apa yang dikatakan mendirikan sesuatu bangunan

(16) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 75 mana-mana orang hendaklah disifatkan sebagai mendirikan sesuatu bangunan jika dia—

(a) memulakan kerja di atas tapak bangunan bagi atau berkenaan dengan suatu bangunan baharu;

(b) menambah kepada atau mengubah mana-mana bangunan yang sedia ada dengan cara yang akan melibatkan—

(i) asas tapak baharu; atau

(ii) bina atas atau bumbung baharu atau separuh baharu atau tambahan atas dinding yang sedia ada atau asas tapak yang sedia ada;

(c) mengubahjadikan sesuatu bangunan yang bukan pada asalnya dibina untuk kediaman manusia kepada rumah kediaman;

(d) mengubahjadikan sesuatu bangunan yang pada asalnya dibina sebagai suatu rumah kediaman kepada lebih daripada satu rumah kediaman;

(e) mengubahjadikan sesuatu rumah yang pada asalnya dibina bagi maksud kediaman kepada maksud lain;

(f) menyeleweng sama ada sebelum atau selepas siap bangunan itu dibina tentang apa-apa butir daripada mana-mana pelan atau penentuan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa berkenaan dengan bangunan itu;

(g) melanggar peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil berhubungan dengan bangunan;

(h) membaharui atau membaiki mana-mana bangunan yang sedia ada dengan cara yang melibatkan sesuatu pembaharuan, pembinaan semula atau pendirian mana-mana bahagian daripada sesuatu dinding sebelah luar atau dinding dua pihak setakat satu tingkat tingginya walau daripada bahan apapun dinding sebelah luar atau dinding dua pihak itu diperbuat;

(i) meruntuh dan membina semula atau menambah kepada suatu bangunan dengan cara yang melibatkan lebih—

(i) setengah daripada luas permukaan dinding dan sekatan; atau

(ii) setengah daripada luas permukaan lantai (tidak termasuk tingkat tanah) atau bumbung; atau

(j) membina suatu tingkat atau tingkat tambahan, atau membaharui, membina semula atau mendirikan suatu dinding sebelah luar atau dinding dua pihak pada tingkat satu, tingkat dua atau tingkat tiga yang dikira daripada aras tanah, setakat satu tingkat tingginya:

Dengan syarat bahawa, bagi maksud subseksyen (2) dan bagi maksud seksyen 75 seseorang yang melaksanakan atau melakukan apa-apa kerja atau perkara yang dinyatakan dalam subperenggan *(b)*(ii),

perenggan *(f)*, *(g)* atau *(h)* tidaklah boleh disifatkan sebagai mendirikan suatu bangunan.

Pernyataan "pendirian sesuatu bangunan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Kerja yang dilaksanakan atas bangunan yang sama pada masa dua kali atau lebih dalam masa sepuluh tahun boleh disifatkan sebagai suatu kerja pembinaan semula dan boleh dikumpulkan bagi maksud takrif ini.

(17) *(a)* Jika pendirian sesuatu bangunan adalah dimulakan atau dijalankan berkenaan dengan mana-mana bangunan, pendirian itu hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah dimulakan atau dijalankan oleh pemunya tanah yang di atasnya bangunan itu didirikan dan pemunya itu bertanggungjawab atasnya.

(b) Jika suatu bangunan didirikan di atas tanah kosong dan orang yang sebenarnya mendirikan bangunan itu tidak diketahui atau tidak dapat dijumpai di Malaysia, bangunan itu hendaklah disifatkan sebagai telah didirikan oleh pemunya tanah itu dan pemunya tanah itu adalah bertanggungjawab keatasnya.

Kelulusan pelan

(18) Jika dalam masa tiga bulan kalendar dari tarikh dikemukakan apa-apa pelan di bawah subseksyen (2) atau dari tarikh dikemukakan semula pelan itu yang dipinda menurut subseksyen (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tempatan tidak meluluskan, tidak menolak atau tidak membuat suruhan bertulis berkenaan dengannya, orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri, dan kuasa yang terletak hak pada pihak berkuasa tempatan itu di bawah seksyen ini hendaklah kemudiannya terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri.

(19) Apa-apa pelan, penentuan, kiraan, butir, dokumen atau laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah seksyen ini

hendaklah disediakan dan diperakui oleh seseorang orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan dan ditandatangani oleh pemunya atau ejen yang diberi kuasa oleh pemunya itu dan orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan.

Pengeluaran perakuan siap dan pematuhan

(20) Tiada perakuan siap dan pematuhan boleh dikeluarkan kecuali oleh seseorang orang utama yang mengemukakan mengikut masa, cara dan tatacara bagi pengeluarannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(21) Sebelum pengeluaran suatu perakuan siap dan pematuhan, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab orang utama yang mengemukakan untuk—

(a) mengawasi pendirian bangunan itu untuk memastikan bahawa pendirian itu menepati pelan yang diluluskan dan kehendak peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya;

(b) memastikan bahawa bangunan itu telah dibina dan disiapkan dengan sepatutnya menepati pelan yang telah diluluskan dan kehendak Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan bahawa semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sepatutnya; dan

(c) memastikan bahawa bangunan itu selamat dan layak untuk dididuduki.

(22) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya mengenai pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan bagi maksud memastikan bahawa pendirian dan pembinaan bangunan itu

menepati pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(23) Jika ternyata kepada pihak berkuasa tempatan itu bahawa suatu ketidakpatuhan pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya oleh orang utama yang mengemukakan telah berlaku dalam pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan kepada orang utama yang mengemukakan—

(a) suatu notis bertulis, menghendaki pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan, supaya ketidakpatuhan itu dibetulkan; dan

(b) suatu arahan bertulis untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu telah dibetulkan.

(24) Jika arahan yang disebut dalam perenggan (23)*(b)* tidak dipatuhi oleh orang utama yang mengemukakan, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu.

(25) Kos melaksanakan kerja atau mengambil langkah yang disebut dalam subseksyen (24) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.

(26) Amaun kos yang hendak didapatkan sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan dan perakuan pihak berkuasa tempatan mengenai perkara ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang dinyatakan dalamnya dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(27) Mana-mana orang yang—

(a) bukan orang utama yang mengemukakan tetapi mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan;

(b) mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan tanpa borang yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

(c) mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan yang melanggar arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menahan pengeluaran sedemikian sementara menunggu pembetulan apa-apa ketidakpatuhan;

(d) dengan diketahuinya membuat atau menghasilkan atau menyebabkan dibuat apa-apa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau fraud apa-apa borang yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

(e) menggunakan apa-apa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi palsu, dipinda atau lancung apa-apa borang yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta dengan mengetahui bahawa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi itu telah dipalsukan, dipinda atau dilancungkan; atau

(f) menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kerja tanah

70A. (1) Tiada seorang pun boleh memulakan menjalankan atau membenarkan supaya dimulakan atau dijalankan sesuatu kerja tanah tanpa terlebih dahulu mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan mengenainya.

(2) Jika kerja tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pembetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan dan penentuan berhubungan dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu.

(3) Pada memberi kelulusan di bawah subseksyen (1) pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya wajar.

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh, jika ia memperakui bahawa keselamatan nyawa dan harta benda adalah terlibat atau mungkin akan terlibat oleh apa-apa kerja tanah, memerintah supaya diberhentikan dengan serta-merta kesemua atau sebahagian daripada kerja tanah itu; perakuan pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang tersebut dalamnya dan tidak boleh dipersoalkan atau tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(5) Tanpa menyentuh subseksyen (4), pihak berkuasa tempatan boleh, dari semasa ke semasa, memberi apa-apa arahan yang difikirkannya wajar berkenaan dengan apa-apa kerja tanah, dan arahan itu hendaklah dipatuhi oleh orang yang kepadanya arahan itu diberi, dan jika arahan itu tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memerintah supaya diberhentikan kesemua atau sebahagian daripada kerja tanah itu.

(6) Walau apa pun subseksyen (4) dan (5), pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika ia berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu, dan kerja atau langkah itu boleh menjadi tambahan kepada atau ganti bagi apa-apa jua yang dikehendaki dibuat di bawah sesuatu arahan atau perintah yang diberi di bawah subseksyen (4) atau (5).

(7) Jika pemberhentian kerja tanah itu telah diperintahkan di bawah seksyen ini, pihak berkuasa tempatan boleh membenarkan kerja tanah itu dijalankan semula tertakluk kepada arahan atau syarat yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan dipatuhi.

(8) Pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya boleh memasuki mana-mana tanah, bangunan atau premis pada bila-bila masa siang atau malam tanpa notis kepada pemunya atau penduduk tanah, bangunan atau premis itu bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja di bawah seksyen ini atau bagi menjalankan apa-apa pemeriksaan bagi maksud seksyen ini.

(9) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini atau tidak mematuhi apa-apa arahan atau perintah yang diberi di bawah seksyen ini atau melakukan apa-apa perbuatan bagi menghalang dengan apa jua caranya kemasukan atau pelaksanaan apa-apa kerja yang diberi kuasa untuk dijalan atau dilaksanakan di bawah seksyen ini oleh atau bagi pihak berkuasa tempatan adalah, apabila disabitkan, bersalah atas suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya, dan bagi suatu kesalahan yang berterusan denda yang boleh meningkat hingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

(10) Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (9) pihak berkuasa tempatan boleh membatalkan kelulusan pelan dan penentuan yang diberi di bawah subseksyen (1), dan orang yang menjalankan kerja tanah itu hendaklah, apabila menerima notis pembatalan itu, dengan serta-merta memberhentikan kesemua kerja tanah itu.

(11) Jika pemberhentian kerja tanah itu telah diperintahkan di bawah subseksyen (4) atau (5) atau dikehendaki supaya dikuatkuasakan di bawah subseksyen (10) dan perintah atau kehendak itu tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh secara terus mengeluarkan sesiapa atau memindahkan apa-apa kelengkapan, kereta, jentera atau apa-apa jua benda daripada tapak kerja tanah itu supaya menjamin kerja tanah itu diberhentikan dan bagi maksud ini pihak berkuasa tempatan boleh meminta bantuan polis.

(12) Jika pihak berkuasa tempatan menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (6), (11) atau (16), ia boleh mendapatkan apa-apa perbelanjaan dan kos yang dilakukan olehnya daripada pemunya tanah atas mana kerja tanah itu dijalankan mengikut cara sama dengan yang diperuntukkan bagi mendapatkan kadar; amaun kos dan perbelanjaan yang hendak didapatkan sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan dan perakuan pihak berkuasa tempatan mengenai perkara ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang tersebut dalamnya dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(13) Peruntukan seksyen ini tidak boleh dipakai bagi kerja tanah yang dimula atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.

(14) Jika apa-apa kerja tanah dimula atau dijalankan, pemunya tanah atas mana kerja tanah itu dimula atau dijalankan adalah disifatkan sebagai telah membenarkan kerja tanah itu dimula atau dijalankan.

(15) Pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya tidak boleh tertakluk kepada apa-apa jua tindakan, tuntutan, tanggungan atau desakan yang berbangkit daripada penjalanan mana-mana daripada kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(16) Jika sesuatu jalan awam atau sesuatu bahagian daripadanya, atau sesuatu bangunan, atau sesuatu binaan, atau apa-apa jua harta lain

yang dipunyai oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri atau oleh pihak berkuasa tempatan adalah rosak oleh atau akibat daripada apa-apa kerja tanah atas mana-mana tanah, pihak berkuasa tempatan boleh membaiki dan membayar kerugian kerosakan yang dilakukan itu.

(17) Pihak berkuasa tempatan boleh membuat undang-undang kecil—

(a) berkenaan dengan kerja tanah;

(b) untuk mengadakan peruntukan bagi pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah;

(c) pengemukaan pelan, penentuan, butir-butir dokumen dan laporan berhubungan dengan kerja tanah, orang yang mengemukakan dan tugas serta tanggungjawab mereka, dan bentuk dan sifat atau pengelasan pelan, penentuan, butir-butir dokumen dan laporan itu dan fi untuknya;

(d) untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman denda atas kesalahan di bawah undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen ini sebanyak tidak melebihi dua ribu ringgit dan, bagi sesuatu kesalahan yang berterusan, tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan;

(e) untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian daripada semua atau mana-mana peruntukan seksyen ini berkenaan dengan kerja tanah yang bersifat kecil atau sementara; dan

(f) pada amnya untuk menguatkuasakan tujuan dan maksud seksyen ini.

(18) Dalam seksyen ini dan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya perkataan "kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas, atau menebang pokok, atas mana-

mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah.

Perintah untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan semasa pendirian bangunan

70B. (1) Jika ada perubahan pada topografi, ciri tanah atau kawasan sekitarnya yang diakibatkan oleh pendirian bangunan atau sebab semula jadi, yang tidak menepati apa-apa pelan yang diluluskan berhubungan dengannya, pihak berkuasa tempatan boleh melakukan suatu pemeriksaan visual.

(2) Jika pihak berkuasa tempatan mengesyaki secara munasabah bahawa ada kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan pada struktur bangunan yang sedang didirikan yang berkemungkinan mengakibatkan kerobohan bangunan itu, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan kepada pemunya bangunan itu suatu perintah untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan—

(a) bangunan itu;

(b) asas tapak bangunan itu; dan

(c) persekitaran yang di atasnya pendirian bangunan itu sedang berjalan.

(3) Kajian semula itu hendaklah diusahakan oleh seseorang yang berkelayakan selain orang yang mengemukakan yang menyediakan dan memperakui pelan, kiraan, butir-butir, dokumen atau laporan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan sebelum bermulanya pendirian bangunan itu.

(4) Laporan kajian semula itu hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Pihak berkuasa tempatan boleh, selepas menilai laporan kajian semula itu—

(a) memperakui bahawa keselamatan nyawa atau harta terjejas atau mungkin akan terjejas akibat pendirian bangunan itu; dan

(b) menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada pemunya bangunan itu akan niatnya untuk mengeluarkan suatu perintah bagi pemberhentian pendirian bangunan itu.

(6) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memaklumkan kepada pemunya bangunan itu akan haknya untuk membantah niat pihak berkuasa tempatan untuk mengeluarkan suatu perintah bagi pemberhentian pendirian bangunan itu, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis dalam perenggan (5)*(b)*, dan jika tiada bantahan diterima dalam tempoh itu, perintah bagi pemberhentian itu hendaklah dikeluarkan dan berkuat kuasa sertamerta.

(7) Jika bantahan diterima di bawah subseksyen (6) pihak berkuasa tempatan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas habis tempoh yang di dalamnya bantahan boleh dibuat, mendengar mana-mana orang yang telah membuat bantahan dan selepas itu memutuskan sama ada—

(a) suatu perintah bagi pemberhentian pendirian bangunan dikeluarkan; atau

(b) arahan di bawah subseksyen (8) diberikan.

(8) Tanpa menjejaskan kuasanya di bawah subseksyen (5) pihak berkuasa tempatan boleh, selepas menilai laporan kajian semula itu, memberi kepada mana-mana orang arahan bertulis termasuklah pengemukaan suatu pelan yang baru atau yang telah dipinda berkenaan dengan yang berikut:

(a) penstabilan cerun;

(b) pengadaan kemudahan pemaritan tambahan;

(c) penguatan tembok penahan yang sedia ada dan pembinaan tembok baru;

(d) pengadaan ciri tambahan lain untuk menyokong kerja binaan yang sedia ada; dan

(e) apa-apa perkara lain yang pihak berkuasa tempatan fikirkan perlu,

bagi maksud membaiki apa-apa kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan pada struktur bangunan itu, menghapuskan apa-apa bahaya kepada nyawa atau harta dan memastikan keselamatan dan kestabilan bangunan itu, asas tapak dan persekitarannya dan arahan itu hendaklah dipatuhi dalam tempoh yang ditentukan di dalamnya.

(9) Jika arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8) tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memerintahkan pemberhentian keseluruhan atau sebahagian daripada pendirian bangunan itu.

(10) Jika perintah bagi pemberhentian pendirian bangunan yang dibuat di bawah—

(a) subseksyen (6);

(b) perenggan (7)*(a)*; atau

(c) subseksyen (9), sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya,

tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh secara terus mengeluarkan mana-mana orang atau mengalihkan apa-apa kelengkapan, kenderaan, jentera atau benda dari tapak di mana bangunan itu sedang didirikan untuk memperdapatkan pemberhentian pendirian bangunan itu dan bagi maksud ini bolehlah meminta bantuan polis.

(11) Walau apa pun subseksyen (8), (9) dan (10) pihak berkuasa tempatan boleh melaksanakan apa-apa kerja, mengambil apa-apa langkah atau meruntuhkan sesuatu bangunan yang sedang didirikan—

(a) jika ia berpendapat bahawa kerja, langkah atau peruntuhan itu perlu untuk menghalang suatu bahaya yang hampir benar kepada nyawa atau harta; atau

(b) dalam hal ketidakpatuhan terhadap apa-apa arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8),

dan kerja, langkah atau peruntuhan itu boleh menjadi sebagai tambahan kepada atau ganti bagi apa-apa jua yang dikehendaki dibuat di bawah arahan itu dan pihak berkuasa tempatan boleh mendapatkan segala perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya pada berbuat sedemikian daripada pemunya bangunan itu.

(12) Pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya boleh memasuki tapak bangunan yang sedang didirikan dan bangunan yang sedang didirikan pada bila-bila masa tanpa notis kepada pemunyanya untuk melakukan suatu pemeriksaan atau bagi apa-apa maksud lain di bawah seksyen ini.

(13) Jika—

(a) pemberhentian pendirian bangunan—

(i) telah diperintahkan di bawah subseksyen (6), perenggan (7)*(a)* atau subseksyen (9), mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(ii) telah diperdapatkan di bawah subseksyen (10);

(b) arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8) telah dipatuhi; atau

(c) apa-apa kerja pembaikan telah dilaksanakan atau langkah telah diambil di bawah subseksyen (11),

pihak berkuasa tempatan boleh membenarkan pemulaan semula pendirian bangunan itu tertakluk kepada pematuhan apa-apa arahan dan syarat yang ditetapkannya.

(14) Pihak berkuasa tempatan boleh, tanpa menjejaskan haknya untuk mendapatkan perbelanjaan di bawah seksyen 104, enggan membenarkan pemulaan semula pendirian bangunan di bawah subseksyen (13) sehingga segala perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya pada memperdapatkan pemberhentian pendirian bangunan itu, melaksanakan kerja itu atau mengambil langkah itu telah dibayar ganti oleh pemunya bangunan itu.

(15) Mana-mana orang yang—

(a) tidak mematuhi apa-apa perintah, arahan atau syarat yang diberikan di bawah seksyen ini; atau

(b) melakukan apa-apa perbuatan bagi menghalang dengan apa-apa jua cara pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya dalam pelaksanaan kuasanya di bawah seksyen ini,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pembatalan kelulusan apa-apa pelan, penentuan dan kebenaran

70C. Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen 70B(15), pihak berkuasa tempatan boleh membatalkan kelulusan apa-apa pelan, penentuan dan kebenaran yang diberi di bawah Akta ini dan dia hendaklah, apabila menerima notis pembatalan itu, dengan serta-merta memberhentikan keseluruhan pendirian bangunan itu.

Pemeriksaan pendirian bangunan pada mana-mana peringkat dan pengambilan sampel bagi penganalisisan

70D. (1) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya daripada—

(a) memeriksa mana-mana pendirian bangunan pada mana-mana peringkat;

(b) memberi suatu notis secara bertulis tentang apa-apa pelencongan daripada pelan atau penentuan yang diluluskan atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini yang ia atau dia perhatikan; dan

(c) memerintahkan supaya pelencongan atau ketidakpatuhan itu dibetulkan.

(2) Pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau bagi pihaknya boleh, jika tugasnya menghendaki sedemikian, mengambil sampel yang munasabah tentang apa-apa bahan binaan bagi penganalisisan yang ia atau dia fikirkan perlu, dan sampel itu boleh dilupuskan mengikut apa-apa cara yang ia atau dia arahkan.

(3) Tiada bayaran boleh dibuat bagi apa-apa sampel yang diambil di bawah subseksyen (2), tetapi suatu resit bagi apa-apa sampel sedemikian hendaklah diberi.

Penalti kerana bangunan atau kerja tanah gagal

71. Jika sesuatu bangunan atau sesuatu bahagian bangunan gagal, sama ada pada masa pembinaannya atau selepas ia siap, atau jika terdapat apa-apa kegagalan berhubungan dengan sesuatu kerja tanah atau sesuatu bahagian daripada mana-mana kerja tanah, sama ada pada masa penjalanan kerja tanah itu atau selepas ia siap, dan kegagalan itu adalah disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih daripada faktor yang berikut:

(a) bangunan atau bahagian bangunan itu atau kerja tanah atau bahagian daripada kerja tanah itu tersalah bina atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya semasa pembinaannya;

(b) bangunan atau bahagian bangunan itu atau kerja tanah atau bahagian daripada kerja tanah itu tersalah reka bentuk atau tersalah kira; atau

(c) tersalah guna,

orang yang bertanggungjawab atas—

(aa) salah binaan atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya itu;

(bb) salah reka bentukan atau salah kiraan itu; atau

(cc) salah gunaan itu,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan

72. (1) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa suatu bangunan telah didirikan atau sedang didirikan atau hampir hendak didirikan bersalahan dengan seksyen 70 atau, jika bangunan itu telah didirikan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, ia telah didirikan bersalahan dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu berhubungan dengan bangunan dan kelulusan bangunan tidak diberi kemudiannya mengenainya di bawah mana-mana undang-undang, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemunya tanah itu melalui notis yang disampaikan kepadanya melakukan mana-mana satu atau lebih daripada perbuatan yang berikut:

(a) tidak memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu;

(b) meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan; dan

(c) mengambil langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh pihak berkuasa tempatan.

(2) Jika pemunya itu tidak dapat meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, pemunya itu boleh meminta pihak berkuasa tempatan menjalankan kehendak notis itu.

(3) Tiada sesuatu permintaan yang dibuat oleh pemunya di bawah subseksyen (2) boleh melepaskan pemunya itu daripada tanggungannya di bawah seksyen ini melainkan jika dia membuat permintaan itu dalam masa yang dinyatakan untuk dia meruntuhkan bangunan itu dan melainkan jika dalam tempoh masa itu juga dia—

(a) mendepositkan dengan pihak berkuasa tempatan sejumlah wang yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan cukup untuk meliputi kos dan belanja bagi—

(i) meruntuhkan bangunan itu;

(ii) memindahkan apa-apa harta alih yang terdapat dalam bangunan itu;

(iii) menyimpan harta alih itu; dan

(iv) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan dengan atau yang timbul daripada subperenggan (i), (ii) dan (iii);

(b) menanggung rugi dan sentiasa menanggung rugi pihak berkuasa tempatan daripada apa-apa tuntutan, ganti rosak, kerugian, tindakan atau prosiding yang mungkin dibawa terhadap pihak berkuasa tempatan itu berbangkit daripada atau bersampingan dengan subperenggan (i), (ii), (iii) dan (iv); dan

(c) walau apa pun jumlah wang yang telah dibayar di bawah perenggan *(a)*, membayar kepada pihak berkuasa tempatan sejumlah wang tambahan sebanyak yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, bagi maksud menempatkan semula.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak notis itu adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Jika pemunya tidak mematuhi kehendak notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh melakukan mana-mana atau kesemua perbuatan yang dikehendaki oleh notis itu dan walau apa pun tanggungan pemunya untuk membayar apa-apa denda di bawah subseksyen (4), pemunya hendaklah membayar apa-apa jumlah wang yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) kepada pihak berkuasa tempatan dan hendaklah disifatkan sebagai telah menanggung rugi pihak berkuasa tempatan pada menjalankan kehendak notis itu seolah-olah pemunya itu telah meminta pihak berkuasa tempatan berbuat sedemikian.

(6) Jika bangunan itu hendak diruntuhkan oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga puluh hari notis kepada penduduk bangunan itu menghendaki mereka mengosongkan bangunan itu dan pihak berkuasa tempatan boleh selepas tamat tempoh itu memasuki bangunan itu dan memindahkan sesiapa jua atau apa-apa harta alih yang terdapat di dalamnya.

(7) Apa-apa harta alih yang dipindahkan menurut subseksyen (6) boleh dibawa ke sesuatu tempat yang sesuai dan ditinggalkan di sana atas risiko pemunya dan boleh dalam tempoh satu bulan dari tarikh pemindahan itu dituntut oleh sesiapa jua yang memberi keterangan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan itu bahawa dia adalah pemunyanya dan jika tiada apa-apa tuntutan harta itu hendaklah dilupuskan mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 116.

(8) Suatu perakuan daripada pihak berkuasa tempatan menyatakan jumlah wang yang dikehendaki dibayar oleh pemunya di bawah subseksyen (2) dan (5) adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Penalti kerana menyewakan dan menjual bangunan yang tidak dibenarkan

73. (1) Mana-mana orang yang bukan pemunya premis itu dan yang menjual atau membuat suatu perjanjian untuk menjual suatu bangunan yang telah didirikan atau yang sedang didirikan bersalahan dengan seksyen 70 adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang mendirikan atau mengarahkan supaya didirikan suatu bangunan bersalahan dengan seksyen 70, jika bangunan itu kemudiannya dijual atau dipersetujui untuk dijual, adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Mana-mana orang yang menyewakan atau membuat suatu perjanjian untuk menyewakan sesuatu bangunan yang tidak dibenarkan untuk sewa atau apa-apa balasan lain adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(4) Mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh juga memerintahkan orang itu supaya memulangkan balik wang belian bangunan itu kepada pembeli bersesama dengan apa-apa pampasan yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Mengubah suai atau mengenepikan undang-undang kecil

74. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh apabila menerima suatu permohonan berhubungan dengan sesuatu bangunan atau binaan tertentu, dan dengan syarat ia berpuas hati bahawa pengenepian atau pengubahsuaian sebagaimana yang disebut kemudian daripada ini tidak akan menjadikan bangunan atau binaan itu tidak selamat, mengubah suai atau mengetepikan mana-mana daripada kehendak mana-mana undang-undang kecil berhubungan dengan pembinaan bangunan, atas dan tertakluk kepada had dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan oleh atau bagi pihak pemunya bangunan atau binaan tertentu itu atau oleh atau bagi pihak pemunya bahagian tertentu bangunan atau binaan yang mengenainya permohonan itu berkaitan dan hendaklah menyatakan jenis dan takat dan juga sebab bagi ubah suaian atau pengetepian akan kehendak itu yang dicadangkan itu dan hendaklah disertakan dengan apa-apa pelan, muka keratan, pelan tegak dan butir-butir yang dikehendaki.

Hak bagi pemunya premis yang bersampingan

(3) Apabila menerima sesuatu permohonan itu pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa pemunya mana-mana premis yang bersampingan patut dirundingi pihak berkuasa tempatan hendaklah menyampaikan kepada pemunya itu suatu notis mengenai permohonan itu memberitahunya supaya membuat rayuan kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh yang ditetapkan.

(4) Pihak berkuasa tempatan hendaklah menimbangkan rayuan daripada mana-mana pemunya premis yang bersampingan dan jika pihak berkuasa tempatan memutuskan untuk membenarkan ubah suaian atau pengetepian berlawanan dengan rayuan mana-mana pemunya itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengemukakan keputusannya kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Keputusan pihak berkuasa tempatan hendaklah disifatkan sebagai disahkan melainkan jika keputusan pihak berkuasa tempatan itu diakaskan atau diubah suai oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam masa tiga puluh hari selepas ia dikemukakan.

Tanah hendaklah diasingkan untuk lorong belakang

75. (1) Pihak berkuasa tempatan tidak boleh meluluskan sesuatu pelan yang dikemukakan menurut seksyen 70 berkenaan dengan sesuatu bangunan melainkan jika—

(a) suatu lorong belakang jika dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan selebar tidak lebih daripada empat puluh kaki mengikut sebagaimana dikehendaki menurut budi bicara pihak berkuasa tempatan, ditunjukkan atas pelan itu, atau tanah kosong ditunjukkan atas pelan itu untuk diasingkan atau diambil untuk suatu lorong belakang selebar yang tersebut di atas, dan pemunya itu mengganti bayaran kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa wang yang telah dibayar pada bila-bila masa untuk mengambil dengan apa-apa cara bahagian lorong belakang itu atau tanah kosong itu hingga ke bahagian tengahnya yang bersempadanan dengan pegangan yang mengenainya pelan itu dikemukakan setakat mana ia bersempadanan sedemikian; atau

(b) pemunya itu mengasingkan suatu bahagian tanahnya yang kosong yang cukup sama ada dengan atau tanpa tanah lain yang telah diasingkan atau diambil dahulunya, untuk menjadi suatu lorong belakang atau sebahagian daripada suatu lorong belakang selebar tidak lebih daripada empat puluh kaki mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa jika pemunya itu mengasingkan suatu bahagian tanahnya yang kosong yang cukup untuk menjadi tidak kurang daripada setengah daripada lebarnya bahagian lorong belakang yang bersempadanan dengan tanahnya, pihak berkuasa tempatan

boleh, menurut budi bicaranya, dalam sesuatu hal tertentu, meluluskan pelan itu.

Kedudukan lorong belakang

(2) Lorong belakang itu hendaklah, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan, terletak supaya menepati garis yang ditetapkan baginya oleh pihak berkuasa tempatan, dan supaya berhubung pada tiap-tiap hujungnya dengan tanah yang telah diasingkan atau yang hendak diasingkan untuk sesuatu lorong belakang oleh, atau yang telah diambil atau yang hendak diambil daripada, pemunya harta yang terletak pada tiap-tiap sisinya, dan apabila siap lorong belakang itu hendaklah, di mana boleh, terbuka ke jalan awam pada kedua-dua hujungnya, dan hendaklah dalam semua hal bebas daripada halangan dari hujung ke hujung.

Pelan tidak diluluskan jika tapak bangunan itu tidak bersempadanan dengan tanah yang sesuai untuk suatu lorong belakang

(3) Apabila sesuatu pelan berkenaan dengan sesuatu bangunan dikemukakan untuk mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan, tapak bangunan itu didapati tidak bersempadanan dengan mana-mana tanah yang dari segi letaknya boleh diasingkan untuk suatu lorong belakang dengan menepati garis yang ditetapkan baginya oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan boleh enggan meluluskan pelan itu sehingga tanah yang terletak antara tapak bangunan itu dengan garis lorong belakang atau lorong belakang yang dicadangkan itu yang betul-betul bersetentangan dengan tapak itu telah ditambah kepada pegangan yang mengenainya pelan itu telah dikemukakan dan bahagian lorong belakang yang dicadangkan itu yang bersempadanan dengan tapak yang ditambah sedemikian itu telah diasingkan atau diambil untuk sesuatu lorong belakang dan pemunya itu telah mengganti bayaran kepada pihak berkuasa tempatan secara dan setakat yang diperuntukkan dalam perenggan (1)*(a)* dan peruntukan lain subseksyen itu telah dipatuhi.

Pengambilan tanah yang terletak antara tapak bangunan dengan garis lorong belakang

(4) Jika dalam sesuatu hal yang tersebut dalam subseksyen (3) pemunya itu meminta pihak berkuasa tempatan secara bertulis supaya tanah yang terletak antara tapak bangunan itu dengan garis lorong belakang atau lorong belakang yang dicadangkan itu yang secara langsung bersetentangan dengan tapak itu dan, jika perlu, bahagian lorong belakang yang dicadangkan itu yang bersempadanan dengan tapak itu apabila ditambah mengikut cara yang diperihalkan dalam subseksyen (3) diambil, pihak berkuasa tempatan hendaklah meminta Pihak Berkuasa Negeri mengambil tanah itu dan bahagian lorong belakang yang dicadangkan itu bagi maksud supaya ia ditambah kepada pegangan yang mengenainya pelan itu telah dikemukakan dan menjadi sebahagian daripada lorong belakang itu dan hendaklah memberitahu pemunya itu dengan sewajarnya.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

Bangunan dilarang didirikan atas tanah yang tidak bersih

76. (1) Tiada apa-apa jua bangunan baharu boleh didirikan di atas mana-mana tanah yang telah ditimbus dengan apa-apa benda yang bercampur dengan benda najis, benda binatang atau benda sayur-sayuran atau yang di atasnya apa-apa benda seperti itu telah diletakkan melainkan dan sehingga benda itu telah dibuang dengan sempurnanya dengan cara korokan atau dengan cara lain atau telah dijadikan tidak berbahaya atau telah menjadi tidak berbahaya.

Penalti

(2) Mana-mana orang yang melakukan, menyebabkan atau dengan sengaja membenarkan apa-apa perbuatan bersalahan dengan seksyen ini boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit

dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bangunan di atas betung awam, paip sambungan persendirian, dsb., tidak boleh didirikan tanpa persetujuan pihak berkuasa tempatan

77. Tiada apa-apa jua bangunan boleh didirikan di atas mana-mana betung awam, paip sambungan persendirian, parit air permukaan awam atau parit hujan lebat awam, pembetung, alur air, sungai atau anak sungai atau apa-apa sesalur air, kabel elektrik atau dawai elektrik tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang mengawal yang berkaitan iaitu mengikut mana-mana yang berkenaan.

Memindahkan bumbung dan dinding yang diperbuat daripada bahan yang mudah terbakar

78. (1) Mana-mana orang yang, sebagai pemunya bagi sesuatu bangunan yang bumbungnya atau dinding di sebelah luarnya diperbuat daripada rumput, daun, kajang, atap atau bahan lain yang mudah terbakar dan yang kurang daripada dua puluh lima kaki jauhnya dari mana-mana bangunan lain yang diduduki secara berasingan atau dari mana-mana jalan, tidak memindahkan bumbung atau dinding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa sembilan puluh hari selepas suatu notis untuk berbuat demikian disampaikan kepadanya, boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kemungkiran itu diteruskan selepas disampaikan notis itu.

Membaharui atau membaiki bangunan dengan bahan mudah terbakar

(2) Jika mana-mana orang telah disampaikan notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) dan dia membuat, membaharui atau membaiki sesuatu bangunan dengan apa-apa bahan yang mudah

terbakar sebagaimana yang tersebut dalam subseksyen (1) atau mengarahkan supaya mana-mana bangunan itu dibuat, dibaharui atau dibaiki sedemikian, orang itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari dia membiar atau membenarkan bangunan itu dibuat, dibaharui atau dibaiki selepas sabitan, dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, membuat suatu perintah mandatori menghendaki bangunan itu diruntuhkan.

Membina petak, galeri, loteng, dsb., dalam bangunan

79. (1) Tiada seorang pun boleh mendiri atau mengarah atau membenar didirikan dalam sesuatu bangunan apa-apa sekatan, petak, galeri, loteng, bumbung, siling atau binaan lain tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

(2) Dalam tiap-tiap hal yang tersebut itu pemunyanya hendaklah dianggap sebagai telah memulakan atau menjalankan kerja mendirikan itu sehingga dibuktikan sebaliknya.

Pihak berkuasa tempatan boleh memindah sekatan, dsb.

(3) Pihak berkuasa tempatan, ejen atau pekhidmatnya boleh memasuki mana-mana bangunan itu dan memindahkan apa-apa sekatan, petak, galeri, loteng, bumbung, siling atau binaan lain yang telah didirikan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan dalam hal yang demikian orang yang telah mendirikannya tanpa kebenaran itu atau jika orang yang telah mendirikan tanpa kebenaran itu tidak diketahui atau tidak dapat dicari atau walaupun dapat dicari dia tidak berupaya membayar belanja yang dilakukan, pemunya itu hendaklah membayar kepada pihak berkuasa tempatan kos dan belanja bagi—

(i) meruntuhkan binaan itu;

(ii) memindahkan harta alih yang terdapat dalam bangunan itu mengikut suatu kadar yang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi tiap-tiap perjalanan yang dibuat oleh *wagon* atau kereta pengangkut bagi maksud memindah dan menyimpan harta itu;

(iii) menyimpan harta alih mengikut suatu kadar yang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan jika harta itu tidak dituntut pada hari ia dipindahkan itu;

(iv) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan dengan atau yang timbul daripada perenggan (i), (ii) dan (iii),

dan pemunya hendaklah disifatkan sebagai telah menanggung rugi pihak berkuasa tempatan terhadap apa-apa tuntutan, gantirosak, kerugian, tindakan atau prosiding yang mungkin dibawa terhadap pihak berkuasa tempatan termasuk apa-apa kos dan belanja yang timbul daripada dan bersampingan dengan perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv).

(4) Tanpa menyentuh subseksyen (3) mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bangsal alih tidak boleh didirikan tanpa kebenaran

80. Mana-mana orang yang mendirikan atau mengarahkan supaya didirikan atau membenar didirikan, menyimpan atau membenarkan disimpan di atas tanahnya atau di atas tanah yang didudukinya apa-apa bangsal alih atau binaan alih yang dicadangkan untuk menjadi suatu bumbung tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda satu ribu ringgit dan Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, membuat suatu perintah mandatori menghendaki supaya bangsal alih atau binaan alih itu dipindahkan.

Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya parit dibuat bagi premis yang tidak disalirkan dengan sepatutnya

81. (1) Jika sesuatu premis pada bila-bila masa tidak disalirkan airnya selain kumbahan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan dengan suatu parit atau paip yang cukup yang menghubungi sesuatu parit atau sesuatu tempat lain ke mana pihak berkuasa tempatan diberi kuasa menyalirkan air selain kumbahan, dan jika ada sesuatu cara pemaritan dalam lingkungan satu ratus kaki dari sempadan premis itu, pihak berkuasa tempatan boleh memberi suatu notis secara bertulis menghendaki pemunya premis itu membina atau memasang bagi premis itu suatu parit atau paip daripada apa-apa bahan, mengikut apa-apa saiz, pada apa-apa aras dan dengan apa-apa caruman yang ditetapkan olehnya bagi penyaliran premis itu.

(2) Jika pemunya itu tidak mematuhi notis itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikhnya, sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan, membuat suatu perintah mandatori menghendaki pemunya itu membina atau memasang parit atau paip itu, atau pihak berkuasa tempatan boleh menjalankan kerja itu dan belanja yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan dengannya jika tidak dibayar dengan segera oleh pemunya itu boleh dituntut dengan cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Dinding adang hendaklah didirikan dalam masa kerja bangunan dijalankan

82. (1) Tiada seorang pun yang bercadang hendak membina atau meruntuhkan sesuatu bangunan atau mengubah atau membaiki bahagian luar sesuatu bangunan boleh berbuat demikian tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan tanpa menyebabkan dinding adang atau pagar yang cukup dipasang untuk mengasingkan bangunan di mana kerja itu sedang dijalankan dari mana-mana jalan atau siar kaki.

(2) Jika kebenaran telah diberi kepada seseorang untuk melakukan mana-mana kerja yang dinyatakan dalam subseksyen (1), orang itu hendaklah—

(a) menyenggara dinding adang atau pagar itu sebagaimana dikehendaki dalam subseksyen (1) supaya berada dalam keadaan baik dan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan;

(b) menyebabkan supaya dinding adang atau pagar itu diterangi dengan lampu dengan sempurna pada waktu malam; dan

(c) memindahkan dinding adang atau pagar itu atau apa-apa perancah yang digunakan dalam kerja itu dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Penalti

(3) Mana-mana orang tersebut yang melanggar subseksyen (1) dan (2) boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas suatu notis menghendakinya mematuhi peruntukan subseksyen (1) atau (2) itu telah disampaikan kepadanya.

Proviso

(4) Jika pihak berkuasa tempatan fikirkan tidak perlu atau tidak praktik menggunakan suatu dinding adang, ia boleh memberi kebenaran bertulis supaya kerja mendirikan, meruntuhkan, mengubah atau membaiki itu dilakukan tanpa mendirikan sesuatu dinding adang atau pagar.

Kuasa mengenai bangunan yang berada dalam keadaan hampir runtuh dan berbahaya

83. (1) Jika selepas menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkannya patut, pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa sesuatu bangunan atau apa-apa benda yang terlekat padanya adalah dalam keadaan hampir runtuh, mungkin akan jatuh atau dalam apa-apa cara jua berbahaya kepada seseorang yang berada di dalamnya atau pejalan kaki atas jalan yang bersampingan dengan bangunan itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyampaikan notis kepada pemunya bangunan itu menghendakinya sama ada membaiki kecacatan itu atau meruntuhkan bangunan itu atau apa-apa benda yang terlekat padanya dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan itu dan pihak berkuasa tempatan itu boleh juga menghendaki pemunya itu mendirikan apa-apa dinding adang atau pagar mengikut apa-apa penentuan dan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya.

(2) Walau apa pun notis yang telah disampaikan di bawah subseksyen (1), jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa berbahaya bagi seseorang untuk berada atau tinggal di dalam bangunan itu, ia boleh dengan notis menghendaki tiap-tiap penduduk dan penginap dalam bangunan itu supaya mengosongkan bangunan itu dalam tempoh yang dinyatakan olehnya.

(3) Jika apabila disampaikan notis itu pemunya itu berhajat hendak membaikinya, dia tidak boleh berbuat demikian melainkan jika dia telah mendapat kelulusan perancangan untuk berbuat demikian daripada pihak berkuasa yang berkenaan yang menjaga perancangan bandar dan desa dalam kawasan bangunannya itu terletak.

(4) Jika kelulusan merancang telah diberi, pemunya itu tidak boleh bertindak membaiki melainkan jika dia telah mengemukakan pelan dan penentuan menunjukkan pembaikan yang dicadangkan dan sehingga pelan dan penentuan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

(5) Jika pemunya itu tidak mendirikan dinding adang atau pagar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tidak mendirikan dinding adang atau pagar mengikut penentuan pihak berkuasa

tempatan, pihak berkuasa tempatan boleh memasuki premis di mana bangunan itu terletak dan mendirikan dinding adang atau pagar itu.

(6) Jika pemunya itu tidak dapat meruntuhkan bangunan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, pemunya boleh meminta pihak berkuasa tempatan supaya menjalankan kehendak notis itu.

(7) Tiada apa-apa jua permintaan yang dibuat oleh pemunya di bawah subseksyen (6) boleh melepaskan pemunya daripada tanggungannya di bawah seksyen ini melainkan jika dia membuat permintaan itu dalam masa yang ditetapkan untuk dia meruntuhkan bangunan itu dan melainkan jika dalam tempoh itu juga dia—

(a) mendepositkan dengan pihak berkuasa tempatan sejumlah wang yang difikirkan cukup oleh pihak berkuasa tempatan untuk meliputi kos dan belanja bagi—

(i) meruntuhkan bangunan itu;

(ii) memindahkan apa-apa harta alih yang terdapat dalam bangunan itu;

(iii) menyimpan harta alih itu; dan

(iv) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada subperenggan (i), (ii) dan (iii);

(b) menanggung rugi dan sentiasa menanggung rugi pihak berkuasa tempatan daripada apa-apa tuntutan, ganti rosak, kerugian, tindakan atau prosiding yang mungkin dibawa terhadap pihak berkuasa tempatan berbangkit daripada atau bersampingan dengan subperenggan (i), (ii), (iii) dan (iv); dan

(c) walau apa pun jumlah wang yang telah dibayar di bawah perenggan *(a)*, membayar kepada pihak berkuasa tempatan sejumlah wang tambahan sebanyak yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud penempat semula.

(8) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak notis di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(9) Jika pemunya tidak mematuhi kehendak notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh melakukan mana-mana atau kesemua perbuatan yang dikehendaki oleh notis itu dan walau apa pun tanggungan pemunya untuk membayar apa-apa denda di bawah subseksyen (8), pemunya hendaklah membayar jumlah wang itu kepada pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (7) dan pemunya hendaklah disifatkan sebagai telah menanggung rugi pihak berkuasa tempatan itu pada menjalankan kehendak notis itu seolah-olah dia telah meminta pihak berkuasa tempatan supaya berbuat demikian.

(10) Sesuatu perakuan daripada pihak berkuasa tempatan menyatakan jumlah wang yang dikehendaki dibayar oleh pemunya di bawah subseksyen (5) dan (9) adalah menjadi bukti muktamad mengenai wang yang kena dibayar itu dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan atau semakan dalam mana-mana mahkamah.

Kuasa menutup dan menjamin keselamatan bangunan yang ditinggalkan

84. (1) Jika mana-mana bangunan atau tanah, dengan sebab ditinggalkan atau dengan sebab kepunyaannya dipertikaikan atau dengan sebab lain, masih tidak bertenan dan oleh hal yang demikian boleh menjadi suatu tempat tumpuan pemalas dan orang yang berkelakuan tidak senonoh ataupun menjadi suatu kacau ganggu awam dan hal tidak demikian itu diadukan oleh mana-mana dua orang atau lebih jiran atau oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa atau oleh Pegawai Kesihatan, pihak berkuasa tempatan, selepas siasatan yang sepatutnya, boleh mengarahkan supaya suatu notis secara bertulis diberi kepada pemunya atau orang yang mengaku sebagai pemunyanya, jika dia diketahui dan tinggal di Malaysia, atau, jika dia tidak diketahui atau tidak tinggal di Malaysia, boleh mengarahkan supaya notis itu

ditampalkan pada pintu bangunan itu atau pada sesuatu bahagian premis itu yang mudah dilihat, menghendaki orang yang berkenaan dengannya, di mana jua mereka berada, supaya menjamin keselamatan dan menutup bangunan itu atau menghentikan kacau ganggu itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan olehnya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak notis itu boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika pemunya itu tidak mematuhi kehendak notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh melakukan mana-mana atau semua perbuatan yang dikehendaki oleh notis itu dan kos dan belanja bagi membuat kerja itu boleh dituntut oleh pihak berkuasa tempatan daripada pemunya.

Bangunan yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah bersih

85. (1) Pemunya atau penduduk bagi sesuatu bangunan atau mana-mana bahagiannya yang boleh dimasuki oleh orang ramai hendaklah—

(a) selalu membersihkannya dan sentiasa menjaga kebersihan bangunan itu atau bahagiannya supaya berada dalam keadaan bersih dan baik dan juga menjaga supaya ia berada dalam keadaan baik; dan

(b) menjaga bangunan itu atau bahagiannya supaya bebas daripada apa-apa keadaan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatan pekerjanya, orang ramai dan pengguna lain bangunan itu atau bahagiannya.

(2) Jika, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, pemunya atau penduduk mana-mana bangunan itu atau bahagiannya tidak mematuhi perenggan (1)*(a)* atau *(b)*, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki pemunya atau penduduk itu dalam

tempoh yang dinyatakan dalamnya mengambil apa-apa langkah yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau enggan, cuai atau tidak mematuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam mana-mana notis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (2), boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Jika mana-mana orang yang telah disampaikan suatu notis di bawah subseksyen (2) tidak mematuhinya, pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, dan tanpa menyentuh apa-apa prosiding di bawah subseksyen (3) dan sama ada sebelum atau selepas permulaan atau tamatnya prosiding itu menjalankan kesemua atau mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam notis itu dan menuntut daripada orang itu kos dan belanja baginya.

(5) Pihak berkuasa tempatan boleh memperakui kos dan belanja yang dilakukan itu dan perakuan pihak berkuasa tempatan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan atau semakan dalam mana-mana mahkamah.

Pemeriksaan bangunan dan cerun secara berkala

85A. (1) Dalam seksyen ini—

"jurutera" ertinya seorang Jurutera Profesional yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

"pemunya" ertinya pemunya sesuatu bangunan atau tanah dan berhubung dengan bangunan yang dipecahbahagikan termasuklah—

(a) pemunya petak bangunan itu;

(b) mana-mana orang yang bertanggungjawab atas bangunan itu; atau

(c) badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*].

(2) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi sesuatu bangunan yang melebihi lima tingkat dan mana-mana tingkat sesuatu bangunan yang adalah atau terletak di paras yang lebih rendah daripada tingkat bawahnya hendaklah disifatkan sebagai suatu tingkat, dan tanah dengan cerun yang mempunyai kecerunan lebih daripada dua puluh lima darjah dan jumlah ketinggian menegak lebih daripada sepuluh meter, sama ada tanah itu didirikan dengan bangunan atau tidak.

(3) Pihak berkuasa tempatan boleh, tanpa menjejaskan kuasanya di bawah seksyen 83, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada—

(a) pemunya sesuatu bangunan, menghendaki bangunan itu diperiksa—

(i) selepas tahun kesepuluh yang bermula dari tarikh perakuan siap dan pematuhan berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan; dan

(ii) selepas daripada itu pada lat tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir bangunan itu; dan

(b) pemunya tanah dengan cerun, menghendaki cerun itu diperiksa—

(i) selepas tahun kelima yang bermula dari tarikh pemilikan tanah berkenaan dengan cerun itu; dan

(ii) selepas daripada itu pada lat tempoh yang tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh

penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir cerun itu.

(4) Pemunya sesuatu bangunan atau tanah dengan cerun hendaklah, apabila menerima suatu notis di bawah subseksyen (3), menyebabkan bangunan atau cerun itu diperiksa dalam masa yang ditetapkan dalam notis itu oleh seorang jurutera yang kena dilantik olehnya.

(5) Jika notis di bawah subseksyen (3) tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa bangunan atau cerun itu atau menyebabkan bangunan atau cerun itu diperiksa oleh seorang jurutera yang dilantik olehnya dan mendapatkan segala perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya pada berbuat sedemikian daripada pemunya bangunan itu atau tanah dengan cerun itu.

(6) Seseorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan di bawah seksyen ini hendaklah memeriksa bangunan atau cerun itu mengikut cara yang ditetapkan dalam undang-undang kecil yang hendaklah mengambil kira yang berikut:

(a) suatu pemeriksaan visual bangunan atau cerun itu, termasuklah tinjauan visual tentang keadaan bangunan atau cerun dan unsur strukturnya dan apa-apa tambahan atau pengubahan pada bangunan atau cerun itu dan unsur strukturnya;

(b) penyediaan dan pengemukaan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang hasil pemeriksaan visual itu;

(c) jika, selepas menimbangkan hasil pemeriksaan visual itu, jurutera itu mengesyaki secara munasabah atau berpendapat bahawa ada kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan pada bangunan atau cerun itu atau unsur strukturnya yang akan atau mungkin akan membahayakan atau mengurangkan kestabilan atau keutuhan struktur atau cerun mana-mana bahagian bangunan atau cerun itu, dia hendaklah meminta kebenaran daripada pihak berkuasa

tempatan untuk melakukan suatu siasatan struktur atau cerun sepenuhnya ke atas bangunan atau cerun itu termasuklah siasatan berkenaan dengan unsur strukturnya;

(d) jika pihak berkuasa tempatan membenarkan permintaan yang dibuat di bawah perenggan *(c)* jurutera itu hendaklah melakukan suatu siasatan struktur atau cerun sepenuhnya yang hendaklah termasuk yang berikut:

(i) mengambil semua langkah yang munasabah bagi memperoleh maklumat berhubungan dengan reka bentuk, pendirian, penyenggaraan dan sejarah bangunan atau cerun itu;

(ii) menyemak pelan struktur bangunan atau cerun itu bersama dengan kiraan struktur atau laporan geoteknikalnya, atau dengan tujuan untuk menentukan apa-apa kekurangan pada unsur struktur bangunan atau cerun itu;

(ii*a*) jika pelan struktur, kiraan struktur atau laporan geoteknikal yang disebut dalam subperenggan (ii) tidak boleh didapati, jurutera hendaklah membina semua pelan, kiraan atau laporan itu jika dikehendaki sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan, dengan tujuan untuk menentukan apa-apa kekurangan pada unsur struktur bangunan atau cerun itu;

(ii) melakukan ujian ke atas unsur struktur bangunan atau cerun itu tanpa merosakkan mana-mana bahagiannya;

(iii) melakukan ujian ke atas bahan binaan; dan

(iv) melakukan ujian beban ke atas mana-mana bahagian bangunan atau cerun itu yang jurutera itu fikirkan perlu; dan

(e) jurutera itu hendaklah selepas itu menyediakan dan mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang siasatan struktur atau cerun sepenuhnya itu dan syornya.

(7) Seseorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan atau siasatan struktur atau cerun sepenuhnya ke atas sesuatu bangunan atau cerun adalah berhak mendapat pada bila-bila masa yang munasabah akses penuh dan bebas ke bangunan atau cerun itu dan mana-mana bahagiannya yang dia dikehendaki memeriksa atau menyiasat dan mana-mana orang yang menggalang, menghalang atau melengahkannya pada pelaksanaan tugasnya adalah melakukan suatu kesalahan.

(8) Tanpa menjejaskan hak pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kuasanya dan mendapatkan perbelanjaan di bawah seksyen ini, mana-mana pemunya sesuatu bangunan atau tanah dengan cerun yang melangggar atau tidak mematuhi notis di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

(9) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, membuat peruntukan bagi pemakaian seksyen ini, dengan apa-apa penyesuaian atau ubah suaian yang ditetapkan di dalamnya, bagi bangunan yang berkenaan dengannya tiada perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan.

(10) Pihak berkuasa tempatan boleh, jika ia berpuas hati selepas menilai laporan pemeriksaan visual yang dikemukakan di bawah perenggan (6)*(b)* atau laporan siasatan struktur atau cerun sepenuhnya dan syor jurutera yang dikemukakan di bawah perenggan (6)*(e)*, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(a) bersetuju sepenuhnya dengannya;

(b) menolaknya;

(c) bersetuju dengan sebahagian daripadanya; atau

(d) mendapatkan pandangan kedua ke atasnya.

(11) Pihak berkuasa tempatan boleh selepas itu—

(a) mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan atau tanah dengan cerun itu untuk mengambil langkah yang perlu untuk membetulkan atau membaiki apa-apa kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan yang disyorkan oleh jurutera itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan; atau

(b) sebagai ganti kepada suatu penyiasatan di bawah seksyen 83, mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan atau tanah dengan cerun itu bagi penutupan dan peruntuhannya.

(12) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika adalah semunasabahnya praktikal untuk berbuat sedemikian, menyampaikan suatu salinan perintah yang dibuat di bawahnya kepada tiap-tiap penduduk bangunan atau tanah dengan cerun itu.

(13) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah yang diberikan di bawah subseksyen (11) boleh apabila disabitkan di denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(14) Walau apa pun subseksyen (13) jika pemunya sesuatu bangunan atau tanah dengan cerun tidak mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan boleh mengambil apa-apa langkah yang ditetapkan dalam perintah tersebut atau memperdapatkan penutupan dan peruntuhan bangunan atau tanah dengan cerun itu dan mendapatkan daripada pemunyanya perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya berhubungan dengannya.

Kacau ganggu yang boleh diambil tindakan secara terus mengenainya di bawah Akta ini

86. Bagi maksud seksyen 87, 88, 89 dan 90—

(a) sesuatu premis atau sesuatu bahagiannya daripada apa-apa binaan atau dalam apa-apa keadaan yang akan menjadi kacau ganggu atau mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan;

(b) sesuatu penakung, salur, alur air, sisten, jamban pam, tandas adang air, tandas, tempat buang air kecil, tangki najis, betung atau parit yang sebegitu busuk atau dalam keadaan atau yang terletak sedemikian hingga menjadi suatu kacau ganggu atau mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan;

(c) sesuatu bangunan yang—

(i) tidak dijaga dalam keadaan bersih dan yang tidak bebas daripada *effluvia* yang timbul daripada sesuatu betung, parit, tandas, tandas adang air, tangki najis, tempat buang air kecil atau kacau ganggu lain; atau

(ii) tidak diganti udara dengan suatu cara yang akan menjadikan tidak berbahaya setakat mana yang boleh apa-apa gas, wap, abuk atau benda kotor yang lain yang terkeluar pada masa kerja itu dijalankan di dalamnya yang menjadi suatu kacau ganggu atau mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan;

(d) apa-apa pondok atau bangsal, sama ada digunakan sebagai tempat kediaman atau sebagai kandang binatang atau bagi apa-apa maksud lain, yang menjadi suatu kacau ganggu atau mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan disebabkan oleh cara pondok atau bangsal itu terkumpul penuh sesak atau oleh tidak adanya saliran atau oleh tidak

mungkinnya sampah atau najis dapat dibuang atau oleh apa-apa sebab lain;

(e) sesuatu lombong bata, lubang pasir atau apa-apa jenis korokan lain yang mendatangkan bencana kepada kesihatan atau gangguan kepada kawasan kejiranan atau yang digunakan bagi sesuatu maksud yang mungkin mendatangkan bencana kepada kesihatan,

adalah suatu kacau ganggu yang boleh diambil tindakan secara terus mengenainya di bawah seksyen 87, 88, 89 dan 90 Akta ini.

Notis menghendaki kacau ganggu diberhentikan

87. (1) Apabila diterima apa-apa maklumat mengenai adanya sesuatu kacau ganggu yang boleh diambil tindakan secara terus mengenainya di bawah Akta ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika berpuas hati tentang adanya sesuatu kacau ganggu, menyampaikan suatu notis kepada orang yang menyebabkan kacau ganggu itu terbit atau berterusan melalui perbuatan, kemungkiran atau pembiarannya atau, jika orang itu tidak dapat dijumpai, kepada penduduk atau pemunya premis di mana kacau ganggu itu terbit, menghendakinya memberhentikan kacau ganggu itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan menjalankan apa-apa kerja dan melakukan apa-apa perkara yang perlu bagi maksud itu dan, jika pihak berkuasa tempatan fikirkan perlu, menyatakan apa-apa kerja yang hendak dijalankan.

Kuasa menghendaki kerja dijalankan

(2) Pihak berkuasa tempatan juga boleh dengan notis itu atau dengan suatu notis lain yang disampaikan kepada penduduk, pemunya, atau orang itu menghendakinya melakukan apa yang perlu bagi mencegah berlakunya semula kacau ganggu itu dan, jika pihak berkuasa tempatan fikirkan perlu, menyatakan apa-apa kerja yang hendak dijalankan bagi maksud itu, dan boleh menyampaikan notis itu walaupun kacau ganggu itu telah pada masa itu diberhentikan jika

pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kacau ganggu itu mungkin berlaku semula di premis itu juga.

(3) Jika kacau ganggu itu terbit dari tidak adanya atau dari kecacatan sesuatu dari jenis rangka bina atau jika premis itu tidak diduduki, maka notis itu hendaklah disampaikan kepada pemunyanya.

(4) Jika orang yang menyebabkan kacau ganggu itu tidak dapat dijumpai dan adalah nyata bahawa kacau ganggu itu tidak terbit atau tidak berterusan melalui perbuatan, kemungkiran atau pembiaran penduduk atau pemunya premis itu, pihak berkuasa tempatan boleh menyebabkan supaya kacau ganggu itu diberhentikan dan boleh melakukan apa yang perlu untuk mencegah berlakunya semula kacau ganggu itu.

(5) Jika sesuatu notis telah disampaikan kepada seseorang di bawah seksyen ini dan sama ada—

(a) kacau ganggu itu telah terbit daripada perbuatan atau kemungkiran bersengaja orang tersebut; atau

(b) orang itu mungkir mematuhi mana-mana kehendak notis itu dalam tempoh yang dinyatakan itu,

orang itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu kesalahan sama ada sesuatu perintah kacau ganggu yang disebutkan dalam Akta ini dibuat atau tidak dibuat ke atasnya.

Apabila notis tidak dipatuhi, perintah kacau ganggu hendaklah dibuat

88. (1) Jika sama ada—

(a) orang yang kepadanya suatu notis untuk memberhentikan kacau ganggu telah disampaikan seperti tersebut di atas mungkir mematuhi mana-mana daripada suruhan notis itu dalam tempoh yang dinyatakan; atau

(b) kacau ganggu itu pada pendapat pihak berkuasa tempatan, mungkin berlaku semula di premis itu juga sungguhpun ia telah diberhentikan semenjak notis itu disampaikan, atas aduan pihak berkuasa tempatan, Mahkamah Majistret yang mendengar aduan itu boleh membuat ke atas orang itu suatu perintah terus yang dalam Akta ini disebut sebagai suatu "perintah kacau ganggu".

Perintah kacau ganggu

(2) Sesuatu perintah kacau ganggu boleh jadi suatu perintah pemberhentian atau suatu perintah larangan atau suatu perintah tutup atau suatu gabungan daripada perintah-perintah itu.

Perintah pemberhentian

(3) Sesuatu perintah pemberhentian boleh menghendaki seseorang mematuhi semua atau mana-mana dari suruhan notis itu, atau pun memberhentikan kacau ganggu itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

Perintah larangan

(4) Sesuatu perintah larangan boleh melarang berlakunya semula sesuatu kacau ganggu.

Bila hendak dinyatakan kerja-kerja yang hendak dijalankan

(5) Sesuatu perintah pemberhentian atau perintah larangan hendaklah, jika orang yang ke atasnya perintah itu dibuat berkehendakkan atau jika mahkamah dapati perlu, menyatakan kerja yang hendak dijalankan oleh orang itu bagi maksud memberhentikan atau mencegah berlakunya semula kacau ganggu itu.

Perintah tutup

(6) Sesuatu perintah tutup boleh melarang sesuatu rumah kediaman daripada digunakan untuk kediaman manusia.

Bila hendak dibuat

(7) Sesuatu perintah tutup hendaklah dibuat hanya jika telah dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa sesuatu rumah kediaman adalah tidak layak untuk kediaman manusia oleh sebab sesuatu kacau ganggu, dan, jika bukti itu diberi, mahkamah itu hendaklah membuat suatu perintah tutup dan boleh mengenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit:

Dengan syarat bahawa sesuatu perintah tutup tidak boleh dibuat melainkan jika suatu notis untuk mendengar aduan yang mengenainya perintah itu hendak dibuat telah ditampalkan di suatu tempat yang boleh nampak dengan memberitahu dalam notis itu bahawa seseorang penduduk premis itu boleh menunjukkan sebab membantah perintah itu dibuat.

Membatalkan perintah tutup

(8) Sesuatu mahkamah, apabila berpuas hati bahawa rumah kediaman itu telah dijadikan layak untuk kediaman manusia, boleh mengisytiharkan yang ia adalah berpuas hati sedemikian dan boleh membatalkan perintah tutup itu.

Penalti kerana tidak mematuhi perintah

(9) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu perintah kacau ganggu mengenai pemberhentian suatu kacau ganggu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit sehari selama tempoh dia tidak mematuhinya melainkan jika dia memuaskan hati mahkamah bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang sepatutnya untuk melaksanakan perintah itu.

(10) Mana-mana orang yang dengan diketahuinya dan yang bersengaja bertindak berlawanan dengan suatu perintah larangan atau perintah tutup boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit sehari selama tempoh tindakannya yang berlawanan itu.

(11) Dalam mana-mana satu perkara yang tersebut dalam subseksyen (9) dan (10), pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan secara bertulis bagi maksud itu boleh memasuki premis yang dimaksudkan oleh suatu perintah kacau ganggu dan boleh memberhentikan atau menghapuskan kacau ganggu itu dan melakukan apa-apa jua yang perlu bagi menjalankan perintah itu dan belanja yang dilakukan dengan demikian itu hendaklah dibayar oleh orang yang mungkir itu.

(12) Mengenai kacau ganggu yang disebabkan oleh perbuatan atau kemungkiran pemunya premis, belanja itu bersama dengan apa-apa kos dan belanja yang diperintahkan oleh mahkamah supaya dibayar oleh pemunya itu hendaklah disifatkan sebagai belanja yang baginya dipakai seksyen 101 dan boleh dituntut di bawah seksyen itu.

(13) Sesuatu mahkamah yang membuat sesuatu perintah di bawah seksyen ini boleh menghendaki sesiapa jua yang ke atasnya apa-apa perintah dibuat supaya membayar semua kos dan belanja yang dilakukan untuk mendapatkan perintah itu.

Mengusir selepas perintah tutup

(14) Jika sesuatu perintah tutup telah dibuat mengenai sesuatu rumah kediaman, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyampaikan notis mengenai perintah itu kepada tiap-tiap penduduk rumah kediaman itu dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu iaitu yang tidak kurang daripada tujuh hari (kecuali dalam hal bahaya yang segera) selepas notis itu disampaikan perintah itu hendaklah dipatuhi olehnya dan dia dan keluarganya hendaklah berhenti mendiami rumah kediaman itu dan jika mungkir berbuat demikian itu dia boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit sehari selama tempoh dia tidak mematuhi perintah itu, dan mahkamah hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan,

membuat suatu perintah terus untuk mengusirnya dan perintah itu boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana pegawai atau pegawai polis, pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara tertulis oleh pihak berkuasa tempatan:

Belanja untuk berpindah

Dengan syarat bahawa pemunya itu hendaklah memberi kepada tiap-tiap tenan yang tenansinya belum ditamatkan dengan sah di sisi undang-undang apa-apa elaun yang munasabah, jika ada, mengikut sebagaimana yang dibenarkan atau diperintahkan oleh sesuatu mahkamah kerana belanja berpindah dan elaun itu boleh dituntut secara terus di hadapan suatu Mahkamah Majistret.

Perintah untuk meruntuhkan rumah yang tidak layak untuk kediaman

89. (1) Jika sesuatu perintah tutup telah dibuat mengenai sesuatu rumah kediaman dan perintah itu tidak dibatalkan oleh sesuatu perintah yang kemudian, pihak berkuasa tempatan, jika berpendapat bahawa—

(a) rumah kediaman itu tidak dijadikan layak untuk kediaman manusia;

(b) langkah yang perlu tidak diambil dengan segala usaha yang sepatutnya untuk menjadikannya layak sedemikian; dan

(c) masih beradanya sesuatu bangunan, iaitu sebagai rumah kediaman atau sebagai sebahagian rumah kediaman, berbahaya atau mendatangkan bencana kepada kesihatan orang ramai atau kesihatan penduduk rumah kediaman yang berjiranan,

boleh membuat suatu pengaduan kepada suatu Mahkamah Majistret, dan Mahkamah itu selepas mendengar pengaduan itu boleh membuat suatu perintah terus ke atas pemunya itu untuk meruntuhkan rumah kediaman itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Perintah itu boleh juga mengandungi suatu arahan bahawa bahan bangunan itu atau mana-mana bahagian daripada bahan itu hendaklah dimusnahkan.

Melaksanakan perintah peruntuhan

90. (1) Jika suatu perintah untuk meruntuhkan suatu bangunan telah dibuat, pemunya bangunan itu hendaklah dalam tempoh yang disebutkan dalam perintah itu, meruntuhkan dan menghapuskan bangunan itu dan, jika perintah meruntuhkan bangunan itu mengarahkan sedemikian maka pemunya hendaklah memusnahkan bahan bangunan itu setakat mana yang disebutkan dalam perintah itu.

(2) Jika pemunya itu tidak mematuhi perintah itu, pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan untuk maksud itu hendaklah bertindak meruntuhkan dan menghapuskan bangunan itu dan, jika perlu, memusnahkan bahan-bahannya, dan boleh menuntut kos bagi kerja itu daripada pemunya itu.

(3) Seksyen 101 hendaklah dipakai bagi apa-apa jumlah wang yang boleh dituntut daripada pemunya di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Perintah mandatori

91. (1) Apabila seseorang pemunya atau penduduk dikehendaki di bawah Akta ini mendirikan atau mengalih sesuatu bangunan atau benda atau menjalankan sesuatu kerja lain mengikut peruntukan Akta ini, dan pemunya atau penduduk itu selepas notis yang sepatutnya tidak mendirikan atau mengalihkan bangunan atau benda itu atau tidak menjalankan kerja itu dalam tempoh yang dinyatakan itu, pihak berkuasa tempatan boleh membuat suatu pengaduan dan Mahkamah Majistret setelah mendengar pengaduan itu boleh membuat ke atas

pemunya atau penduduk itu suatu perintah terus yang dalam Akta ini disebut sebagai suatu "perintah mandatori", menghendaki pemunya atau penduduk itu menjalankan kerja yang dikehendaki itu.

Kehendak perintah mandatori

(2) Sesuatu perintah mandatori hendaklah menghendaki orang yang kepadanya ia diarahkan itu supaya menjalankan apa-apa kerja yang mahkamah diberi kuasa menghendaki supaya dijalankan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu dan hendaklah juga menghendaki orang itu supaya membayar kepada pihak berkuasa tempatan suatu jumlah wang untuk kos dan belanja yang dilakukan untuk mendapatkan perintah mandatori itu.

Penalti ketidakpatuhan

(3) *(a)* Mana-mana orang yang kepadanya perintah itu dialamatkan dan yang tidak mematuhi kehendak sesuatu perintah mandatori boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit sehari selama tempoh dia tidak mematuhi kehendak itu melainkan jika dia memuaskan hati mahkamah bahawa dia telah menggunakan segala usaha yang sepatutnya untuk melaksanakan perintah itu.

(b) Jika orang itu tidak mematuhi perintah itu, pihak berkuasa tempatan boleh memasuki premis itu dan menjalankan kerja yang dikehendaki dijalankan itu dan belanja yang dengan demikian itu dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan boleh dituntut daripada orang yang tidak mematuhi perintah itu mengikut mana-mana undang-undang berhubungan dengan perkara mendapatkan bayaran apa-apa denda.

Peruntukan mengenai rayuan terhadap perintah

92. (1) Jika seseorang merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap suatu perintah mandatori, tiada apa-apa tanggungan terhadap suatu denda boleh timbul dan juga, kecuali sebagaimana yang disebutkan

dalam seksyen ini, tiada apa-apa prosiding boleh diambil atau tiada apa-apa kerja boleh dilakukan di bawah perintah itu sehingga rayuan itu telah diputuskan atau ditinggalkan.

Penalti jika rayuan ditolak

(2) Jika suatu perintah mandatori dibuat dan seseorang tidak mematuhi perintah itu dan orang itu merayu terhadap perintah itu kepada Mahkamah Tinggi dan rayuan itu ditolak atau ditinggalkan, pihak merayu itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit sehari selama tempoh perintah itu tidak dipatuhi, melainkan jika memuaskan hati mahkamah di hadapan mana prosiding itu diambil untuk mengenakan suatu denda bahawa ada alasan yang matan bagi rayuan itu dan bahawa rayuan itu bukan dibuat semata-mata bagi maksud melengah-lengahkan dan, jika rayuan itu didengar oleh Mahkamah Tinggi mahkamah itu boleh, apabila menolak rayuan itu, mengenakan denda seolah-olah mahkamah itu adalah mahkamah yang di hadapannya dia dikehendaki hadir.

Prosiding sementara menanti rayuan

(3) Jika suatu perintah mandatori dibuat ke atas seseorang dan rayuan dibuat terhadap perintah itu dan mahkamah yang membuat perintah itu berpendapat bahawa perintah mandatori itu, jika tidak dilaksanakan, akan mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan atau keselamatan awam dan bahawa melaksanakan perintah itu dengan segera tidak akan menyebabkan apa-apa kerosakan yang tidak boleh dipampas dengan ganti rugi, mahkamah itu boleh memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan supaya menjalankan kerja itu dengan segera.

(4) Jika pihak berkuasa tempatan menjalankan kerja itu dan rayuan itu berjaya, pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar kos bagi pelaksanaan itu dan juga kerosakan, jika ada, yang didapati oleh orang tersebut disebabkan oleh pelaksanaan itu, tetapi jika rayuan itu ditolak atau ditinggalkan, pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi pelaksanaan itu daripada orang tersebut.

Prosiding jika pemunya tidak diketahui

93. (1) Jika nama atau alamat pemunya bagi sesuatu premis yang berkenaan dengannya suatu Mahkamah Majistret diberi kuasa membuat sesuatu perintah mandatori tidak diketahui dan tidak dapat dengan usaha yang munasabah diketahui, mahkamah itu boleh mengeluarkan suatu saman yang dialamatkan kepada pemunya premis itu.

(2) Saman itu boleh disampaikan mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 119.

(3) Jika pemunya itu tidak hadir apabila saman itu didengar, mahkamah itu boleh, walaupun dia tidak hadir, membuat suatu perintah ke atasnya sebagaimana yang boleh dibuat oleh mahkamah itu jika dia hadir tetapi mahkamah itu tidak boleh mengenakan apa-apa denda ke atasnya.

Perintah *ex-parte* boleh dibuat dalam suatu hal yang memerlukan tindakan segera

94. (1) Jika dalam sesuatu hal dalam mana Mahkamah Majistret ada mempunyai bidang kuasa untuk membuat suatu perintah mandatori, mahkamah itu berpendapat bahawa perkara yang diadukan itu akan mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan atau keselamatan awam dan pelaksanaan segera kerja yang diminta dibuat itu tidak akan menyebabkan apa-apa kerosakan yang tidak boleh dipampas dengan ganti rosak, mahkamah itu boleh, dengan suatu perintah *ex-parte*, memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan kerja itu dengan segera.

(2) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu perintah mandatori ditolak kemudiannya, pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar kerosakan yang didapati oleh sesiapa jua disebabkan oleh demikian itu, tetapi jika perintah mandatori itu diberi kemudiannya pihak berkuasa tempatan boleh menuntut kos bagi kerja itu.

Perlindungan bagi Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai daripada tanggungan sendiri

95. (1) Tiada sesuatu perkara atau hal yang dilakukan dan tiada sesuatu kontrak yang dibuat oleh sesuatu Pihak Berkuasa Negeri dan tiada sesuatu perkara atau hal yang dilakukan oleh seseorang pegawai yang ditugaskan untuk mentadbirkan Akta ini atau oleh sesiapa jua orang lain yang bertindak di bawah arahan sesuatu Pihak Berkuasa Negeri boleh menjadikan mereka sendiri atau mana-mana daripada mereka sendiri tertakluk kepada apa-apa jua tindakan, tanggungan, tuntutan atau permintaan jika perkara atau hal itu telah dilakukan atau kontrak itu telah dibuat *bona fide* bagi maksud menjalankan Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan dan seseorang pegawai awam atau seseorang pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan tidak boleh menjadi tertakluk kepada apa-apa jua tindakan, tuntutan, tanggungan atau permintaan berbangkit daripada apa-apa kerja bangunan atau kerja lain yang dijalankan mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau oleh sebab fakta bahawa kerja bangunan itu atau pelannya adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan atau seseorang pegawai awam atau seseorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa Negeri atau pihak berkuasa tempatan itu dan tiada apa-apa jua dalam Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh menjadikan wajib bagi Pihak Berkuasa Negeri atau pihak berkuasa tempatan itu memeriksa mana-mana bangunan, kerja bangunan atau bahan-bahan bangunan atau tapak mana-mana bangunan yang dicadangkan untuk menentukan bahawa peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dipatuhi atau bahawa pelan perakuan dan notis yang dikemukakan kepadanya itu adalah tepat.

Tanggung rugi oleh pihak berkuasa tempatan

96. Apa-apa belanja yang dilakukan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Negeri, seseorang pegawai atau orang lain yang bertindak mengikut seksyen 95 hendaklah ditanggung oleh pihak berkuasa tempatan.

Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud Akta ini

97. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, bagi maksud Akta ini, melalui pegawai, pekerja, ejen atau kontraktornya, memasuki pada bila-bila masa yang berpatutan pada waktu siang mana-mana bangunan atau tanah dan juga bagi maksud membuat apa-apa pengukuran atau pemeriksaan serta juga bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja yang dibenarkan oleh Akta ini supaya dilaksanakan olehnya tanpa boleh diambil apa-apa tindakan di sisi undang-undang terhadapnya atau dikenakan apa-apa jua gangguan kepadanya oleh sebab kemasukannya itu atau oleh sebab apa-apa jua yang dilakukannya di mana-mana bahagian bangunan atau tanah itu menurut Akta ini:

Proviso

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh memasuki mana-mana rumah kediaman yang benar-benar diduduki, kecuali dengan persetujuan penduduknya atau selepas memberitahu penduduk itu dua puluh empat jam terlebih dahulu:

Juga dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengisytiharkan bahawa sesuatu kelas premis boleh diperiksa pada waktu malam iaitu premis yang undang-undang kecil boleh dibuat di bawah Akta ini bagi mengawal dan mengawasnya dan dengan itu seseorang pegawai, pekerja, ejen atau kontraktor yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu boleh, pada bila-bila masa waktu siang atau malam dan tanpa notis, memasuki mana-mana premis dan kelas yang dinyatakan dalam perisytiharan itu dengan menggunakan apa-apa kekerasan yang perlu dan menggeledah atau memeriksanya.

Kuasa sesuatu pihak berkuasa untuk memasuki tanah yang bersebelahan dengan kerja

98. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, melalui pegawai, pekerja, ejen atau kontraktornya, memasuki mana-mana tanah yang bersampingan dengan apa-apa kerja yang dibenar dibuat oleh Akta ini

atau yang terletak dalam jarak seratus ela dari kerja itu bagi maksud meletakkan di atas tanah itu apa-apa tanah-tanih, batu kelikir, pasir, kapur, bata, batu atau bahan-bahan lain atau bagi apa-apa maksud lain berhubungan dengan pembentukan kerja tersebut tanpa membuat apa-apa pembayaran, tender atau deposit terlebih dahulu, dengan melakukan, seberapa sedikit kerosakan yang boleh pada menjalankan beberapa kuasa yang dengan ini diberi itu dan dengan membayar pampasan bagi apa-apa pendudukan sementara atau kerosakan sementara akan tanah tersebut kepada pemunya atau penduduknya dari semasa ke semasa dan dengan mengikut beberapa kali pendudukan sementara atau apa-apa kerosakan sementara itu dilakukan dan dengan membayar pampasan kepada pemunya itu juga bagi apa-apa bencana kekal, jika ada, kepada tanah itu.

(2) Jika timbul sesuatu pertikaian berkenaan dengan amaun atau pembahagian pampasan itu, maka pertikaian itu hendaklah diselesaikan mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Sebelum sesuatu pihak berkuasa tempatan melakukan apa-apa penggunaan sementara yang tersebut akan tanah yang bersampingan dengan kerja itu atau yang terletak dekat dengan kerja yang tersebut di atas, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis tujuh hari akan tujuannya kepada pemunya atau penduduk tanah itu dan hendaklah mengasingkan sekian banyak daripada tanah yang dikehendaki digunakan itu dari tanah lain yang bersambungan dengan kerja itu dengan mendirikan pagar yang cukup.

Sesuatu pihak berkuasa tempatan pada melaksanakan kerja hendaklah mengadakan jalan, dsb., jika jalan yang sedia ada terbencana

99. (1) Pada melaksanakan apa-apa kerja yang diarah atau diberi kuasa untuk dibuat, sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah mengadakan dan membuat beberapa jalan, alur air, parit dan saluran yang cukup dan sesuai di tempat di mana yang demikian terganggu, terbencana atau dijadikan tak berguna oleh sebab melaksanakan kerja itu.

(2) Pihak berkuasa tempatan hendaklah membayar pampasan yang berpatutan kepada mana-mana orang yang menanggung kerosakan oleh sebab pelaksanaan kerja itu dan jika berlaku pertikaian amaun pampasan hendaklah ditentu dan diputuskan mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Penalti kerana menghalang sesuatu pihak berkuasa dalam kewajipannya

100. Mana-mana orang yang pada bila-bila masa merintangi, menghalang atau mengganggu sesuatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana daripada pegawai, pekerja, ejen atau kontraktornya pada melakukan dan melaksanakan kewajipannya atau apa-apa jua yang dia diberi kuasa atau dikehendaki membuat menurut atau oleh sebab Akta ini, atau yang mengalih apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menunjukkan sesuatu aras atau arah yang perlu untuk melaksanakan kerja yang dibenarkan oleh Akta ini, boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh hingga enam bulan.

Pampasan, ganti rugi dan kos hendaklah diputuskan oleh mahkamah

101. (1) Dalam semua hal kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya, apabila pampasan, ganti rugi, bayaran, kos dan belanja diarahkan oleh Akta supaya dibayar oleh pihak berkuasa tempatan kepada seseorang atau oleh seseorang kepada seseorang lain maka amaunnya dan, jika perlu, pembahagian amaun itu dan apa-apa soal tanggungan, jika berlaku pertikaian atau jika pembayaran tidak dibuat, hendaklah ditentukan dan diputuskan secara terus oleh suatu Mahkamah Majistret.

(2) Jika amaun pampasan, ganti rugi, bayaran, kos atau belanja tidak dibayar oleh pihak yang bertanggungan membayarnya dalam masa tujuh hari selepas dituntut, kemungkiran itu boleh diadukan kepada suatu Mahkamah Majistret dan amaun itu dituntut dengan cara

seolah-olah ia adalah denda yang dikenakan oleh suatu Mahkamah Majistret.

(3) Sesuatu rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Majistret di bawah seksyen ini hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi dan peruntukan Kanun Prosedur Jenayah [*Akta 593*] hendaklah *mutatis mutandis* dipakai bagi semua rayuan seperti itu.

Penduduk boleh melaksanakan kerja jika pemunya tidak melaksanakannya

102. Apabila seseorang pemunya mana-mana premis tidak melaksanakan apa-apa kerja yang dikehendaki di bawah Akta ini dilaksanakan olehnya, seseorang penduduk premis itu boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan menyebabkan supaya kerja itu dilaksanakan dan belanja mengenainya hendaklah dibayar kepadanya oleh pemunya itu atau amaun belanja itu boleh dipotong dari sewa yang genap masanya dibayar olehnya dari semasa ke semasa kepada pemunya dan penduduk itu boleh, jika tiada apa-apa perjanjian khas sebaliknya, memegang milik sehingga belanja itu telah dibayar ganti kepadanya dengan sepenuhnya.

Pengecualian bagi ejen yang tiada wang dalam tangan

103. (1) Tiada seseorangpun yang menerima sewa premis sebagai penerima atau ejen bagi seseorang lain tidak bertanggungan melakukan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya dilakukan oleh pemunya premis itu jika, selepas dia atau pemunya yang sebenar telah dikehendaki melakukan sesuatu kerja, orang itu memberi notis kepada pihak berkuasa tempatan, dalam masa tujuh hari selepas suruhan itu dibuat, menyatakan bahawa dia tiada wang yang cukup kepunyaan orang yang bagi pihaknya dia menerima sewa itu untuk membayar kerja itu.

(2) Dalam hal yang demikian pihak berkuasa tempatan boleh dengan sendirinya melaksanakan kerja itu dan belanja yang dilakukan

mengenainya hendaklah dikenakan dan dituntut sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini.

Menuntut belanja dan kos yang kena dibayar oleh pemunya

104. (1) Semua dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh pemunya atau pemunya-pemunya atau yang boleh dituntut daripada pemunya atau pemunya-pemunya mengenai belanja dan kos yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan pada atau mengenai menjalankan apa-apa kerja yang boleh dituntut di bawah Akta ini daripada pemunya atau pemunya-pemunya sesuatu premis hendaklah, tertakluk kepada dan tanpa menyentuh hak lain pihak berkuasa tempatan, menjadi suatu tanggungan yang pertama ke atas premis yang mengenainya belanja atau kos itu telah dilakukan.

(2) Selain apa-apa remedi yang diberi oleh Akta ini mana-mana jumlah wang itu boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini, dan orang yang bertanggungan membayar wang itu ialah pemunyanya atau pemunya-pemunyanya pada masa kerja itu siap.

(3) Jika mana-mana penduduk diminta oleh atau bagi pihak berkuasa tempatan supaya menyatakan nama pemunya premis dan dia enggan atau dengan sengaja tidak menyatakan atau dengan sengaja menyalahnyatakan nama pemunya itu penduduk itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi daripada lima ratus ringgit, melainkan jika dia menunjukkan sebab dengan memuaskan hati mahkamah mengapa dia telah enggan atau telah menyalahnyatakan nama pemunya itu.

Prosiding jika wang tidak dibayar

(4) Jika sesuatu jumlah wang masih belum dibayar apabila tamat masa yang ditetapkan, suatu notis hendaklah disampaikan kepada orang atau mana-mana daripada orang-orang, jika lebih daripada seorang, yang bertanggungan membayar wang itu, memintanya membayar wang itu bersama dengan suatu bayaran sebanyak yang

ditetapkan bagi kos notis itu, dalam masa lima belas hari selepas notis itu disampaikan.

(5) Jika tiada seseorang yang bertanggungan membayar wang itu dapat dijumpai, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sempurna dengan menampalkannya di pejabat pihak berkuasa tempatan dan dengan menampalkan satu salinannya pada sesuatu bahagian premis itu yang mudah dilihat iaitu premis yang mengenainya belanja atau kos itu telah dilakukan.

(6) Jika mana-mana jumlah wang itu atau sesuatu bahagiannya masih kena dibayar dan masih belum dibayar apabila tamat tempoh lima belas hari yang tersebut itu atau suatu tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan, wang itu hendaklah disifatkan sebagai bertunggakan dan boleh dituntut sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(7) Tanggungan yang tersebut di atas itu hendaklah mengikat, dan kuasa dan remedi yang diberi di atas boleh dijalankan mulai dari tarikh siapnya kerja itu, dan kemudian daripada itu kuasa dan remedi itu boleh dijalankan terhadap premis itu atau terhadap mana-mana harta alih atau tanam-tanaman yang pada masa itu didapati di atasnya walaupun apa-apa pertukaran telah berlaku tentang pemunyaan atau pendudukan premis itu kemudian daripada tarikh tersebut.

Mendapatkan bayaran belanja dan kos secara ansuran

105. (1) Jika sesuatu pihak berkuasa tempatan telah melakukan belanja atau kos pada atau mengenai menjalankan apa-apa kerja, yang di bawah Akta ini, kena dibayar oleh pemunya atau pemunya-pemunya atau boleh dituntut daripada pemunya atau pemunya-pemunya, pihak berkuasa tempatan boleh sama ada menuntut belanja dan kos itu mengikut cara yang diperuntukkan di atas atau, jika difikirkannya patut, boleh mendapatkan suatu perjanjian daripada pemunya atau pemunya-pemunya itu untuk membayar apa-apa ansuran yang mencukupi bagi menjelaskan semua amaun belanja dan kos itu serta bunganya atas suatu kadar tidak lebih daripada enam peratus setahun, dalam tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun.

(2) Jika sesuatu ansuran atau bunga tidak dibayar pada tarikh yang ditetapkan oleh mana-mana perjanjian itu supaya dibayar maka semua baki amaun yang masih belum dijelaskan pada masa itu bersama dengan bunga yang bertunggakan, hendaklah genap masanya dan kena dibayar dengan segera dan boleh dituntut mengikut cara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 104 walaupun apa-apa pertukaran telah berlaku tentang kepunyaan atau pendudukan premis itu semenjak tarikh perjanjian itu.

Prosiding bagi mendapatkan bayaran tunggakan

106. (1) Untuk mendapatkan bayaran tunggakan pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai salah satu atau kedua-dua kuasa yang berikut dan boleh menjalankannya, sama ada satu lepas satu atau serentak, selain remedi yang diberi oleh Akta ini—

(a) pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu waran tahanan dan boleh mengambil menurut waran itu apa-apa harta alih dan tanam-tanaman kepunyaan seseorang yang bertanggungan membayar tunggakan itu dan boleh juga mengambil mana-mana harta alih atau tanam-tanaman kepunyaan sesiapa jua yang dijumpai di atas premis yang mengenainya tunggakan itu genap masanya dibayar dan boleh, selepas disampaikan notis yang ditetapkan itu, menjual harta alih atau tanam-tanaman itu melalui lelong awam mengikut cara yang ditetapkan;

(b) pihak berkuasa tempatan boleh, melalui notis jualan yang disampaikan atau disiarkan mengikut cara yang ditetapkan, mengisytiharkan tujuannya hendak menjual premis yang mengenainya tunggakan itu genap masanya dibayar apabila tamat tiga bulan dari tarikh notis jualan itu, dan jika tunggakan itu tidak dibayar atau dijelaskan apabila tamat tempoh itu, pihak berkuasa tempatan boleh menjual melalui lelong awam, mengikut lot atau dengan cara lain, kesemua premis itu atau apa-apa bahagiannya atau apa-apa kepentingan mengenainya yang difikirkannya cukup untuk mendapatkan bayaran tunggakan dan kos itu:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan tidak boleh bertindak di bawah perenggan *(b)* untuk menjual premis yang mengenainya tunggakan itu genap masanya dibayar, atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa-apa kepentingan mengenainya, jika ada terdapat di premis itu dan pula boleh diambil dan dijual di bawah perenggan *(a)* harta alih atau tanam-tanaman kepunyaan pemunya itu yang nilainya mengikut anggaran pihak berkuasa tempatan adalah cukup untuk mendapatkan jumlah wang yang dikehendaki untuk menjelaskan tunggakan dan kos itu.

(2) Mana-mana tenan, tenan kecil, atau penduduk yang membayar apa-apa tunggakan dan kos bagi mengelakkan hartanya dari diambil atau dijual kerana tidak membayar tunggakan yang genap masanya dibayar oleh pemunya premis itu, boleh kemudian daripada itu, jika sekiranya tiada apa-apa perjanjian bertulis sebaliknya, memotong amaun yang dibayar olehnya itu dari sewa yang genap masanya dibayar atau kena dibayar olehnya itu kepada tuan tanah langsungnya kerana premis itu atau apa-apa bahagiannya yang dipegang atau diduduki olehnya, dan boleh memegang milik premis atau apa-apa bahagiannya itu seterusnya sehingga amaun itu telah dibaya rganti kepadanya dengan sepenuhnya sama ada dengan memotongnya dari sewa atau dengan cara lain. Mana-mana tenan atau tenan kecil yang telah membayar ganti, sama ada dengan membenarkan suatu potongan dari sewanya atau dengan cara lain, seseorang tenan kecil atau penduduk yang memegang atau duduk di bawahnya amaun yang dibayar oleh tenan kecil atau penduduk itu adalah mempunyai hak yang serupa untuk memotong amaun itu dari sewa yang genap masanya dibayar atau kena dibayar kepada tuan tanah langsungnya dan untuk memegang milik sehingga dibayar ganti
secara yang serupa.

(3) Resit dari mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sempurnanya bagi amaun yang dibayar oleh tenan, tenan kecil atau penduduk itu hendaklah disifatkan sebagai suatu penyelesaian penuh bagi amaun sewa yang serupa.

(4) Jika sesuatu premis yang mengenainya tunggakan genap masanya dibayar, atau jika mana-mana harta alih atau tanam-tanaman yang tersebut dalam subseksyen (1) atau jika hasil jualannya telah pun

ada dalam jagaan undang-undang di bawah apa-apa proses pelaksanaan dengan mana pihak berkuasa tempatan tidak dapat menjalankan remedi yang diberi kepadanya terdahulu daripada ini, pihak berkuasa tempatan boleh memberitahu sheriff atau belif mahkamah yang berkenaan itu akan amaun tunggakan itu, dan adalah berhak tanpa mendapat suatu hukuman dibayar amaun itu daripada hasil jualan premis atau harta itu terlebih dahulu daripada penghutang penghakiman dan daripada pemiutang penghakiman dan daripada mana-mana sipiutang lain.

(5) Suatu perakuan mengenai amaun tunggakan itu daripada pihak berkuasa tempatan adalah menjadi keterangan *prima facie*, melainkan jika perakuan itu dipertikaikan oleh penghutang penghakiman, dan, jika berlaku pertikaian, amaun itu hendaklah ditentukan secara terus oleh sesuatu Mahkamah Majistret.

Tahanan

107. (1) Tahanan yang disebut dalam perenggan 106(1)*(a)* boleh dibuat oleh seseorang yang dilantik bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan dan orang itu hendaklah memberitahu kepada orang ramai tahanan itu dan membuat suatu inventori mengenai harta yang ditahan itu.

(2) Orang itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(3) Orang itu boleh memecah masuk sesuatu rumah atau bangunan pada waktu siang bagi maksud melaksanakan tahanan itu.

Penggunaan hasil jualan

108. (1) Hasil jualan di bawah subseksyen 106(1) hendaklah digunakan pertamanya untuk menjelaskan tunggakan serta bunganya atas kadar enam peratus setahun dan juga kos.

(2) Jika sekiranya apa-apa lebihan didapati masih ada, pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika berpuas hati tentang hak seseorang yang menuntut lebihan itu, membayar amaunnya kepada orang itu atau, jika tidak berpuas hati, pihak berkuasa tempatan hendaklah memegang amaun itu sebagai amanah bagi orang yang mungkin berjaya pada akhirnya di sisi undang-undang membuktikan hakmiliknya terhadap lebihan itu.

(3) Jika tiada apa-apa hakmilik dibuktikan terhadap lebihan itu dalam masa dua tahun dari tarikh jualan itu, lebihan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan pihak berkuasa tempatan itu.

Hakmilik diberi melalui pembelian pada jualan di bawah seksyen 106

109. (1) Pembeli pada suatu jualan yang diadakan di bawah perenggan 106(1)*(b)* hendaklah disifatkan telah memperoleh hak yang ditawarkan untuk dijual itu bebas daripada semua kepentingan rendah yang didapati daripadanya kecuali kepentingan yang dirizabkan dengan nyata oleh pihak berkuasa tempatan pada masa jualan itu.

(2) Pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan cara yang difikirkannya patut memberitahu kepada orang ramai keputusan jualan dan pindah hak kepada pembeli harta itu atau hak yang ditawarkan untuk dijual itu.

Kos tindakan bagi mendapatkan bayaran tunggakan

110. Semua kos bagi sesuatu tindakan untuk mendapatkan bayaran tunggakan boleh dituntut seolah-olah kos itu menjadi sebahagian daripada tunggakan itu.

Kuasa untuk menahan jualan

111. Jika mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu harta yang boleh kena jual menawarkan tunggakan serta bunga dan kos kepada pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa sebelum jualan itu, maka pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan itu menghentikan semua tindakan lanjut berkenaan dengannya.

Permohonan kepada mahkamah

112. (1) Jika mana-mana orang yang harta alih, tanam-tanaman atau tanahnya telah ditahan atau diiklankan untuk dijual mempertikaikan kepatutan tahanan atau jualan itu, dia boleh memohon suatu perintah menggantung tindakan itu.

(2) Mahkamah hendaklah, selepas mendengar keterangan pihak berkuasa tempatan dan membuat sesuatu siasatan selanjutnya sebagaimana yang perlu, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang patut.

Sekuriti hendaklah diberi

113. Tiada apa-apa permohonan boleh dilayani oleh mahkamah di bawah seksyen 112 melainkan jika pemohon itu telah mendepositkan amaun tunggakan dan kos itu di mahkamah atau telah memberi sekuriti baginya dengan memuaskan hati mahkamah.

Tanggungan pemindah hakmilik

114. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindah hakmilik apa-apa harta yang mengenainya kos dan belanja telah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan pada atau mengenai menjalankan apa-apa kerja dan kos dan belanja itu boleh dituntut di bawah Akta ini daripada pemunya harta itu, orang itu masih lagi bertanggungan membayar semua kos dan belanja yang kena dibayar berkenaan dengan harta itu dan menyempurnakan semua tanggungan lain yang dikenakan oleh

Akta ini ke atas pemunya harta itu, iaitu kos dan belanja yang kena dibayar atau tanggungan yang kena disempurnakan pada bila-bila masa sebelum notis pindah hakmilik itu diberi.

(2) Tiada apa-apa jua di dalam seksyen ini boleh menyentuh tanggungan pembeli atau penerima pindah hakmilik untuk membayar belanja atau kos berkenaan dengan harta itu atau boleh menyentuh hak pihak berkuasa tempatan untuk menuntut kos dan belanja itu daripada pembeli atau penerima pindah hakmilik itu atau untuk menguatkuasakan apa-apa tanggungan di bawah Akta ini terhadap pembeli atau penerima pindah hakmilik itu.

Prosiding jika seseorang penduduk membantah kerja dijalankan

115. (1) Jika penduduk sesuatu premis menghalang pemunya premis itu dari melaksanakan mana-mana peruntukan Akta ini mengenai premis itu selepas notis mengenai tujuannya hendak berbuat demikian itu diberi oleh pemunya kepada penduduk itu, bolehlah sesuatu Mahkamah Majistret, apabila hal itu dibuktikan dan atas permohonan pemunya itu, membuat suatu perintah secara bertulis, menghendaki penduduk itu membenarkan pemunya itu menjalankan semua kerja berhubungan dengan premis itu sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dan boleh juga jika difikirkannya patut, memerintahkan penduduk itu membayar kepada pemunya itu kos berhubungan dengan permohonan atau perintah itu.

(2) Jika selepas tamat lapan hari dari tarikh perintah itu penduduk itu masih enggan membenarkan pemunya itu menjalankan kerja itu penduduk itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari keengganan itu diteruskan, dan tiap-tiap pemunya itu, dalam masa penduduk itu masih enggan membenarkannya menjalankan kerja itu, hendaklah dilepaskan daripada apa-apa penalti yang jika tidak kerana itu boleh dikenakan ke atasnya oleh sebab dia tidak menjalankan kerja itu.

Melupuskan benda dan barang-barang yang dipindahkan oleh pihak berkuasa tempatan

116. (1) Apa-apa benda atau barang yang dipindahkan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan pada menjalankan sesuatu kerja yang ia berhak menjalankannya di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta pihak berkuasa tempatan melainkan jika selainnya diperuntukkan dan boleh dijual melalui lelong awam atau, jika pada pendapat pihak berkuasa tempatan hal keadaan memerlukan benda atau barang itu boleh dijual dengan cara lain atau dilupuskan tanpa dijual.

(2) Wang yang didapati daripada jualan itu boleh disimpan oleh pihak berkuasa tempatan dan digunakan bagi atau terhadap belanja yang dilakukan dan lebihan jika ada, hendaklah dibayar, apabila diminta, kepada pemunya benda atau barangan itu.

(3) Jika lebihan itu tidak dituntut dalam masa dua tahun ia hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan pihak berkuasa tempatan itu.

(4) Jika sesuatu benda atau barangan kepunyaan beberapa orang dipindahkan oleh pihak berkuasa tempatan pada menjalankan apa-apa kerja itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengarahkan supaya benda dan barang itu, jika dijual, dijual secara berasingan.

Lesen hendaklah mengikut budi bicara

117. (1) Pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen menurut Akta ini atau menurut mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah mengikut budi bicara pihak berkuasa tempatan atau orang yang diberi kuasa memberi atau membaharuinya dan sesuatu lesen boleh diberi, dibaharui atau ditolak tanpa memberi apa-apa sebab dan boleh diberi atau dibaharui tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan atau orang yang memberi atau membaharuinya dan lessen itu hendaklah tertakluk kepada penggantungan atau pembatalan pada bila-bila masa tanpa pampasan dan tanpa notis diberi oleh pihak berkuasa

tempatan apabila dilanggar mana-mana sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya ia telah dikeluarkan.

(2) Pihak berkuasa tempatan atau orang yang diberi kuasa untuk memberi atau membaharui lesen itu boleh menghendaki mana-mana pemohonnya memberi apa-apa maklumat yang boleh dikehendaki secara berpatutan oleh pihak berkuasa tempatan atau orang itu bagi menimbangkan permohonan itu dengan sepenuh dan sepatutnya dan jika sekiranya maklumat itu tidak diberi pihak berkuasa tempatan atau orang itu hendaklah enggan memberi atau membaharui lesen itu.

(3) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya sesuatu lesen yang diberi atau dibaharui menurut Akta ini atau menurut mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh diberi atau dibaharui bagi suatu tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan.

(4) Sesuatu bayaran, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan hendaklah dikenakan bagi pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen.

(5) Tiada sesuatu lesen itu boleh dipindah hak milik tanpa persetujuan pihak berkuasa tempatan.

(6) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya seseorang yang terkilan dengan keengganan sesuatu pihak berkuasa tempatan memberi atau membaharui suatu lesen atau terkilan dengan penggantungan atau pembatalan sesuatu lesen oleh pihak berkuasa tempatan itu boleh, dalam bulan lesen itu enggan diberi atau dibaharui, digantung atau dibatalkan merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu mengenainya adalah muktamad.

(7) Dalam seksyen ini "lesen" termasuklah sesuatu kelulusan, persetujuan, permit, kebenaran, pemberian kuasa atau lesen yang mungkin diberi menurut Akta ini atau menurut mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

Notis, dll.

118. Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan borang notis dan dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

Resit dan notis boleh diberi oleh pegawai yang diberi kuasa berkenaan dengannya

119. (1) Semua notis, perintah, resit, waran dan dokumen lain dari apa-apa jua jenis yang sesuatu pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk memberi oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh diberi oleh seseorang pegawai atau pekerja yang diberi kuasa berkenaan dengannya oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(2) Jika sesuatu notis, perintah, resit, waran atau dokumen itu perlu disahkan, tandatangan atau *facsimile* tandatangan pihak berkuasa tempatan atau seseorang pegawai atau pekerja yang diberi kuasa berkenaan dengannya oleh pihak berkuasa tempatan itu yang diturunkan padanya adalah pengesahan yang mencukupi.

Menyampaikan notis

120. (1) Tiap-tiap notis, perintah, saman atau dokumen yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada seseorang boleh disampaikan—

(a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya kepada seseorang anggota atau pekerja dewasa keluarganya di tempat tinggalnya yang akhir diketahui;

(b) dengan meninggalkannya di tempat tinggal atau tempat perniagaan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau

(c) dengan menghantarnya melalui pos dalam suatu sampul yang telah dijelaskan bayarannya dan yang dialamatkan kepada orang itu di tempat tinggal atau tempat perniagaannya yang biasa atau akhir diketahui.

(2) Sesuatu notis, perintah, saman atau dokumen yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada pemunya atau penduduk sesuatu premis hendaklah disifatkan sebagai telah dialamatkan dengan sempurnanya jika dialamatkan dengan perihal "pemunya" atau "penduduk" premis itu tanpa nama atau perihal selanjutnya.

(3) Sesuatu notis, perintah, saman atau dokumen yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada pemunya atau penduduk sesuatu premis boleh disampaikan dengan menyerahkannya atau suatu salinannya yang benar kepada seseorang dewasa di premis itu atau, jika tiada seseorang yang demikian di premis itu yang kepadanya yang demikian boleh diserahkan dengan usaha yang berpatutan, dengan menampalkan notis, perintah, saman atau dokumen itu di suatu bahagian premis itu yang mudah dilihat.

Kemungkiran mematuhi notis. Penalti am

121. (1) Apabila sesuatu notis di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya menghendaki sesuatu perbuatan dilakukan atau sesuatu kerja dijalankan oleh pemunya atau penduduk sesuatu premis dan kehendak notis itu tidak dipatuhi, orang yang mungkir itu, jika tiada apa-apa denda diperuntukkan dengan khas bagi kemungkiran itu, boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau, jika sesuatu kerja dikehendaki dilakukan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit satu hari.

(2) Apabila sesuatu notis itu menghendaki sesuatu perbuatan dilakukan atau sesuatu kerja dijalankan dan tiada apa-apa masa ditetapkan baginya oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang

kecil yang dibuat di bawahnya maka notis itu hendaklah menyatakan suatu masa yang berpatutan untuk mematuhi kehendak itu.

Mahkamah bagi membicarakan kesalahan

122. Sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh dibicarakan oleh sesuatu Mahkamah Majistret.

Pendakwaan

123. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pekerja pihak berkuasa boleh meminta nama dan alamat dalam hal-hal tertentu

124. (1) Mana-mana orang yang dipertuduh oleh seseorang pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai polis atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah memberi nama dan alamatnya kepada pegawai, pekerja atau pegawai polis itu, jika dikehendaki sedemikian.

(2) Penduduk sesuatu premis hendaklah, jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai polis, memberi nama dan alamat pemunya premis itu, jika diketahui.

Penalti

(3) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini atau dengan sengaja menyalahnyatakan nama dan

alamatnya atau nama dan alamat pemunya sesuatu premis boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit.

Kuasa menangkap

125. (1) Mana-mana orang pegawai polis atau pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurnanya oleh pihak berkuasa tempatan secara am atau dalam sesuatu hal tertentu boleh menangkap seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan dalam kelihatannya atau yang dia percaya dengan munasabah telah melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya—

(a) jika nama dan alamat orang itu tidak diketahuinya;

(b) jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(c) jika ada sebab bagi meragui ketepatan nama dan alamat itu, jika diberi.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini boleh ditahan sehingga nama dan alamatnya ditentukan dengan betul:

Dengan syarat bahawa tiada seseorang yang ditangkap sedemikian boleh ditahan lebih lama daripada yang perlu untuk membawanya ke hadapan sesuatu mahkamah melainkan jika perintah suatu mahkamah bagi menahannya didapati.

Kecualian pendakwaan

126. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang seseorang daripada didakwa di bawah mana-mana undang-undang lain atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang adalah suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau daripada boleh dikenakan di bawah undang-undang lain itu apa-apa hukuman atau penalti yang lain atau yang lebih berat

daripada apa-apa yang diperuntukkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa tiada sesiapa jua boleh dihukum lebih daripada sekali bagi kesalahan yang sama.

Penalti am

127. Mana-mana orang yang bersalah atau suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kerosakan kepada harta pihak berkuasa tempatan hendaklah dibaiki selain penalti

128. (1) Jika seseorang itu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya melalui sesuatu perbuatan, kecuaian atau kemungkiran dan dengan perbuatan, kecuaian atau kemungkiran itu orang itu telah menyebabkan kerosakan kepada apa-apa harta kepunyaan pihak berkuasa tempatan, maka orang itu adalah bertanggungan membaiki kerosakan itu selain apa-apa penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan itu.

(2) Amaun bagi kerosakan itu, jika ada pertikaian, hendaklah diputuskan oleh mahkamah yang mensabitkan pihak yang dikenakan penalti itu.

(3) Amaun bagi kerosakan itu hendaklah dituntut seolah-olah ia adalah suatu denda yang dikenakan oleh mahkamah.

Ketidaktepatan dalam dokumen

129. Tiada apa-apa salah sebut nama atau perihal yang tidak tepat mengenai mana-mana orang, premis, bangunan, pegangan, jalan atau tempat yang dinamakan atau diperihalkan dalam sesuatu dokumen yang disediakan, dikeluarkan atau disampaikan, menurut kuasa Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh dengan apa-apa cara jua pun menyentuh penjalanan kuat kuasa Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil berkenaan dengan orang atau tempat itu jika orang atau tempat itu adalah disebutkan dalam dokumen itu dengan cara yang boleh dikenali, dan tiada apa-apa tindakan yang diambil di bawah atau menurut kuasa Akta ini atau di bawah atau menurut mana-mana undang-undang kecil itu boleh menjadi tidak sah kerana tidak mematuhi formaliti.

Keterangan

130. (1) Kandungan sesuatu dokumen yang disediakan, dikeluarkan atau disampaikan di bawah, menurut kuasa atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya dan pengemukaan sesuatu buku yang mengandungi apa-apa pembahagian yang dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta ini hendaklah, tanpa apa-apa jua keterangan lain, diterima sebagai bukti *prima facie* mengenai pembuatan dan sahnya pembahagian yang tersebut di dalamnya.

(2) Segala rekod, daftar dan dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya supaya disimpan oleh pihak berkuasa tempatan atau oleh seseorang pegawai awam hendaklah disifatkan sebagai dokumen awam dan salinan-salinannya atau cabutan daripadanya yang diperakui oleh pegawai yang bertanggungjawab menjaganya sebagai salinan benar atau sebagai cabutan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditandatangani oleh pegawai itu dengan namanya dan nama

jawatannya boleh diterima dalam keterangan sebagai bukti bagi kandungan dokumen itu atau cabutannya.

Peruntukan keterangan

131. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya, sesuatu perakuan bagi maksud membuktikan—

(a) tuan punya berdaftar sesuatu tanah;

(b) pemunya berdaftar sesuatu kereta motor,

yang ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Pengarah Pengangkutan Jalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjadi keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan

132. (1) Bagi maksud Akta ini suatu kumpulan wang yang dinamakan "Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan" hendaklah ditubuhkan dalam setiap pihak berkuasa tempatan dan hendaklah dibayar ke dalamnya semua wang yang mungkin dibayar dari semasa ke semasa kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini, semua wang yang boleh didapatkan oleh pihak berkuasa tempatan daripada seseorang di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan apa-apa sumbangan daripada seseorang bagi mencantikkan, membina atau menyusun atur sesuatu jalan, parit, pembetung, salur atau alur air.

(2) Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan itu hendaklah ditadbirkan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut budi bicara mutlaknya.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (2) pihak berkuasa tempatan boleh membayar daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan itu apa-apa belanja yang mungkin dilakukan pada menjalankan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN VII

UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang kecil

133. Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang kecil bagi atau berkenaan dengan tiap-tiap maksud yang difikirkan perlu olehnya bagi menjalankan peruntukan Akta ini dan bagi menetapkan sesuatu perkara yang dibenarkan atau dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini, dan khususnya dan tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut di atas bagi atau berkenaan dengan segala atau mana-mana daripada perkara yang dinyatakan di bawah ini:

(i) memasang atau meneruskan sesuatu talian susur, sesalur, paip, konduit atau talian elektrik* (selain daripada betung) sepanjang, melalui, melintasi, di atas atau di bawah sesuatu jalan atau sesuatu tempat yang disusun atur atau dicadangkan bagi suatu jalan;

(ii) memberi lesen bagi meneruskan dan menyenggara dawai telegraf atau kabel atau dawai bagi menyalurkan kuasa elektrik sepanjang atau melintasi atau di bawah jalan awam dan menetapkan dan melevi bayaran tahunan atau bayaran lain baginya;

(iii) aras dan lebar jalan dan pembinaan jalan-jalan dan membina, membaiki, membersihkan, membasahkan dan menerangi dengan lampu jalan, terusan dan jambatan dan menanam serta memelihara pokok;

(iv) mengawasi dan mengawal lorong belakang yang terletak di bawah jagaan pihak berkuasa tempatan, mengawasi dan mengawal jalan awam dan jalan yang disusun atur atau dibina oleh pihak berkuasa tempatan, melesen orang untuk menggunakan jalan dan lorong belakang itu bagi apa-apa maksud atau dalam sesuatu cara tertentu selain maksud menggunakan apa-apa hak lalu atasnya;

(v) membina dan menurap arked dan siar kaki dan lebar dan arasnya;

(vi) membina, menyenggara dan membaiki bekalan air, ruang kebersihan, ruang sink, ruang mandi dan basuh dalam sesuatu bangunan atau dalam sesuatu premis;

(vii) (*Dipotong oleh Akta A867*);

(viii) (*Dipotong oleh Akta A1312*);

(ix) mengadakan, membina, menyenggara dan membaiki telaga-telaga, tangki dan sisten;

(x) mencegah, memindah dan menghapuskan halangan atau langgar sempadan yang ada pada atau di atas lorong belakang, jalan awam, jalan persendirian dan arked yang bersempadanan dengannya dan mengadakan dan membina mana-mana bahagian sesuatu tanah sebelah menyebelah jalan itu dan ukuran dan menurapnya;

(xi) menutup, memagar, menerangi dengan lampu dan membaiki apa-apa kerja, lubang atau tempat yang mungkin mendatangkan bahaya kepada orang ramai;

(xii) membina, mengubah dan meruntuhkan bangunan dan cara serta bahan yang hendak digunakan berhubungan dengannya;

(xii*a*) pengemukaan pelan, penentuan, kiraan, butir-butir, dokumen dan laporan berhubungan dengan pendirian

bangunan, orang utama yang mengemukakan dan orang yang mengemukakan dan tugas serta tanggungjawab mereka, dan bentuk dan sifat atau pengelasan pelan, kiraan, butir-butir, dokumen dan laporan itu;

(xii*b*) cara dan prosedur bagi membuat suatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan pelan dan penentuan bagi pendirian bangunan;

(xii*c*) perancangan, reka bentuk dan pendirian bangunan termasuklah—

(a) kekuatan struktur bangunan;

(b) kestabilan bangunan;

(c) tindakan mencegah beban lebih;

(d) langkah untuk melindungi bangunan yang berdampingan; dan

(e) topang bawah;

(xii*d*) pengadaan benteng dan tembok penahan;

(xii*e*) pengemukaan butir-butir orang yang berkelayakan, kontraktor, pekerja binaan mahir dan penyelia tapak binaan yang diguna khidmat atau diambil kerja bagi maksud atau untuk pendirian bangunan;

(xii*f*) penetapan dokumen, buku atau rekod yang kena disimpan dan laporan atau perakuan yang kena dibuat atau dikeluarkan di bawah Akta ini;

(xii*g*) masa, cara dan prosedur bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian;

(xii*h*) cara dan prosedur bagi pensampelan bahan binaan;

(xii*i*) cara melakukan pemeriksaan bangunan dan cerun secara berkala dan borang yang di dalamnya laporan yang berhubungan dengannya hendaklah dikemukakan;

(xiii) bidang hadapan, ruang udara keliling, pencahayaan, penyamanan udara, penggantian udara, berapa tingginya dan jalan dan tempat masuk kepada, mengadakan tempat meletak kereta dalam atau bagi, bangunan dan jalan keluar dari bangunan;

(xiv) kandungan minimum kayu atau kandungan bahan binaan lain dalam sesuatu bangunan;

(xv) ukuran bilik, petak tangga dan bahagian bangunan lain dan penguntukan cahaya dan udara baginya;

(xvi) peruntukan bagi penurapan, lebar dan aras arked dan siar kaki;

(xvii) peruntukan bagi bekalan air, ruang kebersihan, ruang sink, ruang mandi dan ruang membasuh dalam sesuatu bangunan atau di atas sesuatu premis;

(xviii) peruntukan, pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan parit;

(xix) (*Dipotong oleh Akta A1312*);

(xx) menetapkan borang bagi lesen dan bagi maksud lain untuk digunakan berhubungan dengan Akta ini;

(xxi) langkah-langkah bagi mencegah kebakaran, bagi mencegah merebaknya kebakaran dan bagi memadamkan kebakaran;

Undang-undang kecil itu boleh termasuk—

(a) peruntukan supaya bahan bangunan terdiri daripada bahan merintang api dan supaya bahan rintangan api itu digredkan;

(b) peruntukan berkenaan dengan cara pembinaan dan reka bentuk sesuatu bangunan supaya bangunan terselamat dari kebakaran;

(c) peruntukan bagi mengadakan kemudahan untuk keluar daripada sesuatu premis jika berlaku kebakaran dan bagi menyenggara kemudahan itu;

(d) peruntukan bagi mengadakan penahan api dan langkau api;

(e) peruntukan berkenaan dengan akses ke premis bagi pasukan bomba jika berlaku kebakaran dan termasuk jalan akses di dalam sesuatu bangunan bagi maksud memadam kebakaran;

(f) peruntukan bagi menggantikan udara bangunan bagi maksud membuang gas dan asap yang mungkin disebabkan oleh sesuatu kebakaran;

(g) peruntukan bagi kelengkapan memadamkan kebakaran secara manual dan automatik keduaduanya dan mengadakan pengesan kebakaran dan penggera kebakaran dan menyenggaranya;

(h) peruntukan bagi bekalan air yang cukup bagi maksudmaksud memadamkan kebakaran;

(i) langkah lain bagi mencegah kebakaran dan merebaknya kebakaran;

(xxii) menghendaki pemunya atau penduduk premis, atau seseorang lain yang mempunyai kewajipan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya, menjalankan apa-apa kerja atau melakukan apa-apa perbuatan yang perlu pada pendapat pihak berkuasa tempatan supaya Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil itu dapat dipatuhi dan jika pemunya atau penduduk atau orang lain itu tidak mematuhi kehendak itu, memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kerja itu atau melakukan perbuatan itu sendirinya dan untuk menuntut belanja dan kos yang dilakukannya pada atau mengenai menjalankan kerja itu atau melakukan mana-mana perbuatan itu dari pemunya, penduduk atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(xxiii) dalam hal kecemasan atau jika pemunya tidak boleh dijumpai selepas siasatan yang sepatutnya, memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kerja itu atau melakukan perbuatan itu sendirinya tanpa terlebih dahulu menghendaki pemunya, penduduk atau orang lain yang tersebut di atas membuatnya, dan menuntut belanja dan kos yang dilakukannya pada atau mengenai menjalankan kerja itu atau melakukan perbuatan itu daripada pemunya, penduduk atau orang lain itu;

(xxiv) membahagi tanggungjawab kerana kegagalan kepada sesuatu bangunan atau bahagian sesuatu bangunan dan untuk menghendaki seseorang atau sesuatu golongan orang melaporkan kegagalan itu dan menerangkan sebab kegagalan itu;

(xxv) pembayaran yang hendak dibuat bagi, dan hal lain yang berkenaan dengan, lesen dan permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

(xxvi) bayaran, kos dan wang lain yang dikenakan bagi apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan dibuat di bawah Akta ini;

(xxvii) pungutan, remitan, rebet atau tangguhan pembayaran sesuatu jumlah wang yang dikehendaki dibayar di bawah Akta ini;

(xxviii) kesalahan di bawah Akta ini dan di bawah mana-mana undang-undang yang dibuat di bawahnya yang boleh dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan, orang yang boleh mengkompaun, had jumlah wang yang hendak dipungut oleh pihak berkuasa tempatan itu kerana mengkompaun kesalahan itu dan tatacara yang kena dipatuhi dan borang yang kena diisi apabila mengkompaun;

(xxix) semua tatacara dan perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan ditetapkan oleh Akta ini, atau yang perlu atau sesuai ditetapkan bagi menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini, setakat yang tidak termasuk dalam mana-mana daripada perenggan di atas.

BAHAGIAN VIII

PEMANSUHAN, PERUNTUKAN PERALIHAN, DSB

Pemansuhan, peruntukan peralihan, dsb.

134. (1) Undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual dimansuhkan mulai dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun yang bermula dari mula berkuatkuasanya Akta ini, dengan perintah di bawah seksyen ini—

(a) memansuhkan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa sebelum sahaja mula berkuat kuasanya

Akta ini dan yang dijadikan usang atau tidak perlu oleh mana-mana peruntukannya;

(b) membuat apa-apa pemansuhan atau pindaan dalam sesuatu undang-undang itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud mensesuaikan peruntukan Akta ini, atau bagi maksud membuat pertambahan kepada peruntukan yang akhir tersebut itu mengenai apa-apa perkara:

Dengan syarat bahawa kuasa yang diberi oleh subseksyen ini tidak boleh dijalankan berkenaan dengan sesuatu Undang-undang Negeri melainkan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan peralihan, dsb.

135. Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan peraturan-peraturan, membuat sesuatu peruntukan yang difikirkannya perlu atau mustahak bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh mula berkuatkuasanya Akta ini, dan mana-mana peraturan itu boleh dibuat supaya berkuat kuasa mulai dari mula berkuat kuasanya Akta ini.

JADUAL

PEMANSUHAN

A. Enakmen Lembaga Bandaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu [*N.M.B. Bab 137*].

Seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78*(a)*, *(d)*, subperenggan *(g)*(i) dan (ii), perenggan 78 *(h)* dan *(l)*, 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 118, 119, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 133A, 134 dan 134A.

B. Ordinan Perbandaran [*S.S. Bab 133*].

Perenggan 58(1)*(g), (j)* dan *(ee)*, seksyen 95, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 139A, 140, 141, 142, 142A, 143, 144, 144A, 144B, 144C, 145, 146, 147, 148, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 156A, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169, 170, 170A, 170B, 170C, 219, 229, perenggan 245*(a), (b)* (kecuali setakat mana ia dipakai mengenai lubang tahi dan lubang abu), subperenggan *245(e)*(i) dan (ii), perenggan *245(f)* dan *(k)*, seksyen 369, 370 dan 395A.

C. Enakmen Lembaga Bandaran Johor [*Johor No. 118*].

Seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78*(d)*, subperenggan 78 *(g)*(i) dan (ii), perenggan *78(h)* dan *(l)*, 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 129, 130, 131, 132, 133, 133A, 134 dan 134A.

D. Enakmen Perbandaran Kelantan 1938 [*Kelantan 20/1938*].

Seksyen 11A, 44, 45, 45A, 46, 46A, 46B, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56 dan 57.

E. Enakmen Lembaga Bandaran Terengganu, 1355 [*Terengganu 12/1355*].

Seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78(i), (iv), subperenggan (vii)*(a)* dan *(b)*, perenggan 78(viii) dan (xii), 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 120, 121, 122, 129, 130, 131, 133, 133A, 134, 134A dan 143.

———————

LAMPIRAN

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(Akta 133)

Tarikh kuatkuasa Akta ini di Daerah/Majlis Perbandaran

Negeri	Berkuat kuasa dari	Kuasa
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	01-01-1977	P.U. (B) 588/1976
JOHOR		
Majlis Perbandaran Johor Bahru	01-02-1984	P.U. (B) 53/1984
Majlis Daerah—		
Pontian	01-02-1984	P.U. (B) 54/1984
Muar Utara	01-02-1984	P.U. (B) 55/1984
Muar Selatan	01-02-1984	P.U. (B) 56/1984
Kluang Utara	01-02-1984	P.U. (B) 57/1984
Kluang Selatan	01-02-1984	P.U. (B) 58/1984
Kota Tinggi	01-02-1984	P.U. (B) 59/1984
Mersing	01-02-1984	P.U. (B) 60/1984
Batu Pahat Barat	01-02-1984	P.U. (B) 61/1984
Batu Pahat Timur	01-02-1984	P.U. (B) 62/1984
Segamat Utara	01-02-1984	P.U. (B) 63/1984
Segamat Selatan	01-02-1984	P.U. (B) 64/1984
Kulai	01-02-1984	P.U. (B) 65/1984
Johor Bahru Tengah	01-02-1984	P.U. (B) 66/1984
Kawasan Rancangan Perumahan Kangkar Tebrau, Johor Bahru Peringkat I, II dan III	03-02-1988 (ss 6 hingga 35)	J.P.U. 4/1988
Taman Perling, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru	03-02-1988 (ss 6 hingga 35)	J.P.U. 5/1988
Pihak Berkuasa Tempatan Johor Tenggara	01-02-1988	J.P.U. 10/1988
KEDAH		
Majlis Perbandaran Kota Setar	15-04-1978	P.U. (B) 206/1978
Majlis Daerah Kerajaan Tempatan—		

Negeri	Berkuat kuasa dari	Kuasa
Kuala Muda	15-04-1978	P.U. (B) 206/1978
Kulim	15-04-1978	P.U. (B) 206/1978
Kubang Pasu	15-04-1978	P.U. (B) 206/1978
Baling	15-04-1978	P.U. (B) 206/1978
Majlis Daerah—		
Sik	01-01-1982	P.U. (B) 727/1981
Padang Terap	01-01-1982	P.U. (B) 728/1981
Yan	01-01-1982	P.U. (B) 729/1981
Pendang	01-01-1982	P.U. (B) 730/1981
Bandar Bahru	01-01-1982	P.U. (B) 731/1981
Langkawi	01-01-1982	P.U. (B) 732/1981
KELANTAN		
Majlis Perbandaran Kota Bharu	01-09-1983	P.U. (B) 408/1983
Majlis Daerah—		
Pasir Puteh	01-09-1983	P.U. (B) 409/1983
Machang	01-09-1983	P.U. (B) 410/1983
Kota Bharu	01-09-1983	P.U. (B) 411/1983
Ulu Kelantan	01-09-1983	P.U. (B) 412/1983
Bachok	01-09-1983	P.U. (B) 413/1983
Tumpat	01-09-1983	P.U. (B) 414/1983
Kuala Krai Utara	01-09-1983	P.U. (B) 415/1983
Kuala Krai Selatan	01-09-1983	P.U. (B) 416/1983
Tanah Merah	01-09-1983	P.U. (B) 417/1983
Pasir Mas	01-09-1983	P.U. (B) 418/1983
MELAKA		
Majlis Perbandaran Melaka Tengah, Melaka	01-01-1978	P.U. (B) 763/1977
Majlis Daerah—		
Jasin	01-01-1982	P.U. (B) 733/1981
Alor Gajah	01-01-1982	P.U. (B) 734/1981

Negeri	Berkuat kuasa dari	Kuasa
NEGERI SEMBILAN		
Majlis Perbandaran Seremban	01-05-1979	P.U. (B) 215/1979
Majlis Daerah—		
Kuala Pilah	01-07-1980	P.U. (B) 349/1980
Tampin	01-07-1980	P.U. (B) 350/1980
Rembau	01-07-1980	P.U. (B) 351/1980
Port Dickson	01-07-1980	P.U. (B) 352/1980
Jempol	01-08-1980	P.U. (B) 415/1980
Seremban	01-04-1985	P.U. (B) 165/1985
PAHANG		
Majlis Daerah—		
Temerloh	01-07-1981	P.U. (B) 348/1981
Bentong	01-07-1981	P.U. (B) 349/1981
Raub	01-07-1981	P.U. (B) 350/1981
Maran	01-04-1993	P.U. (B) 99/1993
Pekan	01-04-1993	P.U. (B) 100/1993
Rompin	01-04-1993	P.U. (B) 101/1993
Majlis Perbandaran Kuantan	01-07-1981	P.U. (B) 351/1981
Majlis Daerah—		
Cameron Highlands	01-03-1982	P.U. (B) 102/1982
Lipis	01-03-1982	P.U. (B) 103/1982
Jerantut	01-03-1982	P.U. (B) 104/1982
PULAU PINANG		
Majlis Perbandaran—		
Pulau Pinang	01-01-1980	P.U. (B) 649/1979
Seberang Perai	01-01-1980	P.U. (B) 650/1979
PERAK		
Majlis Perbandaran—		
Ipoh	01-04-1980	P.U. (B) 137/1980
Taiping	01-04-1980	P.U. (B) 138/1980

Negeri	Berkuat kuasa dari	Kuasa
Majlis Daerah—		
Tapah	01-04-1980	P.U. (B) 139/1980
Dinding	01-04-1980	P.U. (B) 140/1980
Selama	01-04-1980	P.U. (B) 141/1980
Kuala Kangsar	01-04-1980	P.U. (B) 142/1980
Lenggong	01-04-1980	P.U. (B) 143/1980
Grik	01-04-1980	P.U. (B) 144/1980
Kinta Barat	01-04-1980	P.U. (B) 145/1980
Krian	01-04-1980	P.U. (B) 146/1980
Perak Tengah	01-04-1980	P.U. (B) 147/1980
Kroh	01-04-1980	P.U. (B) 148/1980
Hilir Perak	01-04-1980	P.U. (B) 149/1980
Tanjung Malim	01-04-1980	P.U. (B) 150/1980
Kinta Selatan	01-04-1980	P.U. (B) 151/1980
PERLIS		
Majlis Perbandaran Kangar	01-01-1980	P.U. (B) 648/1979
SELANGOR		
Semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	01-06-1978	P.U. (B) 279/1978
Taman Seri Muda, Daerah—		
Kelang	14-04-1983	Sel. P.U. 10/1983
TERENGGANU		
Majlis Daerah—		
Marang	01-02-1984	P.U. (B) 36/1984
Hulu Terengganu	01-02-1984	P.U. (B) 37/1984
Kemaman	01-02-1984	P.U. (B) 38/1984
Dungun	01-02-1984	P.U. (B) 39/1984
Besut	01-02-1984	P.U. (B) 40/1984
Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	01-02-1984	P.U. (B) 41/1984

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 133

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A324	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976	01-01-1976
Akta A435	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1978	03-03-1978
Akta A867	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993	P.U. (B) 84/1994*
Akta A903	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1994	01-10-1995
Akta A1286	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007	12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang

*_CATATAN_—Tarikh kuat kuasa adalah berbeza bagi setiap Majlis Daerah–*lihat* Jadual kepada P.U. (B) 84/1994 Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993.

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
		[P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
P.U. (A) 394/2010	Perintah Wilayah Persektuuan Labuan (Peluasan dan Pengubahsuaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2010	01-01-2011
Akta A1312	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007	01-09-2011 - [P.U.(B) 492/2011] Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 01-09-2011 [P.U.(B) 489/2011] Perlis, Kedah,Pahang, N. Sembilan, Melaka dan Johor
Akta A1588	Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2019	27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 133

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A867 Akta A903 Akta A1286	P. U. (B) 84/1994* 01-10-1995 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
	Akta A1588	27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
39	Akta A1588	27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan
46	Akta A435 Akta A867	03-03-1978 P. U. (B) 84/1994*
49	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
51	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
53	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
54	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
55	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
58	Akta A867 Akta A1286	P. U. (B) 84/1994* 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
60	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
62	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
63	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
64	Akta A867 Akta A1286	P. U. (B) 84/1994* 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
65	Akta A867 Akta A903 Akta A1286	P. U. (B) 84/1994* 01-10-1995 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B)

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
70	Akta A435 Akta A903 Akta A1588	03-03-1978 01-10-1995 27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan
70A	Akta A903	01-10-1995
70B	Akta A1286	12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
70C	Akta A903	01-10-1995
70D	Akta A903	01-10-1995
71	Akta A435 Akta A903	03-03-1978 01-10-1995
75	Akta A1286	12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak
77	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
81	Akta A867	P. U. (B) 84/1994*
85	Akta A903	01-10-1995
85A	Akta A903 Akta A1286	01-10-1995 12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007;

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
	Akta A1588	27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan
100	Akta A903	01-10-1995
121	Akta A903	01-10-1995
123	Akta A1286	12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007];

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
127	Akta A1286	12-04-2007 Johor [P.U.(B) 121/2007; Kedah [P.U. (B) 122/2007]; Kelantan [P.U. (B) 123/2007]; Melaka [P.U. (B) 124/2007]; N.Sembilan [P.U. (B) 125/2007]; Pahang [P.U. (B) 126/2007]; Pulau Pinang [P.U. (B) 127/2007]; Perak [P.U. (B) 128/2007]; Perlis [P.U. (B) 129/2007]; Terengganu [P.U. (B) 130/2007]; Selangor [P.U. (B) 131/2007]; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya [P.U.(B) 152/2007]
132	Akta A867	P.U. (B) 84/1994*
133	Akta A867 Akta A903 Akta A1312	P.U. (B) 84/1994* 01-10-1995 01-09-2011 - [P.U.(B) 492/2011] Wilayah

**CATATAN*—Tarikh kuat kuasa adalah berbeza bagi setiap Majlis Daerah–*lihat* Jadual kepada P.U. (B) 84/1994 Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993.

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 01-09-2011 [P.U.(B) 489/2011] Perlis, Kedah,Pahang, N. Sembilan, Melaka dan Johor
	Akta A1588	27-12-2019 [P.U. (B) 621/2019] Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, N. Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Kelantan
Jadual	Akta A435	03-03-1978



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1773

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2025

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	28 Oktober 2025
Tarikh penyiaran dalam *Warta*		...	12 November 2025

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1773

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

[ ]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat semata-mata bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat suatu undang-undang mengenai perkara-perkara kerajaan tempatan yang berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berhubung dengan sesuatu Negeri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa

Negeri, menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan.

(4) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Walau apa pun subseksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

(a) mengecualikan mana-mana bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan daripada mana-mana peruntukan Akta ini; dan

(b) meluaskan mana-mana atau kesemua peruntukan Akta ini supaya terpakai bagi keseluruhan atau mana-mana kawasan atau bahagian mana-mana kawasan dalam Negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Pindaan seksyen 47

2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 47—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "lima ratus ringgit" dengan perkataan "dua ribu ringgit"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "satu ribu ringgit" dengan perkataan "tiga ribu ringgit"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"**Perintah khidmat masyarakat**

(1A) Jika seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), mahkamah yang di hadapannya orang itu disabitkan boleh, sebagai tambahan kepada denda yang ia boleh kenakan di bawah subseksyen (1), membuat suatu perintah khidmat masyarakat yang menghendaki orang yang disabitkan itu, untuk melaksanakan khidmat masyarakat tidak melebihi dua belas jam secara agregat dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dan selama bilangan jam tertentu setiap hari tidak melebihi empat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(1B) Sebelum membuat perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (1A), mahkamah hendaklah—

(a) menimbangkan keadaan fizikal dan mental orang yang disabitkan itu, jika wajar baginya untuk melaksanakan khidmat masyarakat; dan

(b) menerangkan kepada orang yang disabitkan itu dalam bahasa biasa—

(i) kesan perintah khidmat masyarakat itu; dan

(ii) akibat tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat itu.

(1C) Mana-mana pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu hendaklah, selepas suatu perintah khidmat masyarakat dibuat di bawah subseksyen (1A), menentukan masa dan tempat bagi pelaksanaan khidmat masyarakat itu dan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan oleh orang yang disabitkan itu, dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memaklumkan orang yang disabitkan yang diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat itu mengenai masa dan tempat itu, dan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan.

(1D) Dalam tempoh perintah khidmat masyarakat itu, pelaksanaan khidmat masyarakat oleh orang yang disabitkan itu hendaklah diawasi oleh pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(1E) Pengawasan oleh pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu terhadap pelaksanaan khidmat masyarakat oleh orang yang disabitkan di bawah subseksyen (1D) hendaklah mengikut cara sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam apa-apa undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini.

(1F) Pihak berkuasa tempatan boleh membuat undang-undang kecil—

(a) untuk menetapkan jenis khidmat masyarakat yang hendaklah dilaksanakan di bawah suatu perintah khidmat masyarakat;

(b) untuk menetapkan cara pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat.

(1G) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen (1A) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(1H) Jika suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen (1A) dibuat terhadap seseorang kanak-kanak yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), peruntukan yang berhubungan dengan perintah khidmat masyarakat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] hendaklah terpakai.".

Pindaan seksyen 48

3. Seksyen 48 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif "kereta" takrif yang berikut:

‘ "kanak-kanak" ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun;’; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "kereta" takrif yang berikut:

‘ "khidmat masyarakat" ertinya suatu kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan yang tidak dibayar yang dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan atau menambah baik kebersihan suatu tempat awam;’.

Seksyen baharu 125A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 125 seksyen yang berikut:

"**Kuasa pengawasan khidmat masyarakat**

125A. Seseorang pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan itu hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawasi pelaksanaan apa-apa khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat yang dibuat di bawah subseksyen 47(1A).".